MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL Pertama

First Session

Jilid I **Bil. 58** **Hari Rabu** **17hb Julai, 1991**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN **(Ruangan 1)**

USUL-USUL

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995
- Y.A.B. Perdana Menteri **(Ruangan 36)**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat **(Ruangan 109)**

Penangguhan Mesyuarat **(Ruangan 131)**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 17hb Julai, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]**

JAWAPAW-JAWAPAN MULUT BAGl PERTANYAAN-PERTANYAAN

BANK DARAH MALAYSIA

i. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan raenyatakan, berapakah angka rakyat Malaysia dan orang asing tinggal di Malaysia yang menderma darah kepada Bank Darah Malaysia, lebih dari tiga kali. Adakah upah 'Reward' telah dibagikan kepada orang-orang yang menderma darah lebih daripada tiga kali, untuk menyelaioackan nyawa orang lain.

Timbalan Menteri Kesihatan Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan *(a)*, Tabung Darah di hospital-hospital Keraenterian Kesihatan tidak menyimpan secara keseluruhannya .perangkaan penderina darah yang telah menderita lebih daripada tiga kali. Walau bagaimanapun, jumlah penderma darah yant, telahpun menderma lebih daripada satu kali di hospital-hospital Kerajaan bagi tahun. 1989 ialah lebih kurang 84,362 orang.

Uncuk soalan (b), Kementerian Kesihatan telahpun memperuntukkan kemudahan mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kerajaan kepada penderraa semasa mereka memertukannya mengikut Ordinan Bayaran Kementerian Kesihatan 22/51.

Kemudahan-kemudahan tersebut adalah seperti berikut:-

Untuk. penderma 1 hingga 15 kali, kecualian sepenuhnya daripada caj-caj ataupun bayaran-bayaran rawatan dan caj-caj wad dalam wad kelas dua dalara tempoh 4 bulan selepas menderma kali terakhir dan rawatan pesakit luar percuma dalam tempoh yang sama.

Untuk penderma 16 hingga 40 kali,kecualian sepenuhnya daripaaa bayaran ataupun caj-caj rawatan dan bayaran wad dalam wad kelas dua dalam tempoh 4 bulan selepas mendenaa kali cerakhir dan selepas icu setengah daripada bayaran rawatan dan setengah daripada bayaran dalain wad Kelas dua dan rawatan pesakit luar percuma dalain tempoh 3 tahun selepas menderma kali terakhir itu.

Bagi penderma 41 kali ke atas, kekecualian sepenuhnya daripada bayaran rawatan dan bayaran wad dalam wad kelas dua dan rawatan pesakic luar percuma pada bila-bila masa.

Tuan Haji Ishak biu Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada Timbalan Menteri, dari segi bilangan atau kadar orang-orang Islam yang menderma darah jika dibandingkan dengan yang bukan Islam.

Yang kedua, apakah langkah-langkah yang dibuat bagi mengalakkan lebih ramai orang-orang Islam untuk menderma darah dan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak Kemencerian ba gi menentukan bahawa mereka yang menerima darah itu selamat dari penyakit-penyakit yang merbahaya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-pertua, untuk soalan No. 1, saya meminta maat kerana tidak ada perangkaan yang memecahkannya kepada orang Islam dan bukan Islaia tetapi jika sekira-nya Ahli Yang Berhormat dari Kangar memerlukannya, saya boleh tneng-hantarkannya secara bertulis,

Yang kedua, berkenaan dengan mengalakkan orang Islam menderma darah, adalah seperti yang saya umumkan tadi, antara lain,kempen-kempen daripada masa ke semasa sedang dijalankan dan akan terus di-jalankan oleh pihak Tabung Darah dan juga badan-badan sukarelawan yang lain.

Untuk menentukan bahawa darah yang digunakan oleh penerima darah itu selamat, semua darah yang diteriina hari ini diberi rawatan tertentu iaitu kita namakan heating process, dengan izin, supaya tidak tercemar dengan kuman-kuman yang mungkin membawa penyakit kepada penerima darah tersebut.

Tuan Joseph Hauh Ak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, berapa kalikah seorang penderma darah itu dapat menderma darahnya tanpa menjejaskan kesihatan mereka dan berapa orangkah di Malaysia yang menderma darah paling banyak sekali iaitu lebih dari-pada 40 kali?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang kita terima,tidak ada kesan-kesan sampingan kepada sesiapa sahaja yang menderma darah setakat ini. Walau bagaimanapun, kita menasihatkan seseorang itu supaya sebelum dia menderma darah, eloklah dia bertanya dengan doktornya adakah dia dapat menderma darah tersebut tetapi seelok-eloknya janganlah terlalu kerap tnenderraa darah. Jika sekiranya hendak menderma darah, eloklah beri-tahu masa terakhir seseorang itu telah mendenna darah. Tentang kesaa, tidak ada sebarang kasan yang telahpun kita terima laporan-nya.

Yang kedua, angka yang diperlukan itu terlalu khusus, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau ikut maklumat yang saya ada setakat ini, hanya kepada orang-orang yang derma 3 kali ke atas sahaja, bagi 41 kali itu tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Foo Piew Kok.

[Soalan No. 2 Y.B. Tuan Foo Piew Kok. tidak hadir)

TANAH PERKUBURAN

3. Tuan S. S. Subramaniam ininta Menteri terumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar beberapa kaum yang berada di negara kita sedang menghadapi masalah untuk mendapat tanah perkuburan dari Kerajaan. Apakah usaha jangka pendek yang sedang diainbil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Bolehkah satu kajian dibuat untuk mengenalpasti kedudukan sebenar berkaitan dengan masalah ini dan apakah rancangan yang harus dilakukan untuk menyelesaikan inasalah ini di seluruh negara kita.

Timbalan Menteri Perutnahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Masalah kekuraagan tanah perkuburan adalah merupakan masalah bagi semua kaum. Kebanyakan daripada tanah perkuburan sedia ada tidak lagi dapat menampung keperluan-keperluan masa akan datang. Tanah Kerajaaa juga sangat berkurangan dan bilangan yang ada diperlukan untuk menaiapung lain-lain kegunaan bagi keperluan rakyat.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar akan masalah tersebut dan telahpun menjalankan satu kajian untuk dijadikan garis-panduan dalam perancangan, penyediaan dan pelaksanaan tanah perkuburan dan krematoria di Semenanjung Malaysia.

Mengikut kajian yang telah disediakan, panduan am di dalam memperuntukkan keperluan ruang untuk kawasan perkuburan dan krematoria bagi sesuatu saiz penduduk adalah seperti berikut:

Seluas 1 hektar ataupun 2.5 ekar kawasan perkuburan adalah diperlukan bagi setiap 5,000 penganut Islam, Cina, india atau Keristian dalam tempoh 20 tahun.

Bagi kreroatoria, luas kawasan yang diperlukan ialah O.b hektar ataupun 15 ekar uncuk 240,000 penduduk.

Garis panduan ini telah mengambilkira saiz bagi lot kubur, liang, kubur, rezab landskap, keperluan meletak kereca dan tempat rehat, Dengan adanya garispanduan ini kawasan-kawasan tanah perkuburan akan lebih teratur dan cantik.

Walau bagaimanapun, unjuran keperluan ba^i canah perkuburan bukan Islam adalah sangat sukar dibuat kerana kaum Cina terdiri daripada penganut Buddhist, Keristian, Bahai dan sebagainya, dan begitu juga dengan kaum India yang terdiri daripada Hindu, Keristian dan lain-lain. Keperluan bagi krematoria adalah juga sukar untuk ditentukan inemandangkan semakin. ramai daripada kaum bukan Islam uiengamalkan pembakaran mayat di krematoria pada masa kini, tetapi bilangannya atau kadarnya belum dapat dipastikan.

Penyediaan kawasan-kawasan perkuburan adalah di bawah bidang-kuasa Kerajaan Negeri dan pihak Kementerian juga telah menasihatkan Karajaan-kerajaan Negeri untuk menggunapakai garispanduan ini dalam perancangan keperluan kawasan perkuburan. Akta Kerajaan Tempatan memberi kuasa kepada pihak Berkuasa Tempatan mengadakan tanah perkuburan dan krematoria mengeluarkan lesennya serta mengenakan penalti bagi pengebumian yang menyalahi undang-undang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tanah perkuburan yang tidak mencukupi, adakah Yang Berhormat sedar tanah perkuburan yang sedia ada sekarang pun tidak sesuai tempatnya, cerutama yang ada dalam bandar-bandar ainat tidak sesuai sekali?Dan apakah cadangan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan untuk mengambil langkah tertentu supaya kemungkinan memindah tanah-tanah perkuburan yang tidak sesuai yang berada dalam bandar sekarang ini?

Yang kedua, berasaskan kepada panduan am yang telah dijelaskan tadi, sudah barang tentu tanah perkuburan dan sebagainya diperlukan dengan lebih besar lagi. Jadi, adakah pihak Kerajaan celah membuat kajian terperinci selain daripada mengarahkan Kerajaan Negeri tetapi pihak Kementerian sendiri membuat kajian terperinci dan mengenalpasci dan menentukan bahawa tanah perkuburan ini cukup dan sesuai sebagaiman yang dikehendaki,sebagaimana yang dijelaskan dalam panduan am tadi. Sekian.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum mengikut agama islam tanah-tanah perkuburan yang diwakarkan itu selalunya tidak boleh dipergunakan untuk lain-lain penggunaan. Walau bagannanapun, pihak Berkuasa Tempatan ada kuasa untuk mengubah ataupun menukar tempat pengebumian. Bahkan laereka juga mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ataupun mengenakan penalti kepada pihak-pihak yang menyalahgunakan tempat-tempat untuk sebagai tanah perkuburan.

Mengenai kajian sama ada tanah perkuburan mencukupi, sebagaimana saya kata tadi, pihak Kementerian telahpun memberi garispanduan dan mengarah Kerajaan Negeri untuk membuat kajian dan menyediakan tanah-tanah perkuburan ini. Setakat ini, Kementerian berpendapat masalah ini tidaklah penting.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi satu garis panduan yang begitu tepat berkaitan. dengan kegunaan tanah-tanah untuk perkuburan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah pihak. Kementerian membantu pihak Kerajaan Negeri untuk memberi satu rancangan jangka-masa panjang untuk mengambilalih tanah-tanah, khasnya daripada pihak pertanian, pihak ladang-ladang yang berharnpiran dengan bandar untuk kita mengadakan satu rancangan jangkainasa panjang untuk tanah-tanah kubur yang sesuai kepada semua bandar-bandar yahg berada di dalain negara kita?

Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dalam program Kementerian untuk memperindahkan bandar-bandar, ada kawasan-kawasan yang sepatutnya boleh dibangunkan tecapi celah menjadi canah perkuburan, dan ini adalah dalaiu kajian. Dan pihak Berkuasa tempatan boleh membuat perubahan-perubahan kepada tempat-tempat yang teratur sebagai tempat kawasan pembangunan dan sebagainya dan Kementerian bersedia memberikan bantuan sekiranya perlu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

PEJABAT KWSP - SENTRALISASI

4. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) dalam proses mensentralisasikan Pejabat Kuinpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebutkan pejabat-pejabat yang akan didirikan di peringkat negeri selain daripada di Kota Bharu dan Johor Bahru; dan

(b) apakah langkah Kementerian bagi membendung penyele-wengan yang lebih banyak berlaku dalam proses disentralisasi ini, khasnya dari segi pengeluaran wang simpanan.

Timbalan Menteri Kewangan Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Di bawah Rancangan Desentralisasi KWSP, pejabat-pejabac negeri akan didirikan di semua ibu negeri di Malaysia yang belum mempunyai cawangan penuh. Pada raasa ini, pejabat-pejabat KWSP di Sabah dan Sarawak sedang beroperasi sebagai cawangan penuh. Program desentralisasi ini akan dilaksanakan dalam dua peringkac. Di bawah peringkac pertama, yang akan dilaksanakan pada akhir tahun 1991, pejabat-pejabat negeri KWSP yang beroperasi sebagai cawangan penuh akan ditubuhkan di negeri Johor dan Kelantan. Di bawah peringkat kedua, yang akan di-laksanakan pada tahun 1992, pejabat-pejabat negeri akan didirikan di semua ibu negeri yang lain.

(b)Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pejabat-pejabat negeri KWSP yang, akan ditubuhkan di bawah Rancangan Desentralisasi, akan menguruskan pungutan caruman, pemerosesan per-mohonan pengeluaran dan perabayaran kepada ahli yang mana pada masa ini dipusatkan di Ibu Pejabat KVSP, Kuala Lumpur. Dalam proses mengagihkan tungsi-fungsi ini kepada pejabat-pejabat negeri di bawah Rancangan Desentralisasi, segala langkah kawalan keselamatan, termasuk kawalan, keselamatan yang berkaitan dengan sistem, pengeluaran caruman

yang diamalkan oleh ibu Pejabat KWSP akan juga di-amalkan di pejabat-pejabat negeri KWSP. Sebagai usaha untuk membendung penyelewengan dalam proses pengeluaran caruinan KWSP, kawalan yang dilaksanakan cermasuklah penyemakan dokumen-dokumen permohonan pengeluaran dengan lebih teliti. Sekiranya perlu disahkan dengan pihak-pihak berkenaan yang lain, tnisalnya Pejabac pendaftaran, bank-bank dan sebagainya. Satu lagi laagkah kawalan keselamatan ialah mengadakan sistem di mana lebih dari seorang pegawai KWSP yang tneluluskan permohonan pengeluaran untuk mengurangkan. kesilapan serta kemungkinan laenyalahgunakan kuasa. yelain daripada itu, keke-rapan peraeriksaan audic dalaman dan luaran ke atas sistem pengeluaran KWSP akan ditambahkan lagi

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua,dalam aoal untuk disentralisasi pejabat-pejabat KWSP di tiap-tiap negeri, ada-kah tidak mungkin pihak KWSP melantik bank sebagai wakilnya seperti Bank Simpanan Nasional yang mempunyai rangkaian di seluruh negara kerana saluran simpanan ini boleh menjamin keselamatan pengeluaran wang oleh pihak peminjam dan ini boleh mengurangkan kos yang di-tanggung oleh KWSP sendiri?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di acas cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Sebenarnya untuk melancik bank sebagai agensi uncuk tnenjalankan fungsi-fungsi KWSP di negeri-negeri lain, pihak KWSP tidak bersetuju.KWSP mempunyai banyak fungsi-fungsi dan pihak KWSP sendiri boleh menjalankan fungsi-fungsi ini. Jadi, adalah masa telah sampai untuk KWSP mempunyai pejabat-pejabat sendiri di semua ibu negeri supaya fungsi LCU boleh dijalankan.

BEKALAN AIR

5. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

(a) kelemahan telah dikenalpasti untuk memperbaiki rangkaian saluran paip bekalan air yang bocor dan rosak di seciap negeri;

(b) kerugian hingga setakat ini; dan

(c) langkah-langkah telah, sadang dan akan diambil oleh Kerajaan Pusat.

Timbalan Mcnteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Percua, jawapan untuk pertanyaan Ahli Yang Berhormat telahpun diberikan dalam Dewan yang mulia ini pada 10 Julai yang lalu.

MDJI HOLLYWOOD DI KUALA LUMPUR

6. Chc Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Penerangan menyatakan:

(a) apakah rasionalnya pihak Kementerian bercadang untuk membina sebuah 'Mini Hollywood' di Kuala Lumpur;

(b) sejauhmanakah saranan ini sudah direalisasikan; dan

(c) apakah objektif dan matlamat sebenar di sebalik gagasan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Penerangan tidak pernah bercadang untuk membina sebuah "mini hollywood" di Kuala Lumpur. Apa yang dicadangkan oleh Kementerian adalah untuk mewujudkan sebuah perkampungan filem Malaysia di negara ini. Tujuan utama cadangan projek tersebut adalah untuk menyediakan dan memusackan kemudahan pengambaran lokasi yang lebih mudah, lengkap dan moden bagi penggunaan pengusaha industri filem tempatan serta luar negeri. Pusat ini akan mempunyai identitinya sendiri dan tidak boleh diibaratkan sebagai "mini hollywood" atau lain-lain perkampungan filem di dunia ini. Istilah "mini hollywood" adalah, dengan izin, coinage pihak media yang bebas melakukan sedemikian.

(b) Oleh kerana cadangan ini di dalam peringkat konsep, pihak Kementerian Penerangan bersama FINAS telah mendapat pandangan dan input menyeluruh daripada para pengusaha industri tilem. 'Tinjauan juga telah dibuat ke atas beberapa lokasi yang mungkin sesuai untuk cadangan projek tersebut.

(c) Objektif dan matlamat sebenar rancangan ini adalah untuk merabantu industri filem tempatan bagi memainkan peranan yang lebih berkesan dalam mencapai matlamat tahun 2000 Kementerian Penerangan, di mana ketika itu, adalah dihasratkan sekurang-kurangnya 80% daripada filem-filem

dan drama-drama yang akan ditayangkan oleh media elektronik adalah dihasilkan di dalam negara kita sendiri. Di samping itu juga,ianya bermatlamat untuk melibatkan industri perfileman negara memainkan peranannya dalam pencapaian Wawasan 2020. Adalah menjadi matlamat Kementerian ini untuk melihat negara Malaysia menjadi pengeksport filem yang mampu juga mengeksporc budaya dan nilai-nilai luhur melalui filemnya dalam kepada negara-negara nusantara ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa pengeluar-pengeluar filem dari luar negeri adalah satu faktor yang boleh menggalakkan pelancongan dan sekarangpun Malaysia menjadi semakin popular sebagai destinasi untuk membuat filem untuk syarikat perfileman luar negeri ini, maka soalan saya ialah adakah apa-apa rancangan yang dirancangkan oleh pihak Kerajaan supaya promosi dibuat untuk Malaysia digunakan sebagai location untuk syarikat perfileman dari Amerika Syarikat dan negara-negara lain.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya syarikat perfileman dari luar negeri ini boleh membawa teknologi dan idea baru kepada industri filem tempatan ini maka adakah satu mekanisme diwujudkan supaya apabila mereka datang ke Malaysia membuat filem syarikat perfilenan tempatan boleh masuk sebagai joint-vencure dan belajar dari mereka cara-cara untuk mempertingkatkan mutu filem tempatan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian tidak menjalankan sebarang usaha—usaha

promosi bagi membawa pengusaha-pengusaha filem dari luar negara unCuk membuat pcnggambaran di dalam negara kita. Ini adalah kerana pada pandangan kica kemudahan-kemudahan infrastruktur bagi pembikinan filem dalam negara ini masih lagi kekurangan. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini pada ketika ini saya tidak mempunyai perangkaan-perangkaan yang khusus tetapi adalah roemadai kalau saya menyatakan bahawasanya buat setakat hari ini pengusaha-pengusaha filem daripada luar negara cukup berminat untuk datang mcmbuat penggambaran dalam negara kita walaupun dengan tidak mempunyai promosi. Ini adalah disebabkan oleh kerana kos-kos pembikinan ataupun pembuatan filem di negara-negara atau di tempat-tempat seperti Hollywood adalah terlalu mahal.Oleh kerana itu mereka telah mencari tempat-tempat yang lebih murah kosnya.

Menjawab soalan kedua, Kementerian memang menggalakkan sebarang bentuk joint-vencure ataupun usahasama di antara pengeluar-pengeluar filem tempatan dan luar negara malahan satu daripada siri yang kita keluarkan di dalam RTM iaitu siri berbahasa Cina adalah hasil daripada joint-vencure daripada luar negeri iaitu Hong Kong dengan pengusaha tempatan dan ianya menampakkan satu kejayaan yang cukup baik.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.Perkampungan filem Malaysia yang dicadangkan ini, saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan keperluannya walaupun telah dijelaskan tadi.Kalau setakat untuk tujuan penggambaran dan untuk menarik pelancong-pelancong, saya kira

apakah tidak lebih sesuai bahawa penggambaran itu terbuka untuk seluruh negara tranpa ada perkampungan seumpama ini .Sebab saya tidak fikir, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh membawa bukit masuk ke dalam perkampungan ini ataupun laut ataupun seumpamanya yang boleh menggambarkan alam sekitar: di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalannya?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali : Tuan Yang di-Pertua, soalannya apakah cadangan ini dikaji semula di mana Kementerian Penerangan mewujudkan taman budaya negara terbuka yang lebih sesuai dan boleh digunakan untuk pihak perfileman tetapi tidak dikhususkan dengan tujuan yang agak terhad ini.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kaLau Ahli Yang Berhormat hendak mencadangkan pcngwujudan sebuah taman budaya negara, Kemencerian yang paling sesuai untuk kita halakan cadangan ini ialah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Dalam istilah pelancongan saya tidak menyebut tadi bahawasanya adalah matlamat kita untuk membawa pelancong atau diperhitungkan masalah pelancongan, hanya saya menyacakan adalah untuk membantu pengeluar-pengeluar filem tempatan mengurangkan kos dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia filem ini dia cukup aneh. Seperti Yang Berhormat daripada Pasir Mas menyatakan tadi tidak mungkin kit boleh dibawa di dalam satu-satu tempat tetapi di dalam dunia filem bukan sahaja bukit malahan negara lain pun mampu dibawa di dalam satu studio **[Ketawa]** Ini adalah anih di dalam dunia perfileman.

Tetapi yang saya hendak nyatakan, memang kita menggalakkan penggambaran dilakukan di seluruh negara Malaysia kerana Malaysia Ini merupakan negara yang terbuka, indah dan bersih.Tetapi yang dimaksudkan mengadakan atau mewujudkan perkampungan ini adalah untuk membantu pengeluar-pengeluar filem tempatan yang tidak mempunyai belanjawan yang besar untuk membuat satu-satu penggambaran dan kadang-kala terpaksa menyewa di tempat-tempat yang mahal harganya. Jadi, dengan hasrat sedemikian kita menganggapkan dengan wujudnya perkampungan filem ini, ianya dapat membanci perkembangan dan pertumbuhan dunia perfileman dengan lebih pesat lagi. Itu sahaja.

LABUAN KAWASAN PELANCONGAN

7. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan usaha-usaha KeiuenCerian unCuk raembangunkan Labuan sebagai kawasan pelancongan sejajar dengan pertumbuhannya sebagai PusaC Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa dan apakah produk-produk pelancongan yang boleh dipasarkau dan dimajukan di Pulau Layang-Layang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. IDato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua pada inasa ini promosi pelancongan Pulau Labuan dibuat secara aederhana aahaja. Ini disebabkan Pulau Labuan masih lagi kekurangan bilik-bilik hotel, tempat-tempat lawatan atau kekerapan pener-bangan.Namun demikian, sejajar dengan pengisytiharan Kerajaan menjadikan pulau ini sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antara-bangsa, maka sebagai permulaan Kemencerian. ini telah merancang untuk loenganjurkan. program 'Labuan Fest' pada bulan November 1991 dengan kerjasaoia Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana Menteri. 'Labuan Fest' akan dipenuhi dengan acara-acara seperti expo pembangunan, gerai jualan makanan, teater tradisi, seni lukis, bangsawan, konsert kanak-kanak, pementasan Perdana, demonstrasi krar dan sukan laut/darat.

Sebagai Langkah jangka panjang, pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga telah mengemukakan cadangan kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan untuk mewujudkan 'Leisure industry', dengan min, di Pulau Labuan yang meliputi rangkaian produk serta perkhidmatan yang menarik seperti kemudahan lawatan tempat-tempat: menarik, bersukan dan riadah, pembinaan Pusat Konvensyen, menangkap ikan di laut dalam, projek nelayan termasuk aktiviti-aktiviti pembinaan Medan ikan Bakar,

restoran, 'sport fishing', chalet terapung dan bot pelancong.

Bagi Pulau Layang-Layang, potensi untuk meraajukan pulau tersebut ialah melalui aktiviti-aktiviti seperti menyelam, penelitian batu karang, 'scuba diving', 'deep sea fishing' dan 'bird watching'. K.erajaan celah, bersetuju untuk menswastakan 'resort' pelancongan di Pulau Layang-Layang. Pulau Labuan akan dijadikan pengkalan bagi pelancong-pelancong ke Pulau Layang-Layang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Nor.

[Soalan No. 8 Y.B. Tuan Ahmad bin Nor tidak hadiri

KASET MUSIK CETAK ROMPAK.

9. Tuan James Jimbun Anak. Pungga minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal EhwaL Pengguna menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk memeriksa barang-barang tiruan bagi kedai penjualan videotape dan kaset muzik cetak rompak (music cassette piracy) terutama sekali dalata kawasan bandar di luar bandar. Apakah langkah-langkah selanjutnya akan diambil oleh Kementerian berhubung dengan perkara tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Eal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh penguatkuasaan Akta Hakcipta 1987, iaitu dari 1hb Disember, 1987 hingga 30hb Jun tahun ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan tial Ehwal Pengguna telah mengambil tindakan ke atas 2,609 kes-kes termasuk individu/syarikat yang telah mengeluar/ menerbit/menjual salinan-salinan larangan. Dari jumlah ini, sebanyak 1,618 kes telah berjaya dihasilkan yang mana sejumlah 1,555 kes adalah berhubung dengan pengeluaran/penjualan videotape dan kaset muzik. Perlu ditegaskan bahawa Kementerian hanya bertindak membanceras aktiviti cetak rompak yang dilaporkan oleh tuanpunya hakcipta berdasarkan kepada aduan yang diperbuat. Pendekatan ini adalah bersesuaian dengan peruntukan di bawah Akta Hakcipta 1987.

Dalaui hubungan ini, Kementerian tidak boleh mengambil apa-apa tindakan, samua ada membuat pemeriksaan atau penyiasatan tanpa aduan daripada tuanpunya hakcipta.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya kepencingan tuanpunya karya yang layak dan sah mendapat perlindungan hakcipta diberikan pengawasari sewajarnya. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang tidak bertanggung-jawab yang menjalankan kegiatan cetak rompak dengan berasaskan kepada aduan 'daripada tuanpunya hakcipta tanpa mengira saina ada kawasan yang berkenaan terletak di bandar ataupun di Luar bandar.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, perlindungan intellectual properties seperti Cassette tape yang diciptakan oleh orang Mal-aysia ini adalah untuk mempertahankan kepentingan artis-artis tempatan, maka kalangan artis-artis tempatan ini sudah lama membuat aduan bahawa mereka hilang besar daripada keuntungan yang mereka patut menikmati sebagai royalti dan sebagainya. Tetapi meraandangkan bahawa artis-artis ini tak boleh pergi seluruh Malaysia ini untuk menyiasat setiap kedai dan tengok di mana tape kaset tiruan ini dijual, maka adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk megubahkan dasar Kementerian yang ada sekarang supaya penguat-kuasaan Akta ini boleh dijalankan oleh pegawai Kerajaan dan bukanlah terhad kepada tuanpunya yang uienibuat aduan sebab ini cidak adil kepada artis-artis yang berkenaan? Adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk mengkaji semula dasar yang ada sekarang supaya penguatkuasaan pada keseluruhannya dijalankan oieh pegawai-pegawai Kerajaan?

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penguat-kuasaan dijalankan oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tetapi seperci yang saya telah jelaskan tadi bahawa di bawah peruntukan Akta Hakcipta 1987, Kementenan mengambil pendekatan bahawa Kementerian akan bertindak hanya apabila, kita menerima aduan dari tuanpunya hakcipta. Jadi, peruntukan yang ada sekarang adalah dipercayai mencukupi untuk memberi peluang kepada mana-mana pihak, termasuk individu-individu, untuk berhubung secara langsung dengan Bahagian Penguatkuasa Kementerian perdagangan Dalaui Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau juga berhubung terus dengan Kementerian atau pegawai-pegawai kita.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana saya tertarik dengan" jawapan tadi mengenai penguatkuasaan yang dijalankan oleh Kementerian beliau. Saya hendak bertanya sama ada seinasa menjalankan tugas penguatkuasaan, pihak Kementerian membenarkan orang-orang dari pihak swasta untuk mengikuti pegawai-pegawai penguatkuasaan menjalankan tugas mereka. Seperti yang telah berlaku di Pulau Pinang di mana seorang sauiseng Golden Star Video Sdn. Bhd. menembak mati seorang; tuan kedai videotape di mana dia didakwa meiupunyai videotape cetak rompak dan perbuatan sebe gini ini dilakukan di depan pegawai-pegawai penguatkuasaan.Saya hendak bertanya mengenai perkara ini sama ada orang-orang persendirian atau anggota-anggota syarikat persendirian dibenarkan mengiringi Bahagian Penguatkuasa dengan membawa senjata api. Ini merupakan satu kes yang besar kerana satu pembunuhan telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhorcnat, sudah cukuplah itu.

Taan Lim Guan Eng: Terima kasih.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 44(1)(a) Akta Hakcipta, pegawai-pegawai dari Bahagian Penguatkuasa diberikan kuasa untuk membawa atau mendapatkan bantuan-bantuan dari mana-mana pihak, termasuk daripada wakil atau pegawai dari syarikat tuanpunya hakcipta itu untuk memberi bantuan kepada pegawai-pegawai penguatkuasaan dalam masa menjalankan tugas atau menjalankan serbuan.

Jadi, tujuan untuk mendapatkan bantuan dari wakil atau pegawai-pegawai syarikat tuan punya hakcipta adalah untuk membantu pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengenalpastikan bahawa salinan-salinan yang disitakan adalah salinan-salinan larangan.

Berkenaan masalah atau soal yang mana Kementerian atau pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna raembenarkan pihak-pihak yang membantu kita untuk membawakan senjata api, saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang ada berkaitan dengan pelesenan senjata api yang mungkin. dibawah bidang kuasa pihak yang lain.

PROJEK UDA - HUBUNGAN MASYASAKAT

10. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan saraa ada sedar kerenah birokrasi dalam agensi-agensi Kerajaan seperti Agensi Pembangunan Bandar (UDA) menimbulkan masalah hubungan antara rakyat dengan pegawai-pegawai pentadbir. Nyatakan juga sama ada Menteri itu sedar ada pegawai-pegawai dalam agensi ini menghalang tugas wakil rakyat di kawasan bandar bagi menyelesaikan masalah orang ramai.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh berkaitan dengan birokrasi dalam agensi-agensi Kerajaan adalah terlalu umum,

Berkaitan dengan UDA, setahu saya, selama ini para pegawai UDA telah dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik dan berkesan serta mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat dalam usaha melaksanakan projek-projek UDA dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhonnat dari Seputeh dalam soalannya ini ingin menyentuh mengenai satu kejadian yang spesifik yang terjadi ke atas diri beliau. Dalam hal ini Pengerusi UDA telahpun menjelaskan secara bertulis kedudukan sebenar kepada Yang Berhorraat berkenaan. Saya tidak bercadang memberi ulasan lanjut mengetahuinya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.Saya ingin bertanya,adakah Menteri atau Timbalan Menteri pernah mendapat aduan daripada pegawai-pegawai UDA berhubung dengan tindakan yang berbentuk ugutan daripada Wakil-wakil Rakyat DAP dalam masa roereka menjalankan tugas-tugas kerana kita sedia raaklum negara ini negara demokrasi dan bukan diperintah oleh samseng-samseng [Ketawa]

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pegawai-pegawai kita, ada menerima, tetapi mereka tahu saluran yang digunakan untuk menghadapinya.

Tuan Liew Ah Kim: Saya merasa sedikit sedih dan dukacita selepas mendengar jawapan. daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam bahawa kes ini hanya satu kes. Memang saya tidak sentiasa meminta pertolongan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta soalan.

Tuan Liew Ah Kim: ....daripada UDA mengenai masalah rakyat di bandar KL ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila kemukakan soalan.

Tuan Liew Ah Kim: Saya cuba memberi latarbelakang sedikit sebanyak atas perkara yang saya sentuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memberi penerangan itu. Sila kemukakan soalan.

Tuan Liew Ah Kim: Saya tahu sebab Yang Berhormat itu tidak faham apa yang saya akan buka **[Disampuk]**

Tuau Yang di-Pertua: Tidak boleh. Jikalau Yang Berhormat hendak beri penerangan, tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan. Liew Ah Kim: Ini hanya satu hendak mengelakkan. tugas atau tanggungjawab daripada Kementerian itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, baiklah, baik. Yang Berhormat Tuan Philip.....

Tuan Liew Ah Kim: Soalannya ialah.... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Liew Ah Kim: Memang ada soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuaa Yang di-Pertua: Ya, sila beri soalan.

Seorang Ahli: Sabar!

Tuan Liew Ah Kim: Soalan saya ialah adakah ini dtjadikan satu dasar biasa bagi pihak UDA bahawa Wakil Rakyat di kawasan Seputeh yang bukan kawasan Bukit Bintang tidak boleh melibatkan diri dalam penyelesaian masalah penduduk atau rakyat di kawasan Bukit Bintang dan. bukan. di kawasan Seputeh itu?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mengatakan bahawa sebenarnya isu Yang Berhormat ini bukan isu yang bersabit dengan masalah yang hendak dikeraukakan, tetapi ialah isu yang bercorak emosi. Biaaalah dengan DAP ini! **[Disampuk]**

HOSPITAL DAERAH SIPITANG - PEMBINAAN

11. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Menteri Kesihatan. raenyatakan:-

(a) memandangkan bahawa Dewan Undangan Negeri Sabah telah meluluskan tanah untuk pembinaan rumah sakit di Sipitang seperti yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri semasa pilihanraya kecil negeri di kawasan tersebut, bilakah perlaksanaan projek tersebut dijalankan; dan

C b) rumah sakit di negeri Sabah sentiasa dipenuhi oleh pesakit terutama pendatang tanpa izin, terutaraa sekali rumah sakit Queen Elizabeth mengakibatkan. para pesakit tempatan tidak mendapat kemudahan rawatan dan juga tempat di rumah sakit. Ini memaksa para pesakit tempatan raendapatkaa rawatan di klinik-klinik swasta. Adakah. Kementerian Kesihatan akan menarabah peruntukan bagi membina hospital khasnya di Kota Kinabalu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, perlaksanaan. Hospital Daerah Sipitang telahpun diluluskan oleh Kementerian dan Perbendaharaan dan akan dibina dengan menggunakan konsep nukleus. Pada masa ini kontraktor yang berkenaan bersama-sama dengan Unit Perlaksanaan Turnkey JKR sedang berurus dengan Kerajaan Britain mertgenai bantuan pinjaman atau aid grant, dengan lain, yang boleh ditetapkan bagi hospital nukleus-ini. Jadual pembinaan akan disediakan selepas perkara ini ditetapkan dan kontrak ditandatangani.

Untuk soalan. (b), buat masa ini walaupun Kementerian Kesihatan Malaysia tidak ada rancangan untuk membina sebuah hospital baru di Kota Kinabalu, Hospital Besar Queen Elizabeth akan dinaikkan taraf

dengan perancangan induk iaitu;

Pertama, perancangan induk hospital dengan peruntukan sebanyak $26 juta bertujuan menaikkan taraf dan memperbaiki kemudahan yang sedia ada dan menambah keraudahan-kemudahan baru seperti pusat rawatan radiotherapi untuk menampung keperluan perubatan pesakit-pesakit; dan

Kedua, membina poliklinik yang baru dengan peruntukan sebanyak $12.5 juta.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Pilihanraya Kecil Sipitang yang lalu, pihak pemimpin Barisan Nasional telah mengumumkan peruntukan $100 juta bagi pembinaan hospital baru Sipitang dan selepas itu ada pula yang menyatakan bahawa pihak Kementerian Keslhatan Negeri Sabah menyatakan hanya $10 juta sahaja. Jadi, masyarakat ingin tahu mana satu yang benar, sama ada $100 juta ataupun $10 juta.

Soalan saya yang kedua, oleh sebab dalam jangka pendek, pihak Kerajaan tidak dapat memberikan tambahan hospital untuk menampung keperluan pendatang tanpa izin ini dan berdasarkan kepada sebab musabab mengapa pendatang tanpa izin ini begitu banyak yang jatuh sakit dan membanjiri hospital-hospital adalah akibat daripada keadaan persekitaran perkampungan dan perumahan mereka yang tidak dengan izin, conducive to health. Jadi, adakah Kerajaan mungkin bercadang untuk memberikan pendldikan kesihacan kepada masyarakat ini dengan mengadakan seperti halaman yang bersih dan tandas-tandas yang sempurna?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat melencong jauh sangat itu.

Tuan Maidom P. Pansai: itu masuk itu **(Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masuklah!

Tuan Maidom P. Pansai: Buat saya, itu pertanyaanlah!

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia soalannya itu?

Tuan Maidom P. Pansai: Soalannya, itulah soalan! [Ketawa] Adakah Kerajaan bercadang tnemberikan pendidikan kesihatan kepada masyarakat ini supaya dapat raenjaga halaman. bersih, mengadakan tandas-tandas yang sempurna kerana tandas yang mereka gunakan sekarang ini tandas melayang, di mana-mana pun mereka letak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukup sudah.

Tuan Haidom P. Pansai: Cukupkah? Jawablah! **[Ketawa]**

Tuan Yang di—Pertua: Soalan kedua icu saya pun boleh jawab **[Ketawa] .** Ya, jawab ya. **[Ketawa]**

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih Yang Berhormat dari Kota Belud. Meinang betul ada kenyataan-kenyataan tertentu yang telah dikeluarkan oleh Barisan. Nasional semasa pilihanraya dahulu, tetapi kedua-duanya tidak betul. $10 juta tidak betul, $100 juta pun tidak betul, tetapi di antara $10 juta ke $100 juta [Ketawa].

Tuan Maidom P. Pansai: Berapa, katalah!

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah soalan ini dicelah masa ini? Boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: berapa? Antara $50 juta ke $100 juta, sebab ia termasuk di dalam konsep nukleas, tetapi kajian lanjut sedang dijalankan oleh kerana hospital yang berkenaan yang berjumlah $100 juta terlalu besar untuk Sipitang.

Untuk soalan yang kedua, ya, pendidikan kesihatan akan dijalankan. Berkenaan dengan yang terbang itu, terpulanglah kepada, Berhormat untuk menjawabnya.

LESEN NELAYAN LAUT - MEMBATALKAN

12. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pertanian menyatakan:-

(a) sebab-sebab yang mendesak sehingga Kerajaan membatalkan lesea nelayan laut dalam bagi sebuah syarikat terkemuka Bumiputera di Besut yang memiliki entpat bot, sedang syarikat tersebut telah 'beroperasi dengan jaya sejak sekian lama;

(b) adakah . nelayan tersebut telah diberi amaran dan diberi peluang membela diri. Jika ada, bila;

(c) jika nelayan tersebut menggunakan tenaga-tenaga cekap terdiri dari warganegara asing, adakah ia dilakukan kerana syarikat itu sengaja mengenepikan orang tempatan atau ia suatu yang tidak dapat dielakkan;

(d) nelayan ini mempunyai hubungan. kerjasama yang baik dengan pentadbiran perikanan di Negeri Terengganu. Adakah kementerian telah mendapatkan nasihat dari pihak tersebut sebelum tindakan tadi diambil; dan

(e) di bawah keadaan mana lesen teirsebut boleh diberikan semula.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Di daerah Besut, semua lesen bot laut dalam adalah dimiliki oleh individu dan tiada sebuah bot pun ditniliki oleh syarikat. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa Kementerian ini telah membatalkan lesen bot laut dalam yang dikeluarkan kepada sebuah syarikat bumiputera yang terkemuka yang telah berjaya sekian lama adalah tidak benar.

Walau bagaimanapun, pada 3 Jun 1988 Kementerian Pertanian pernah meluluskan sejumlah 3 permit bot laut dalam kepada sebuah syarikat perkongsian atitara kaum bumiputera dengan bukan bumiputera di Kuala Besut, Terengganu. Syarikat tersebut dikenali sebagai Syarikat Timur Laut. Syarikat berkenaan telah menghadapi masalah dalam syarikat di mana tiga orang rakan kongsi asal mereka yang terdiri daripada kaum bumiputera telah dikeluarkan dari syarikat tersebut dengan alasan penarikan diri. Dalam masa yang sama sebuah syarikat baru Timur Ikan Terengganu Sdn. Bhd ditubuhkan. Ekoran dari ini tiga unit permit yang dikeluarkan itu telah ditarik balik dan dibatalkan.

(b) Sebelum Kementerian Pertanian membuat keputusan menarik balik permit berkenaan, surat tunjuk-sebab telah dikeluarkan kepada syarikat berkenaan pada 8 November 1989 untuk meminta penjelasan. Dalam masa yang sama syarikat tersebut telah diminta supaya menghubungi rakan kongsi yang telah dikeluarkan dari syarikat berkenaan untuk mengemukakan penjelasan secara bertulis kepada Jabatan berkenaan tentang mengapa mereka menarik diri dari syarikat. Tempoh masa yang sesuai telah diberikan kepada syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, sehingga tempoh yang diberikan itu tamat, penjelasan bertulis dari rakan kongsi syarikat tersebut tnasih lagi belum diterima.

(c) Memandangkan bot berkenaan belum lagi dilesenkan dan belum beroperasi maka masalah penggunaan tenaga kerja di atas bot tidak timbul.

(d) Perlu diambil perhatian di sini bahawa sebelum Kementerian Pertanian mengambil tindakan menarik balik dan membatalkan sesuatu permit itu, Kementerian ini terlebih dahulu meneliti dan mengkajinya serta mendapatkan pandangan dari jabatan dan agensi-agensi berkenaan.

(e) Permit tersebut tidak dapat dikeluarkan semula kepada syarikat berkenaan memandangkan pemegang saham syarikat asal telah dikeluarkan daripada syarikat.

BELIA NIAGA

13. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapa banyakkah bantuan belianiaga telah diberi pinjaman kepada belia-belia dalam tahun 1990 dan 1991. Benarkah peruntukan bagi tahun 1990 tidak habis diguanakan. Jika benar, mengapa, maka boleh terjadi demikian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan di bawah Rancangan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi telah mengeluarkan pinjaman pada tahun 1990 sebanyak $2,812,350.00 dan sehingga bulan Mei, 1991 pinjaman bernilai $1,018,921 telah dikeluarkan kepada belia-belia untuk melaksanakan projek perniagaan dan pertanian.

Memang benar, peruntukan ini tidak habis digunakan dan sebab-sebabnya adalah seperti berikut:-

(i) Pemohon-pemohon tidak memenuhi syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan seperti tidak pernah mengikuti sebarang kursus usahawanan atau pertanian.

(ii) Pemohon tidak raempunyai cukup pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perniagaan atau pertanian yang ingin dilaksanakan.

(iii) Projek yang ingin dijalankan cidak menunjukkan daya maju dan akan mengalami masalah pasaran, persaingan dan lokasi projek yang tidak sesuai.

(iv) Peruntukan ini adalah merupakan "revolving fund" dan ditambah seetiap Cahun.

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan hanya memberi pinjaman kepada belia yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang dinamik dan mempunyai projek yang berdaya maju.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parliraen menyatakan antara bantuan belianiaga yang telah diberi kepada belia-belia tersebut, berapa antaranya diberi kepada bumiputera dan berapa kepada bukan bumiputera.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, di antara jenis bantuan pinjaman yang kita berikan ialah Rancangan Belia Berniaga, Rancangan Peniaga Kecil dan Rancangan Belia Petani. Mengenai angka-angka yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi,saya perlukan notis.

AIR TERTAPIS - BEKALAN DI LUAR BANDAR

14. Tuan Richard Riot anak Jaem minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan rancangan Kerajaan untuk membekalkan air terCapis untuk masyarakat luar bandar di kawasan Serian raeraandangkan kebanyakan penduduk di kawasan pendalaman Serian masih meminum air dari sungai dan telaga.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kawasan Serian dijadual akan menerima 6 projek bekalan air luar bandar di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenanu- Projek-projek ini akan meliputi 19 buah kampung dan akan meraberi manfaat kepada lebih kurang 8,325 pengguna. Perlaksanaan projek-projek ini kelak dijangka akan menelan belanja sebanyak $2.410 juta.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yatig di-Pertua, soalan tambahan, Benarkah Kerajaan tidak membenarkan air tertapis untuk minuman bagi kawasan-kawasan perumahan ataupun kawasan-kawasan bandar atau luar bandar.

Yang kedua, jika benar, mengapa. Ada dua kawasan di negeri Perak iaitu kawasan perumahan. yang mana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini adalah berkenaan dengan Serian.

Tuan Lau Dak Kee: Ya. Soalan yang pertama itu, masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak masuk.

Tuan Lau Dak Kee: Bama ada dia benar penduduk-penduduk meminum air tidak tertapis oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Di Serian?

Tuan Lau Dak Kee: Di mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah. Soal ini di Serian. sahaja,

Tuan Lau Dak Kee: Di Serian?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Adakah berkenaan kerana pertanyaan dia- ini air bertapis. Adakah Kerajaan tidak mahu benarkan air yang tak bertapis di Serian?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tidak ada kaitan.Minta maaf.

SYARIKAT INSURANS NYAWA-JADUAL KEMORTALAN

15. Tuan Foag Kui Lun minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jadual keraortalan yang dipakai oleh hampir kesemua syarikat insurans nyawa di negara ini ialah jadual yang diasaskan oleh, negara luar dan sudah lapuk kerana kadarnya tidak mencerminkan kadar kemortalan masa kini dan juga kehendak tempatan, jika sedar, bilakah Kerajaan hendak mengarahkan semua syarikat insurans nyawa di negara ini memakai jadual Malaysia dan kadar premium yang rendah boleh digunakan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan memang sedar bahawa jadual kemortalan—yang diasaskan oleh negara luar sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu masih digunakan oleh sebilangan syarikat-syarikat insurans di negara ini. Bagaimanapun, penggunaan jadual itu didapati berkurangan dari masa ke semasa dan digancikan dengan jadual Malaysia 1977/1983 yang berasaskan kepada kemortalan. nyawa yang diinsurans di Malaysia bagi tempoh tahun 1977 hingga tahun 1983.

Kementerian Kewangan yakin bahawa penggunaan jadual keraortalan yang diasaskan oleh negara luar itu akan terhapus dengan sendirinya kerana bakal peraegang-pernegang polisi sudah tentu akan memilih syarikat-syarikat insurans yang menawarkan kadar peratusan yang rendah untuk polisi insurans nyawa mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jadual kemortalan yang lebih kemaskini untuk Malaysia iaitu jadual Malaysia 1984/1988 yang berasaskan kepada kemortalan nyawa yang diinsuranskan di Malaysia bagi tempoh tahun 1984 hingga 1988 sedang disediakan oleh Jawatan-kuasa Kajian Kemortalan bagi Orang Diinsuranskan (Committee for Mortality Studies on Assured Lives, dengan izin, bagi menggantikan jadual Malaysia 1977/1983 yang digunakan pada masa ini.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, Takaful ialah sistem insurans Islam yang berbeza dengan sistem insurans barat tetapi mengapa Takaful menggunakan jadual kemortalan (mortality table) insurans nyawa biasa sedangkan jadual keraortalan. itu diasaskan kepada (1) kadar kematian, (2) faktor bunga (interest), (3) faktor perbelanjaan.

Soalan saya ialah tidakkah interest itu riba dan dilarang di dalatn Islam. Tetapi mengapa Takaful menggunakannya untuk menentukan kadar premium itu?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai jadual, saya telahpun terangkan bahawa jadual kemortalan dari segi pembayaran premium boleh berdasarkan kepada jadual kemortalan yang dibuat mengikut kemortalan di Malaysia.

Jadual kemortalan untuk mempastikan tentang reserve, dengan. izin, supaya Syarikat-syarikat Insurans mempunyai cukup kecairannya untuk merabayar apa jua tuntutan adalah berdasarkan kepada peruntukan yang diwajibkan oleh undang-undang iaitu Jadual 1924/1929. Ini adalah mengikut peraturan. undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai 'riba' ataupun tidak, ingin saya menegaskan di sini bahawa pendekatan yang digunakan oleh Takaful berbeza dengan pendekatan insuran yang lain, di mana premiura dikumpulkan kesetnuanya dan diagihkan di antara tuntutan dan juga kos perkhidmatan, kos pengurusan dan bakinya diniagakan dan daripada niagaan tersebut yang untung dipulangkan balik kepada pemegang-pemegang polisi. Jadi tidak wujud element 'riba' dalam pentadbiran Takaful.

ELEKTRIK DI LUAR BANDAR - BEKALAN

16. Dr Haji Jamaluddin biu Haji Jarjis minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan.:-

(a) Setakat manakah kemajuan dalarn pembekalan tenaga elektrik di luar bandar dan bagaimanakah keadaannya secara perbandingannya dengan kawasan bandar;

(b) apakah usaha-usaha yang akan dilakukan dan berapa lama jangkamasa yang diperlukan untuk memastikan bekalan elektrik disalurkan ke setiap kampung di luar bandar;

(c) adakah Kerajaan bercadang mengurangkan bayaran 'sambungan dan tariff di kawasan luar bandar memandangkan tahap pendapatan -neraka yang rendah terutama sekali bagi kumpulan masyarakat: yang miskin; dan

(d) berapa peratuskah bilangan isi rumah yang belum mendapat bekalan elektrik (24 jam) di kawasan Pahang Tenggara dan apakah usaha-usaha untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) sehingga akhir tahun 1990 hampir 81% penduduk luar bandar di seluruh negara telah berpeluang menikmati kemudahan-kemudahan bekalan elektrik, berbanding dengan 99% bagi penduduk di kawasan bandar.

(b) di bawah Rancangan Malaysia yang Keenam usaha-usaha ini akan ditingkatkan dan skop pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) akan diperluaskan. Tenaga sumber alternatif seperti tenaga suria, raicro hydro, hybrid system dan sebagainya akan digunakan bagi kawasan atau kampung-kampung yang tidak dapat diberikan bekalan secara biasa atau melalui sistem grid. Di samping kaedah pelaksanaan, jumlah peruntukan yang lebih besar telahpun dipohon bagi mempercepatkan liputan bekalan elektrik di kawasan luar bandar. Adalah dijangkakan menjelang akhir Rancangan Malaysia yang Keenam kesemua kampung-kampung di Semenanjung Malysia akan diliputi oleh bekalan elektrik manakala kampung-kampung di Sabah dan di Sarawak liputan sepenuhnya dijangka akan dapat dicapai pada akhir tahun 2010. Satu kajian kemungkinan bagi mempercepatkan pelaksanaan dan liputan bekalan. elektrik di kedua-dua negeri tersebut akan dibuat pada akhir tahun 1991 ini.

(c) Kerajaan belura bercadang men.guran.gkan bayaran sambungan dan tariff di kawasan luar bandar yang sedang berkuatkuasa sekarang.

(d) sehingga akhir Rancangan. Malaysia Kelima, peratus isi rumah yang belum mendapat bekalan elektrik 24 jam di kawasan. Pahang Tenggara ialah sebanyak lebih kurang 45% bagi kawasan DARA dan lebih kurang 20% bagi karapung-kampimg tradisional.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, pihak DARA dan Kementerian ini telah berusaha untuk raendapatkan, peruntukan yang lebih besar bagi menyediakan bekalan 24 jam ke kampung-kampung dan petempatan. yang masih lagi belum menerima bekalan .tersebut. Manakala bagi kampung-kampung tradisional pula yang bilangan rumahnya sedikit dan terpencil-, pihak DARA sedang raencari jalan untuk naenempatkan dan menyusun petempatan mereka bagi memudahkan penyediaan kemudahan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 8 dan 17 hingga 55 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM 1991-1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

> menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh perlaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;
>
> merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunati Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertuinbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;
>
> meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan tanggungjawab kita dalam Dasar Pentbangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah BiL. 9 Tahun 1991;
>
> Bahawa aalatu meluluskan Rancan$_{6}$an Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha den^an lebih gigih dan penuh keazaman selaras den $_{5}$an seinangat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh 16hb Julai, 1991]

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dlari Kuala Langat ada 15 minit lagi.

3.36 ptg.

Datuk Haji Basri bin Bajuri [Kuala Langat]: terima kasih., Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi pertumbuhan ekonomi negara, kehadiran pelabur-pelabur asing dapat meningkatkan pendapatan perkapita dan mengurangkan

kadar pengangguran. Dalam masa yan$_s$ sama, pertumbuhan pelabur-pelabur asing yang datang secara iaendadak serta tidak selari dengan pertumbuhan tenaga manusia itu banyak menimbulkan kesan negatif. Di antaranya ialah bertambah besarnya masalah sosial seperti masalah peruraahan, akhlak dan juga masalah sikap.

Di kawasan-kawasan tertentu kewujudan kilang-kilang telah menurunkan minat murid-murid sekolah untuk belajar kuat, kerana kerja kilang sudah menunggu mereka. Pertumbuhan kilang-kilang yang mendadak tanpa penyediaan tenaga mahir dan separuh oiahir menyebabkan bumiputera rata-rata hanya mampu mengisi kekosongan jawatan di peringkat operator atau pekerja-pekerja aui sedangkan di peringkat penyeliaan dan pengurusan bilangannya terlalu kecil.

luan Yang di-Pertua, kita memang mengalu-alukan usaha Kerajaan untuk memberi lebih peningkatan ke atas bidang latihan, teknik dan vokasional bagi menghasilkan tenaga mahir dan separuh mahir ju$_5$a melahirkn golongan usahawwan.Dalam hal ini, Kerajaan haruslah menyusun satu program khas 'crash programme' bagi melatih seberapa ramai belia kita dalara bidang teknik dan vokasional sama ada di dalaui mahupun di luar negeri bagi memenuhi keperluan tenaga matiir yang begitu mendesak. Walau bagaimanapun, latihan teknik dan vokasional sahaja tidak menjamin kejayaan seseorang. Oleh yang demikian, latihan keusahawanan juga perlu diberi keusahawanan juga perlu diberi penekanan. Di samping itu, pendidikan agama, moral serta ketatanegaraan haruslah diberi juga penekanan di semua institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan sebuah ne&ara inaju, peranan guru dalam pendidikan tidak dapat dinatikan pentingnya. Murid hari ini adalah pemimpin masa depan. Murid hari ini juga adalah usahawan, saintis, teknokrat atau academician di masa akan datang. Di tangan merekalah negara ini akan diletakkan, dan mereka jugalah yang akan menentukan sama ada Wawasan 2020 akan tercapai atau sebaliknya.

Oleh yang demikian, sistem pendidikan kita harus disusun sedemikian rupa supaya sumber manusia yang akan dilahirkan itu dapat memenuhi keperluan negara. Untuk menuju ke arah itu, Rancangan Malaysia Keenara harus menyediakan satu peruntukan yangbesar dalam bidang pendidikan terutamanya untuk pendidikan vokasional, teknik, perdagangan, agama, moral dan ketatanegaraan.

luan Yang di-Pertua, keadaan yang wujud di ne$_{6}$ara kita hari ini adalah hasil acau kesan dari sistem pendidikan yang kita amalkan dan kita warisi selama ini.Penumpuan yang lebih terhadap pendidikan akadeiaik telah menjadikan kita berada dalaia keadaan di mana anak-anak yang telah mendapat 11 tahun atau 13 tahun pendidikan masih tidak mempunyai kemahiran tertentu yang boleh dijadikan asas untuk hidup berdikari.

Sistein pendidikan kita terlalu banyak memberikan penekanan kepada kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan otak yang tinggi sedangkan lebih dari separuh kanak-kanak kita mempunyai kecederasan otak yang sederhana atau kurang. Golongan ini selalunya tidak atau cuma mendapat pembelaan yang, paling minimum sedangkan golongan inilah yang merupakan majoriti pelajar di negara ini.

Kanak-kanak yang lemah pencapaian akademiknya tidak bermakna tidak boleh berjaya dalam hidup, tidak boleh mencapai kecemerlangan, tidak mempunyai minat dalam bidang tertentu atau tidak boleh bersaing dengan mereka yang mempunyai kecerdasan otak yang tinggi. Sebenarnya tnereka boleh berbuat demikian. Cuma mereka tidak diberi kesempatan, didorong dan bakat mereka tidak dipupuk secara teratur.

Oleh yang demikian, untuk menghadapi zaman negara maju peranan guru dalam membentuk keperibadian individu dalam sesebuah negara maju haruslah dipertingkatkan lagi. Untuk mewujudkan satu tnasyarakac industri, kita harus terlebih dahulu mewujudkan guru-guru yang berorentasikan industri keusahawanan dan perdagangan, di samping akhlak yang tinggi. Untuk mewujudkan sebuah masyarakat maju, terlebih dahulu mestilah diwujudkan guru-guru yang berfikiran maju dan berpandangan jauh supaya pengajaran guru lebih berkesan. Bilangan bilik darjah dan bilangan guru harus dicambah segera dan bilangan' murid dalam satu—satu darjah harus dikecilkan. Sukatan-sukatan pelajaran di maktab-maktab perguruan harus dikaji semula bagi mempastikan guru-guru yang keluar maktab menepati kriteria guru-guru dalam sebuah negara maju serta menepati keperluan pendidikan dan negara. Dalam pada itu, kebajikan guru-guru mestilah sentiasa diberi perhatian.

Tuan. Yartg di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru yang baru berlalu telah merubah struktur sosial dan banyak menghasilkan kelompok sosial di kalangan tnasyarakat kita. Kalau dahulu bumiputera boleh digolongkan kepada dua, iaitu kurapulan petani dan kakitangan Kerajaan, tetapi.,: hari ini kita dapat melihat selain dari dua kelorapok tersebut di atas, golongan korporat bumiputera, golongan usahawan, golongan

peniaga kecil, golongan pemborong, golongan profesional, golongan pekilang dan lain-lain lagi. Dengan kaca lain, perubahan sosial sedang berlaku dengan pesatnya. Golongan-golongan tersebut merupakan fenomena-fenomena baru dalam masyarakat bumiputera. Golongan-golongan tersebut juga sedang berhadapan atau bersaing dengan golongan bukan bumiputera yang memang telah lama wujud serta mempunyai asas yang kukuh untuk terus maju.

Dalam RRJP2 kuota 30% telah ditiadakan walaupun kuota tersebut belum tercapai. Untuk mempastikan sebelum 2020, bumiputera telah bersedia bersaing dalam perdagangan terbuka, Kerajaan semestinya terus memberi keutamaan kepada golongan-golongan tersebut dalam scmua bidang. Dalam usaha mewujud dan membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB), aspek keupayaan btimiputera untuk mengurus dan mempertingkatkan penglibatan mereka dalam hidang perdagangan dan perindustrian mestilah diawasi dan dipastikan ianya mencapai matlamat. MPPB semestinya sentiasa mempertingkatkan daya saing mereka kerana mereka bukan sahaja bersaing sesama bumiputera, tetapi juga di kalangan bukan bumiputera di dalam negara, malahan di peringkat antarabangsa. Keupayaan diri, profesionalisme dan juga keupayaan untuk bergiat di dalara bidang-bidang di peringkat antarabangsa hendaklah diwujudkan.

Selaras dengan status sebuah negara maju, MPPB mestilah keluar dari spektrum peniaga kecil-kecilan seperti peruncit atau penjaja sahaja. Selain daripada pengwujudan MPPB dari kalangan usahawan-usahawan baru, Kerajaan hendaklah mempergiatkan lagi usaha ke arah raeraberi peluang kepada pengurusan yang sedia ada di beberapa buah syarikat milik Kerajaan sebagai langkah untuk menyerahkan pengurusan kepada mereka. Rancangan Management Buy-over atau (MBO) hendaklah dilipatgandakan.

Mereka yang talah mempunyai track record yang baik dan terbukti keupayaannya dalam menguruskan sasebuah perusahaan hendaklah diberi peluang menguasai dan seterusnya memiliki sebahagian besar syarikae-syarikat yang memperolehi keuntungan dan berpotensi untuk maju ke hadapan.

Untuk mempastikan masyarakat bumiputera cenderung kepada pelaburan, Kerajaan hendaklah memperbanyakkan lagi institusi kewangan dan juga memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti institusi kewangan yang sedia ada bagi melahirkan bumiputera yang mempunyai daya melabur yang tinggi berbanding dengan budaya berbelanja, la bukan sahaja dapat meningkatkan taraf hidup pelabur tetapi juga membawa kepada satu budaya yang sihat. Buktinya jelas bahawa bumiputera bersedia dan mampu untuk melabur sekiranya ada peluang dan ada pulangan yang menggalakkan seperti Skim ASN, ASB, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, inscitusi-institusi latihan untuk bumiputera seringkali dipersalahkan kerana tidak diselaraskan, overlapping dan ad—hoc keadaannya. Oleh kerana terlalu banyak masing-tnasing dengan wawasannya, kita dapati keberkesanannya agak mengeciwakan. Adalah dicadangkan supaya Kerajaan raenyelaraskan satu pendekatan yang lebih bersepadu bagi mempastikan buraiputera dibimbing dan dibantu dalam semua aspek perniagaan seperti kewangan, pemasaran, pengeluaran, pengetahuan teknik dan pengurusan hingga ke satu peringkat yang mereka boleh berdikari. Adalah lebih baik wujud beberapa oraiig usahawan bumiputera yang berjaya, maju dan berkualiti dari wujud beribu-ribu usahawan bumiputera yang penuh bermasalah dan menjalankan perniagaan yang kecil-kecilan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sejak DEB dilancarkan, industri-industri kecil telah banyak terdapat di luar bandar, tetapi masa depan mereka agak tneragukan. Ini adalah kerana berbagai-bagai masalah seperti bekalan bahan mentah, pengalaman, pengetahuan, modal, bimbingan, network, pasaran dan lain-lain. Bidang pemasaran merupakan satu bidang yang dianggap lemah dalam perkerabangan perniagaan bumiputera di peringkat bawah dan menengah. Penyelarasan antara agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, RISDA, LPP, FAMA, MARA dan sebagainya pada masa ini kurang mendatangkan kesan positif dan bermanfaat kepada unit-unit pengeluaran terdiri dari usahawan-usahawan buraiputera yang sememangnya telah lama tertinggal di belakang. Setakat ini tidak terdapat satu-satu badan yang mana usahawan-usahawan dapat berharap membantu mereka dalam bidang pemasaran kerana agensi-agensi yang wujud sekarang berjalan bersendirian tanpa penyelarasan.

Oleh itu, sampailah masanya bagi Kerajaan untuk meraberikan perhatiaa yang serius ke atas bidang pemasaran yang raenjadi penentu kejayaan usahawan bumiputera. Sudah sampai masanya Kerajaan menubuhkan badan yang mungkin dinamakan Badan Pemasaran Bumiputera Kebangsaan yang akan berfungsi sebagai badan penyelaras kepada usaha-usaha pemasaraa, merealisasikan peraasaran yang lebih meluas kepada agensi-agensi Kerajan dan pasaran terbuka, menjadi satu badati penyelidik mengenai perkara-perkara pemasaran di samping membantu menjalankan kerja-kerja pengumpulan. data dan maklumat, mengenalpasti projek^projek yang berdaya raaju untuk disebarkan kepada usahawan-usahawan bumiputera sebagai badan yang terpenting untuk menjadi rujukan pemasaran kepada pengusaha-pengusaha bumiputera.

Bertepatan dengan matlamat Wawasan 2020 satu asas yang kukuh perlu dibina supaya bumiputera tidak akan menjadi penonton kepada kejayaan negara. Industri pertanian khususnya pekebun-pkebun kecil tidak menampakkan pertumbuhan yang pesat seperti industri perkilangan. Nasib pekebun-pekebun kecil tidak banyak barubah, begitu juga dengan nelayan dan penternak.

Tuau Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah gulungkan?

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita ghairah menuju ke arah menuju negara maju, penekanan ke atas sektor pertanian, khususnya pekebuu kecil, nelayan dan pencernatc mestilah juga di pertingkackan. Sektor inilah yang selama ini menjadi asas ekonomi dan pembangunan negara. Selama ini sektor-sektor tersebut tidak diberi keutamaan sedangkan sektor-sektor tersebut tidak kurang pentingnya. Peranan Kementerian Pertanian melalui agensi-agensi di bawahnya mestilah di pertingkatkan selari dengan Wawasan 2020. Usaha untuk menambah pengeluaran bahan makanan serta mengurangkan import barang-barang makanan harus dilipatgandakan. Peranan agensi-agensi Kementerian mescilah diperluaskan. Peranan MARDI misalnya, harus diperluas bukaa sahaja sebagai institusi penyelidikan tetapi juga sebagai institusi yang, melaksana dan mengembangkan penyelidikan itu. Begitu juga dengan agensi-agensi lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ramai sangat lagi yang hendak berucap. Bolehkah kita sambung malam ini? Limbawang.

3.52 ptg.

Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun [Limbawang]: Tuan Yang di-Pertua, cerlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang bercakap di dalain Uewan yang mulia ini.

Yang percama sekali, saya berasa ghairah ataupun bersyukur kepada Tuhan kerana Belanjawan untuk pembangunan Rancangan Malaysia Yang Keenam ini sangat memuaskan hati. Oleh yang demikian itu, saya ucapkan tahniah dan teriuia kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Dan saya percaya bila dilancarkan Belanjawan itu akan menaiabah dengan pesatnya pembangunan dalam negara kita. Lebih-lebih lagi, di kawasan luar bandar kerana yang saya ketahui umpamanya di Sabah, di kawasan luar bandar boleh dikatakan bukan sahaja ada hutan yang sudah menjadi tanah itupun sudah dimiliki terbengkalai tidak dapat disempurnakan oleh dengan sesuatu sebab.

Jadi, kalaulah dipesatkan pembangunan ini tentulah sekali ia akan berhasil dan mengeluarkan hasil segala usaha-usaha tanah yang terbengkalai itu. tetapi sekiranya juga usaha-usaha itu telah berjaya dengan jalan rayanya yang sebahagian besar di dalam Negeri Sabah boleh dikatakan sangat buruk, jadi memasarkan pengeluaran daripada usaha-usaha itu rumitlah. Misalannya jalan raya dari Lahad Datu ke Sandakan, apa lagi kalau musim hujan, memang payah dilintasi oleh kereta Trooper atau land-rover, dengan izi.n, jangan kata lagi kalau kereta-kereta yang biasa. Demikian juga dari Sandakan ke Kota Kinabalu yang mana jalannya pun sangat buruk, ada pula cidak berminyak tar lagi. Dari Kota Kinabalu pula, dari Beautort pergi ke Sipitang dan Sedumin amatlah buruk jalan rayanya. Dan dari Beauiort pergi ke Kuala Penyu demikian juga, kalau musiin hujan bersemburan lumpur, kalau musin panas tidak nampak lagi orang di hadapan oleh habuk.

Dan demikian juga jalan daripada Kanibongan di Daerah Kudat, lebih sampai ke simpangan jalan lebuhraya dari Kudat ke Kota Belud

sangat susah kepada rakyat kerana jalan itu tidak seumpuma, Jadi, kalau saya sebutkan ini terlampau panjang. Cuma hanyalah diharap Jabatan Kerja Raya menyelidikinya, menyiasat untuk faedah masyarakat.Lagi juga segala bantuan-bantuan daripada kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil, khasnya di luar bandar tidak akan sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula bercakap mengenai jambatan. Jambatan berpuluh-puluh yang sepatutnya sudah dibuat jambatan yang kekal, Misalannya dari Pekan Kota Belud pergi ke Kampung langgus, jambacan itu kalau tidak salah ingatan saya dibina waktu tahun i94fa oleh tentera, dengan iain, waktu British Military Administration IBMA) hinggalah ke hari ini. Jadi, jambatan itupun saya tengok merbahaya. Di samping itu pula dia pakai lampu isyarat. Jadi, bila musim waktu sesak, berbatu-batu panjangnya kereta menunggu lampu isyarat. Sebab lampu isyarat bukan pakai automatik, pakai orang. - **[Tepuk]** Jadi, ini patutlah diambil perhatian dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah memanjangkan lagi ucapan saya kerana saya percaya tadi berpuluh-puluh Ahli berdiri hendak bercakap.Jadi, saya beri peluanglah kepada Yang Berhormat Yang Berhormat yang lain itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sibu.

3.58 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana telah menyampaikan Rancangan Malaysia Yang Keenam yang

begitu teratur di dalam Dewan yang mulia ini pada 10hb Julai, 1991. RMb adalah Fasa Pertama untuk melengkapkan RRJP2 dan DPN.

Tuan. Yang di-Pertua, RM6 juga adalah permulaan kepada satu perjalanan yang panjang bagt seraua[1] rakyat Malaysia untuk bekerja bersauia-sauia di bawah semangat Rukunegara untuk menjadi sebuah negara yang raaju pada tahun 2020 seperti divisikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kica.

Saya juga harus mengucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana keberaniannya memperakui kelemahan DEB dan. juga kekurangan RM5 serta mengambil langkah yang lebih berguna untuk membaikinya di dalam RM6.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi saya ingin menarik perhatian mengenai beberapa perkara berikut.

Yang pertama, tentang pembangunan yang sepatutnya bagi semua negeri, saya merasakan Kerajaan Persekutuan haruslah menukarkan sikap mereka untuk memberi peruntukan pembangunan Persekutuan berdasarkan kepada jumlah penduduk di dalam setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, masanya sudah tiba bagi Kerajaan Persekutuan. untuk memperakui kekuatan dan potensi negeri-negeri tersebut terutama sekali negeri Sarawak yang mempunyai tanah yang luas, sumber dan tenaga asli yang banyak, hendaklah diperuntukkan dengan tabungan yang lebih banyak supaya dapat mengikuti pembangunan negeri-negeri lain. Walaupun peruntukan pembangunan Persekutuan untuk Sarawak telah meningkat dari $1,839 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima kepada $3,209 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam, peratusannya hanya naik dari 5.2% dalam Rancangan Malaysia Kelima kepada 5.8% dalam Rancangan Malaysia Keenam dan dalam bentuk jumlah bahagian Sarawak dalam peruntukan pembangunan Persekutuan adalah masih rendah daripada negeri-negeri yang sudah lebih maju.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pembangunan jalan raya dan jambatan, walaupuo Sarawak sebesar Semenanjung Malaysia secara geografi, ianya hanya mempunyai 8,478 kilometer jalan raya pada tahun 1990 yang mana menduduki tempat ketujuh dalam jarak jalan raya di Malaysia dan hanya 35% daripada yang diturap yang kedua paling rendah di Malaysia.

Sebenarnya, selain daripada Sabah dan Sarawak, peratusan jalan raya yang diturap di Semenanjung adalah di dalam lingkungan dari 76% ke 97%. Adalah sangat menyenangkan apabila melihat peruntukan

pembangunan bagi jalanraya dan jambatan untuk Semenanjung telah naik dari $1,262.5 juta di dalam Rancangan Malaysia Kelima kepada $5,557.6 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam, iaitu bertambah lcepada 440%, dan amatlah menyedihkan melihat peruntukan untuk Sarawak hanya naik dari $548.7 juta ke $786.8 juta iaitu naik sebanyak 140%. Dengan itu, Semenanjung Malaysia akan menerima kebanyakan daripada $1,977.1 juta peruntukan untuk landasan keretapi dan pengangkutan ringan.

Terhadap keseluruhan bekalan air untuk kawasan luar bandar, Sarawak dijangka akan naik dari 47t dalam tahun 1990 ke 74% dalam tahun 1995 di raana ianya akan menjadi yang ketiga paling rendah di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam tidak menyebut mengenai peruntukan bagi saliran air ke kawasan pantai Sarawak tjerutama sekali untuk Sibu yang merapunyai baiiyak masalah saliran air yang serius.

Doktor dan nisbah jumlah penduduk di Sarawak telah bertambah dari satu nisbah 6J696 dalam tahun 1985 kepada satu nisbah 5:175 dalam tahun 1990 yang mana hanya 50% daripada nisbah purata Kebangsaan iaitu satu nisbah 2:560.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kadar ini tidak dibetulkan, Sarawak negeri yang terbesar di Malaysia akan lebih jauh ketinggalan di belakang negeri-negeri yang lebih membangun pada penghujung Rancangan Malaysia Keenam. Maka saya mohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengulangkaji sekali lagi peruntukan tabung Pembangunan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Keenara dan memberi bahagian yang lebih adil kepada Sarawak.

[Timbalan Yang di-Pertua mcmpengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fleksibel terhadap desa, saya rasa Kerajaan sudah cukup macang untuk menjadi lebih fleksibel akan desa-desa tertentu yang kadang-kalanya sensici?. Saya juga melihat bahawa Jabatan Perubatan kita telah mengambil doktor-doktor perubatan serta pakar-pakar dari negara-negara lain yang mempunyai kelengkapan serta pendidikan perubatan yang kurang raaju daripada Malaysia untuk meraenuhi kekurangan doktor di hospital kita. Sementara itu, ramai doktor Kerajaan telah meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan kerana gaji yang rendah.

Tuan. Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kita meminda semula gaji doktor atau membenarkan dokcor Kerajaan raenjalankan khidmat tnereka di luar semasa bukan waktu kerja serta merabenarkan doktor swasta dan pakar bedah untuk menggunakan kemudahan hospical Kerajaan untuk mengubati pesakit mereka.

Sumbangan sekolah raenengah bebas Cina terhadap pendidikan Kebangsaan tidak dapat dinafikan lagi. Mengapa tidak memberi mereka sedikit bantuan kewangan dan masih membenarkan Lembaga Sekolah meng-uruskan sekolah-sekolah tersebut? Saya tnerayu kepada Kerajaan untuk melonggarkan syarat kredit Bahasa Malaysia bagi guru sementara yang telah mengajar selama beberapa tahun serta mempunyai prestasi yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, menaikkan taraf guru C2 yang telah lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) ke BlO haruslah dipercepat-kan. Elaun yang diberikan kepada guru Semenanjung yang mengajar di Sarawak haruslah diberi kepada guru dari Sarawak juga yang raengajar di sekolah yang bukan dari tempat tinggal mereka di Sarawak. Pengetua Tingkatan C2A (KUP) masih tidak berpuashati kerana mereka tidak mendapat sebarang keuntungan daripada perkhidmatan dua skim gaji atau, dengan izin, two-tier salary scheme. Saya fikir amatlah adil untuk menimbangkan kelayakan mereka sebagai guru besar di sekolah yang telah lama raereka tumpukan khidmat mereka dengan cemerlangnya. Mereka tidak seharusnya tertakluk kepada peraturan baru untuk latihan dan ujian jika dilihat dari segi pengalaman dan umur mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tentang keadilan alam sekaliling, saya amat menghargai isu kepentingan keadilan alam sekeliling di negara kita tetapi saya amat sedikit melihat negara kita Malaysia, terutama sekali negeri Sarawak telah dicerobohi secara tidak adil oleh pencinta alam asing semata-mata dengan tujuan politik atau disokohg oleh pengeluar kayu lembut yang berkempen untuk menentang pengeluar kayu keras tropika seperti Malaysia. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pencinta alam Jerman telah mengatakan satu skandal yang besar iaitu sejak beberapa tahun dahulu mereka telah menerima derma orang awam sebanyak 70 juta Deutchmark atau $ 110 juta. Mereka hanya mcmbelanjakan 7 hingga 8 juca Deutchmark untuk mengambil orang bagi menunjuk dan memberi syarahan dan selebihnya diambil untuk membuat perniagaan dan membayar gaji yang lumayan untuk diri mereka sendiri.

Saya rasa jika negara-negara Barat tersebut mahu negara-negara tropika seperti Malaysia untuk mengekalkan hutan tropika untuk mereka, mereka haruslah memberi gantirugi kepada kerugian ekonomi negara-negara tadi dengan memberi had kepada pokok-pokok yang mereka mahu kekalkan. Sebaliknya juga negara-negara membangun Barat haruslah secara langsung berhenti daripada menternak lembu atau menanam tanaman dan mula menanam secara meluas pokok-pokok di ladang ternakan dan tanaman raereka untuk mewujudkan hutan di negara mereka sendiri. Adalah tidak adil untuk mengkritik negara-negara tropika seperti Malaysia serta memulaukan kayu keras tropika tanpa menyimpan kcsan buruk ekonomi terhadap rakyat di negara tropika.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang keadilan di Sarawak pula. Industri perkayuan termasuk pembalakan, penggergajian kayu lapis,

perabot serta operasi perkayuan yang lainnya adalah pengusaha yang terbesar sekali di negeri ini yang memberi lebih daripada 200,000 peluang pekerjaan kepada rakyat yang kebanyakannya adalah bumiputera. Jika Sarawak berhenti daripada menebang kayu ramai perabalak kayu serta mereka yang bekerja di kilang papan, kilang kayu lapis dan industri perkayuan yang lain akan kembali kepada penanaman berpindah yang mana akan memusnahkan hutan untuk selama-lamanya. Keuncungan yang diperolehi daripada penternakan pula adalah lebih rendah daripada keuntungan yang di-Pertua, pada hakikatnya di Sarawak 80% daripada perkayuan.

Tuan Yang kerja dalam industri pembalakan adalah rakyat bumiputera 80,000 pek diperolehi daripada industri yang cidak hanya bekerja sebagai bank korporat, kuli balak atau pekerja biasa. Ramai daripada mereka telah mempelajari kemahiran ini dan sekiranya bekerja sebagai mekanik, pemandu trak balak, juruukur tanah, operator gergaji rantai, pemandu jentera, penarik pemandu kenderaan muacan yang menerima upah atau gaji kontrak sama seperti rakan seperjuangannya orang Cina, iaitu pada purata $3,000 sebulan dengan anggaran jumLah seluruh sebanyak $200 juta di Sarawak setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah melawat banyak rumah panjang serta kampung-kampung dan telah melihat dengan sendiri kemajuan taraf hidup ekonomi penduduk tersebut yang dibawa oleh industri perkayuan seperti gaji kontrak, upah yang diperolehi dan jalan p«mbalakan yang membuka kawasan perkampungan dan saya tidak bersetuju dengan gambaran silap yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Saya dengan tulus ikhlas merayu kepada semua rakyat Malaysia .....

Tuan Sim Kwang Yang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap. Bandar Kuching bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta jalan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tidak beri. Duduk, duduk!

Tuan Sim Kwang Yang: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia tak beri, Yang Berhorraat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: ....terutama sekali kepada Yang Berhormat Wakil Rakyat supaya harus bekerjasama di antara satu sama lain untuk menentang pencinta alam yang jahat dari negara membangun Barat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berseru kepada semua rakyat Malaysia untuk mcnyokong RM6 dan saya yakin bahawa RM6 adalah langkah permulaan yang besar dan maju terhadap perjalanan yang jatth untuk raencapai visi Yang Amat Berhornlat Perdana Menteri kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju menjelang dahun 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat]: Padas.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar dan setiap blok ini biasanya saya akan beri kesempatan yang s"ama. Nanti ya, Yang Berhormat.

4.16 ptg.

Tuan Radin Malleh [Padas]: Tuan Yang di-Pertua saya ada 20 minit. untuk membahas usul Rancangan Malaysia Keenan ini. Ini bermakna kira terpaksa bercakap seperti menaiki tube di underground Bandar London. Sungguhpun demikian, kita bnkan semata-mata hanya

sekadar menyampai atau melafazkan ucapan, kita mahu pendapat dan pandangan kita diambilkira.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucap ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut berbahas di Dewan yang mulia ini mengenai dengan usul Rancangan Malaysia Keenam yang meliputi tempoh tahun 1991 hingga 1995. Bagi pihak rakyat Malaysia di Sabah pada amnya dan penduduk-penduduk kawasan Parlimen P.149 Padas khasnya, iaitu kawasan yang saya wakili, saya turut mengalu-alukan rancangan ini demi untuk pembangunan kemajuan dan kesejahteraan rakyat dan negara kita Malaysia yang tercinta ini. Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, kita tidak boleh lari daripada hakikat dan kenyataan bahawa satu perancangan yang teratur, rapi lagi teliti harus dirancang-rangkakan untuk faedah dan manfaat rakyat jelata supaya negara boleh mencapai ke tahap pencapaian yang membanggakan dan ke mercu kejayaan yang menjadi lambang kebanggaan generasi akan datang. Tanpa perancangan yang rapi dengan menggariskan matlamatnya maka sesuatu usaha itu akan menempuh kegagalan, apatah lagi di dalam proses untuk membangun negara yang mana memerlukan komitmen semua pihak supaya apa yang kita rancang-rangkakan akan tercapai dan apa yang-kita tujui akan sampai ke destinasi yang diharap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, -seperti yang kita semua sedia maklum bahawa Rancangan Malaysia Keenam yang meliputi tempoh 5 tahun dari sekarang adalah merupakan fasa pertama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua tnulai tahun 1991 hingga 2000 yang mana mengandungi Dasar Pembangunan Nasional. Dasar Pembangunan Nasional ini disediakan untuk menyatukan arah pembangunan negara dan agenda untuk 10 tahun akan datang. Kita semua maklum juga bahawa Rancangan Malaysia Keenam ini adalah detik permulaan kita mengorak langkah ke ambang pintu Wawasan 2020. Oleh itu, kita haruslah berhati-hati dengan melangkah kaki kanan dari saat sekarang Ini dan jangan menunggu ke saat Wawasan 2020 tiba, seperti yang dibayangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan apabila menjawab soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada hari Khamis yang lalu.

Kerana kita tidak boleh mengamalkan sikap 'sudah terantuk baru tengadah' sebab pada hemat saya, jangkamasa 30 tahun adalah suatu tempoh yang bukan terlalu panjang. Matlamat Dasar Perabangunan Nasional seperti yang dihuraikan di Buku Rancangan Malaysia Keenara di mukasurat 4 dan 5 antara lain ialah untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu dan adil. Tujuan Dasar Pembangunan Nasional yang raenekankan kepada pertum-buhan dengan pengagihan yang saksaraa akan membolehkan semua rakyat-Malaysia menyertai bidang-bidang utama aktiviti ekonomi dan dengan ini dapat memastikan kewujudan kestabilan politik dan perpaduan negara. Hasrat ini adalah selaras dengan semangat, cita-cita dan prinsip-prinsip Rukunegara ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh.

Dasar Pembangunan Nasional ini juga akan meneruskan matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin sesungguhnya bahawa kita semua sangat-sangat mengharapkan supaya matlamat ini bukan sahaja tercapai, tetapi betul-betul menjadi realiti sebagai santapan naluri generasi akan datang dan kita yang menggubal dan merancangkan dasar itu bukan sahaja berpuas hati ke atas pencapaian itu, tetapi juga akan merasa tenang, araan dan tenteram hingga ke liang lahad. Sesungguhnya saya mengerti tentang terdapatnya masalah-masalah yang mungkin akan didapati oleh Kerajaan. semasa melaksanakan Rancangan

Rancangan Malaysia Keenam. Sungguhpun negara kita Malaysia agak kecil, namun kita mempunyai 13 buah negeri yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaura, agaraa dan keturunan. Memang kita merasa bangga memanggil diri kita sebagai anak Malaysia, namun kita tidak boleh lari daripada kesedaran dan hakikat bahawa oleh kerana kita ini datang daripada masyarakat majmuk, maka sudah tentu kita tidak sunyi daripaa pendapat dan kehendak yang berlainan. Bak kata ahli falsafah Aristotle, dengan izin, human beings are political animals. Tambahan pula negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia bukan terletak di wilayah yang sama dari segi fizikal geografinya, maka sudah tentu keadaan keperluan dan aspirasi rakyat setempat akan berbeza dan berlainan.

Begitu juga di segi keperluan pembangunan insrastruktur dan lain-lain pembangunan ekonomi serta perabangunan sumber manusia turut berbeza dan berlainan. Kendati pun terdapat ketidaksamaan ini, saya berharap dan berdoa semoga ianya tidak menjejaskan perlaksanaan Rancangan Malaysia Keenam dan seterusnya Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua di seluruh negara kerana kita seraua berhasrat dan komiced untuk mencapai perpaduan negara yang padu lagi kukuh serta raerapunyai negara raaju seperti yang dicita-citakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam Wawasan 2020nya.

Dalam. konteks pembangunan di negeri Sabah melalui Rancangan Malaysia Keenam ini, saya berharap kedudukan Kerajaan Negeri Sabah sekarang ini tidak akan menjejaskan perlaksanaan Rancangan Malaysia Keenam untuk negeri Sabah sejajar dengan matlamat Dasar Pembangunan Nasional iaitu raengurang dan akhirnya menghapuskan keadaan ketidak-samaan dan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi dalam negera,

untuk menggalakkan perkongsian secara lebih adil dan saksama faedah yang diperolehi daripada pembangunan ekonomi untuk semua rakyat Malaysia, menggalak dan memperkukuhkan integrasi nasional dengan raengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalatn pembangunan ekonomi di kalangan negeri-negeri dan di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Bandau, saya menyambut baik kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini di Daerah Semporna bahawa beliau sudah jatuh cinta dengan rakyat dan negeri Sabah walaupun kenyataan atau pengakuan ini memakan masa lebih kurang 28 tahun untuk diumumkan kepada rakyat Malaysia di Sabah. Bagaimana-pun, saya berharap cinta yang diluahkan itu datang daripada lubuk hati sanubari beliau dan bukan di bibir sahaja. Nanti dikata orang pula sebagai 'menanam tebu di bibir mulut sahaja.

Saya juga berharap cinta itu akan berkekalan dan bukan buat seketika sahaja. Saya percaya ianya tidak begitu kerana cinta sudah bersemi dan. tidak mungkin ketidaksetiaan harus akan berlaku. Sungutan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa beliau tidak dapat melupakan tindakan Parti Bersatu Sabah di saat-saat akhir semasa Pilihanraya Umum Parlimen pada bulan Oktober 1990 seharusnya tidak dijadikan alasan sebagai batu penghalang untuk membuka ruang memperbaiki hubungan antara Kuala Lumpur dengan Sabah. Berapa berat sangatkah kesalahan Parti Bersatu Sabah yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Joseph Pairin Kicingan sehinggakan ianya tidak dapat dimaafkan? Bak kata pepatah, Maut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan'.

Menyedari hakikat ini, kita. harus mengikuti jalan positif untuk membuang yang keruh dan mengambil yang jerniti detni untuk kepentingan rakyat dan negara. Sama-samalah kita merenungkan kembali tindakan-tindakan dan liku-liku yang kita lalui dengan hati yang terb.uka dan dalam masa yang sama memeriksa di mana letaknya kesilapan-kesilapan yang telah berlaku di antara kedua belah pihak iaitu Kerajaan Negeri Sabah dan Persekutuan dengan secara jujur dan ikhlas. Kalaulah kejujuran dan. keikhlasan yang dikehendaki, sama-samalah kita menepuk dada dan menanya selera. Usaha ini memerlukan aliran komunikasi dua hala.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini juga saya dan juga rakyat Malaysia di Sabah merasa senang sekali kerana kita perhatikan kebelakangan ini kunjungan dan lawatan para pemimpin Persekutuan. begitu kerap .sekali ke Sabah terutama sekali Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri yang telah berjanji untuk membuat lawatan ke Sabah sebulan sekali, iaitu di tiap-tiap penghujung bulan. Ini adalah satu petanda baik bagi rakyat Malaysia di Sabah, sekurang-kurangnya kami tidak berasa terasing seolah-olah tidak dipedulikan oleh pemimpin-pemimpin Persekutuan.

Lawatan-lawatan atau kunjungan-kunjungan ini juga akan membuka ruang bagi pemimpin-pemimpin Persekutuan untuk memahami dan mengerti lebih dekat lagi keadaan pembangunan dalam semua aspek di negeri Sabah. Lebih-lebih lagi pemimpin-pemimpin Persekutuan akan berke-sempatan memahami dan mengenali rakyat Malaysia di Sabah dalam segi asal-usul mereka mahupun latarbelakang mereka dan -bagaimanakah hubungan mereka di antara satu kaum dengan kaum yang lain. Bak kata orang, 'tak kenal maka tak cinta', maklumlah negeri Sabah bukan sahaja kaya dengan sumber-sumber alamnya dan juga keindahan alam

semulajadi, tetapi juga mempunyai penduduk yang berbilang kaum, agama dan keturunan yang kaya dengan adat budaya dan nilai-nilai hidup mereka tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi sungguhpun terdapat perbezaan pendapat dan kehendak serta latarbelakang yang berlainan ini, saya percaya dan berkeyakinan secara positif bahawa Rancangan Malaysia Keenam akan dapat dilaksanakan dengau jayanya tanpa banyak rintangan. Ini dapat dicapai dengan merabuat kajian Cerhadap Rancangan Malaysia Kelima yang saya percaya Kerajaan sudah berbuat demikian dan mengambilkira seraua pencapaian dan kejayaan begitu juga kelemahan dan kekuatannya. Ini akan menjadi satu fitting base, dengan izin, bagi kita merancang agenda untuk lima cahun yang akan datang.

Selain daripada itu, saya berpendapat bahawa satu Jawatankuasa yang terdiri daripada semua pihak patut ditubuhkan bertujuan untuk mengawasi dan menyelia perjalanan perlaksanaan Rancangan Malaysia Keenam agar ianya berjalan dengan lebih licin dan teratur dan sebarang penyelewengan dapat dielakkan. Sehubungan dengan itu, saya menggesa dan merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya memberi perhatian yang berat kepada perlaksanaan pembangunan di Sabah dengan memberi keutamaan khusus untuk program-program pembasmian. kemiskinan dan buta huruf serta juga bidang-bidang yang lain seperti kesihatan, perhubungan, pertanian dan bekalan elektrik,

Ini raemandangkan bahawa kadar kemiskinan dan buta huruf di negeri Sabah adalah yang tertinggi sekali kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Oleh yang demikian, saya berharap kawasan Padas tidak akan ditinggalkan di dalam perlaksanaan pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam kerana seperti yang saya katakan

Mengenai bekalan elektrik, banyak lagi kampung-karapung yang belum menikmati keraudahan ini seperti Kampung Mendalum, Tumantalib, Saga dan kampung-kampung di kawasan Kemabong.

SeCerusnya di daerah Sipitang, memerlukan Balai Bomba dan beberapa bangunan sekolah rendah memandangkan daerah itu - tiada perkhidmatan bomba. Begitu juga sekolah-sekolah rendah adalah tidak mencukupi.

Oleh kerana bertambahnya murid-murid di peringkat menengah maka sebuah sekolah menengah yang baru perlu didirikan untuk menampung pertambahan murid-murid yang semakin meningkat.

Begitu juga Hospital Daerah Sipitang seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada bulan Disember 1990 yang berharga $100 juta hendaklah dimulakan pembinaan-nya secepat mungkin memandangkan Kerajaan Negeri sudahpun menyedia-kan tapak yang seluas 40.69 ekar di mana geran tanah sudahpun dikeluarkan yang bernombor CL 195311227.

Akhir sekali, pembangunan perhubungan yang paling mendesak sekali ialah mengaspal jalan raya daripada Beaufort ke Sindumin dan seterusnya ke Lawas. Jalan raya ini bukan sahaja digunakan oleh rakyat Sabah tetapi juga rakyat dari Sarawak yang berulang-alik mengikuti jalan raya berkenaan. Maka saya sukalah menggesa di sini dan merayu kepada Kementerian Kerja Raya untuk mempercepatkan pengaspalan jalanraya tersebut.

dahulu di Dewan yang mulia ini bahawa sebilangan besar rakyat di kawasan saya belum pun menikmati manfaat Dasar Ekonomi Baru. Diharap Kementerian Pendidikan dapat mendirikan sebuah sekolah menengah rendah yang baru dan sebuah sekolah rendah baru di Daerah Tenom. Begitu juga asrama desa sangat-sangat diperlukan sekarang ini memandangkan asrama yang ada sekarang di Kampung Amboi, Tenom sudah usang dan tidak selamat lagi. Tambahan lagi ianya terletak di tanah kepunyaan Lembaga Letrik Sabah dan. pihak Jabatan Pendidikan. sudahpun diberi notis supaya meninggalkan tempat berkenaan.

Sebenarnya sebuah tapak telahpun diluluskan untuk tujuan. membina asrama ini iaitu berdekatan dengan kampung saya di Entebuan untuk kepentingan tnurid-murid sekolah berkenaan yang tidak kurang 200 orang.Maka saya menggesa Kementerian Pendidikan dapat membina-nya secepat mungkin.

Di segi kesihatan pula, saya betharap Kementerian Kesihatan dapat mengadakan klinik-klinik desa di Kampung Pol, Mendalong, klinik pergigian desa dan rumah mayat di Daerah Tenom. Dalatn hubungan ini, Pejabat Kesihatan Daerah Tenom harus dibinakan memandangkan pejabat yang ada sekarang ini sudah usang dan tidak sesuai dan tidak dapat menampung ramai orang. Begitu juga Ibu Pejabac Polis Diraja Malaysia yang baru di Daerah Tenom harus dibinakan secepat tneungkin memandangkan bangunan yang ada sekarang sudah tidak sesuai. Kawasan Kempung dewasa ini memerlukan sebuah Pejabat Pos. Oleh itu diharap Kerajaan akan mendirikan sebuah Pejabat Pos di sana untuk kegunaan penduduk-penduduk setempat.

Sebelum saya mengundur diri sekali lagi saya menggesa Kerajaan Persekutuan supaya melaksanakan perabangunan-perabangunan seperti yang dirancangkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam dan yang telah saya huraikan awal-awal tadi khususnya bagi kawasan Padas supaya rakyat di luar bandar turut sama menikmati manfaac Rancangan Malaysia Keenam kerana pengalaman yang lampau mengajar kita bahawa kemiskinan dan ketidakseimbangan yang luas, sosio-ekonomi di kalangan kumpulan etnik boleh menirnbulkan perasaan tidak puas hati dan seterusnya boleh raengakibatkan kekecuhan sosial atau, dengan izin, social unrest. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalau Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Seputeh.

4.32 ptg.

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam terkandung dalam buku setebal 514 halaman ini semua seperti Rancangan Malaysia sebelumnya penuh dengan teori dan impian. Pada peringkat perlaksanaan kita tetap akan berhadapan dengan penyelewengan, salahguna kuasa, diskrirainasi kaum dan jurang yang ketara antara orang yang berada dengan orang yang tidak berada atau have and have not, dengan izin, yang menyebabkan teori dan impian ini menjadi phobia yang berpanjangan.

Laporan akhbar 7 Julai yang iaitu dalam Mingguan Malaysia ada phobia dalam bidang pendidikan. Apabila Kerajaan Barisan Nasional secara 'by hook or by crook' mahukan yuran di universiti-universiti tempatan dinaikkan 100% akibatnya 1,000 pelajar yang ditawarkan tempat tidak mendaftarkan diri untuk melanjutkan pelajaran di

universiti-universiti. Seramai 500 pelajar tidak mendaftar di Universiti Kebangsaan Malaysia, 352 di Universiti Teknologi Malaysia dan selebihnya di universiti-universiti yang lain.

Dalam masa pelajar-pelajar yang berkelayakan ini tidak dapat melanjutkan pelajaran akibat tekanan kenaikan yuran, skandal yang ketiga dalam tempoh 10 tahun Bank Bumiputera melibatkan $72 juta wang BBMB Security Sdn Bhd tidak dapat dibendung seperti dilaporkan dalam **Singapore Business Times** pada 4 Julai, 1991. Skandal curi balak di hutan di kawasan tadahan air Ampang dan Hulu Gombak, skandal letupan dan kebakaran kilang mercun Bright Sparklers Sdn. Bhd. di Sungai Buloh pada 7 Mei, 1991 dan skandal depoh peluru di Mesjid Tanah, Melaka yang menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian $30 juta. Semuanya menjadi persoalan penting utituk dipelajari apabila Rancangan Malaysia Keenam ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara menyebut bahawa Dasar Ekonomi untuk pembangunan negara merapunyai matlamat utama mencapai perpaduan negara. Dalam Bab 5 Perenggan 876 dijelaskan kita tidak dapat lari dari hakikat yang melibatkan faktor nurani dan kemanusiaan. di kalangan jurang rancang dan perlaksanaan. Hakikat ini harus bermula di sanubari setiap individu. Sekiranya faktor nurani ini tidak diambil kira, maka segala perancangan akan menjadi pincang dan tidak sempurna."

Apakah Kerajaan mengambil kira faktor nurani ini ketika meminta Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor Dr. Syed Hussin Al-Attas menaraatkan perkhidmatan sebelum tempohnya berakhir apabila kecaman-kecaman hebat dari Pergerakan Pemuda UMNO raembangkitkan Naib

Canselor itu melantik dua orang Dekan Pakulti dari kalangan bukan Melayu. . Ini satu contoh berlakunya diskriminasi kaum dalam pentad-biran termasuk di pusat-pusat pengajian tinggi. Kenaikan pangkat bukan berdasarkan kelayakan tetapi berasaskan dari kaura, Bagaimana kita raahu raencapai perpaduan negara atau nasional sekiranya masalah kaura masih jadi benteng yang memisahkan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, musuh utama rakyat Malaysia selaraa ini bukannya perbezaan kaum tetapi ialah masalah antara golongan 'have dan have not'. Perabangunan infrastruktur di. kampung-kampung baru misalnya tidak diberi perhatian sehinggakan jalan-jalan, bekalan elektrik dan bekalan air yang disalurkan sejak 20 atau 30 tahun lalu tidak diperbaiki semula. Di Salak Selatan adalah di antara beratus-ratus kampung baru yang tnengalami nasib sedemikian. Jalan-jalan berlubang serta rosak setelah digunakan sejak 20 atau 30 tahun masih tidak diturap dengan minyak tar. Sikap diskriminasi sedemikian seolah-olah menolak sebarang usaha perpaduan yang berasaskan seraangat keMalaysiaan.

Pergaduhan di peringkat murid-murid sekolah seperti berlaku di Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin di Kuala Terengganu tidak lama dahulu menunjukkan masalah perpaduan bukan terbatas di kalangan kaura sahaja, ia melibatkan juga sikap kenegerian apabila pelajar-pelajar dari Terengganu tidak dapat menerima pelajar-pelajar dari Kelantan.

Keadilan sosial menjadi asas penting. Dalam mencapai perpaduan ini Kerajaan bukan sahaja perlu memastikan tidak ada diskriminasi

kaum dalam perlaksanaan Rancangan Malaysia Keenam malah mengenepikan diskriminasi kenegerian sekalipun ada Kerajaan-kerajaan Negeri dikuasai oleh parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, rusuhan penduduk-penduduk di Kampung Pasar Baru dekat Kampung Pandan, Mac tahun 1991 lalu adalah antara beberapa kes diskriminasi dalam masyarakat yang menolak nilai-nilai keadilan sosial ini. Seramai 200 keluarga di Kampung Pasar Baru Kampung Pandan itu tersepit antara keluhuran undang-undang dan kuasa mereka yang mementingkan ringgit dan sen.

Pemaju perumahan KUBRA Holdings MBf menggunakan samseng-samseng untuk inengusir penduduk-penduduk yang mendiami atas tanah HS(DPT) No. 22712, Mukim Ampang, Hulu Langat, Selangor sekalipun Mahkamah Agung meluluskan permohonan penduduk-penduduk mendiami tanah berkenaan pada 3hb Disember, 1990. Apa yang dilibatkan oleh KUBRA Holdings MBf dalam bulan Mac tahun 1991 ini sama seperti tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merobohkan rumah setinggan di Kampung Kerinchi pada 8hb Julai tahun ini. Biasanya kalau KUBRA Holdings MBf raenggunakan samseng-samseng, DBKL pula uienggunakan 30 anggota dati kakitangan penguatkuasaannya memusnahkan terapat kediaman golongan "haves-not."

DBKL yang berbangga dengan pujian melangit Perdana Menteri bahawa Kuala Lumpur menjelma sebagai Bandaraya Bercahaya, hanya iiidah dengan kerlipan lampu-lampu di malam hari tetapi hakikatnya penuh dengan penyelewengan salahguna kuasa, diskriminasi kaum dan jurang perbezaan antara orang berada dan orang tidak berada.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan boleh menafikan segala dakwaan orang ramai tetapi Kerajaan tidak akan dapat membohongi kebenaran .....

Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap. Ada yang bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak apa?

Dr. Haji Jamaladdiu bin Haji Jarjis: Hendak minta penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Taun Ong Tee Keat]: Dia tidak beri jalan.

Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Apa guna fitnah ini dengan penyalahgunaan kuasa?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Liew Ah Kim: Pakta benar atau tidak benar mungkin sukar disembunyikan segala apa yang berlaku di Kampung Tai Yi ban, Salak Selatan. Kerajaan lebih mementingkan projek mewah yang ioerabxna padang golf 18 lubang dengan mengenepikan hak lebih 500 keluarga penduduk di situ.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, kita merujuk kepada Bab 5 perenggan 876, Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara bahawa: "Kita berkehendakkan insan yang bersemangat, bersikap, beramanah, berdedikasi, bertanggungjawab dan komited kepada tugas mereka untuk mencapai perpaduan negara", Sekalipun Laporan itu menegaskan peranan koperasi dalam memupuk perpaduan mempunyai potensi untuk menyedarkan ahli-ahli bahawa keperluan dan kepentingan bersama adalah melampaui ikatan kaum. Tetapi masyarakat Malaysia tetap bimbang dengan kes pendeposit-pendeposit menjadi mangsa.

Bukan sahaja Skim Cepat Kaya menghadapi dilema malah koperasi-koperasi tertentu juga banyak menjadikan mimpi ngeri kepada pemegang-pemegang saham. Mungkin. ada golongan yang marah-marah apabila ada pihak menulis surat kepada akhbar mengenai Koperasi Pulau Pinang Berhad di Jalan Sir ibrahim berhampiran detigan Pejabat Unit Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang. Bagaimana pula dengan Koperasi Belia Nasional (KOBENA) yang dilaporkan menghadapi masalah lebih $100 juta. lentu Menteri Kewangan dan Menteri Belia dan Sukan dapat memberi penjelasan dengan surat KBN/AM-03-15, bertarikh 20hb Mei, 1991 yang ditujukan kepada Menteri Kewangan melalui Menteri Belia dan Sukan itu.

Setidak-tidaknya kita snahu mengetahui individu-indivxdu tertentu yang tidak menjelaskan hutangnya kepada KOBENA. Seperti yang disenaraikan, siapakah dalaia senarai TA 009 dengan jumlah $10,458,09, TA 004 - jumlah $24,020 dan 1A 005 dengan $i,lib. Kita juga mahu tahu siapa dalam senarai TH 016 yang tidak menjelaskan $1,123; NA 005 berjuialah $1,106 atau RA 127 sebanyak $469.

Tuan Yang di-Pertua, jutnlah ini tidaklah besar. Kemungkinan juga bukanlah ahli-ahli persatuan belia dari golongan orang tidak berada mengambil wang KOBENA ini. Kita memerlukan penjelasan dalam kes KOBENA kerana ternyata koperasi Cidak lagi berpotensi untuk mewujudkan perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, seorang pemikir Barat, Georges Belandir raenggariskan kuasa politik seperti berikut, dengan izin:

> "Political power organises legitimate domination and creates its own hierarchy. Above all, it gives ot his expression to have a have more fundamental in equality, that ot the social stratification and system of social classes established between individuals and groups,"

Kita bimbang kuasa politik BN yang membentuk hirarki sendiri akan mendorong negara kita berada dalam keadaan tiadanya keadilan sosial berterusan. Sekarang pun, kita sudah pun melihat suasana Cidak ada persamaan dan inequality; perkongsian perniagaan dianggap suatu kesalahan dengan melabelkan sebagai "Ali Baba". Konsep "Ali Baba" bukanlah proses meghindarkan bidang perniagaan dan perdagangan, Kita melihat yang melibatkan perniagaan "Ali Baba'' ini hanya untuk UMNO dan MCA.

MAA Holdings Sdn, Bhd., misalnya, yang didaitarkan pada 24hb Oktober, 1978, di N.o. 8, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur, iaitu mengendalikan projek membina depoh peluru di Masjid Tanah, Melaka, adalah syarikat yang boleh dilabelkan sebagai "Ali Baba." Empat pemegang sahamnya bukanlah orang-orang Melayu miskin di kampung-kainpung dan orang-orang Cina, penjaja-penjaja kecil di kainpung-kampung baru. Kalau "Ali Baba" yang dilabelkan kepadapeniaga-peniaga Melayu dan Cina menyertai perkongsian ini berdasarkan cerita "Ali Baba dengan 40 orang penyamun", [Ketawa] memang kita bersetujulah kerana "Ali Baba" melakukan curi ke atas harta niilik 40 orang penyamun.

Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap. Rompin bangun.

Dr, Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Soalannya senang sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak apa ini, Yang Berhormat?

Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia tidak beri.

Tuan Liew Ah Kim: Masa tidak ada.

Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Saya hendak tanya senang sahaja. Siapa yang menyamun?

Tuan Liew Ah Kim: Dengan lain perkataan, harta penyamun memang patutlah pula disamun.

Tetapi kita tidak rela wang rakyat menjadi mangsa dengan kuasa politik dan hierarchy di dalam Barisan Nasional sekarang. Kalau Yang Arnat Berhormat Perdana Menteri mencabar apakah ianya satu bukti bahawa beliau sudah berputus asa untuk bertanggungjawab membanteras penyelewengan.

luan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tnengenai perpaduan nasional, keadilan sosial dan penyusunan masyarakat dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah melibatkan dasar Kerajaan dan pelaksanaannya'. Dasar yang baik akan menemui kegagalan apabila dilaksanakan secara tidak adil. Justeru itu, kritikan-kritikan DAP ke atas dasar Kerajaan bukan iri hati terhadap Kerajaan neg,ara ini tetapi kecewa dengan kejayaan yang disebuc oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sebenarnya bukan kejayaan. Apakah ekonomi kita berjaya dengan muncul raja bank inenguasai enarn buah bank perdagangan di negara ini? Apakah kita berbangga akan pertmnbuhan ekonomi apabila empayar judi memperkembangkan rangkaian perjudian di seluruh negara. Dalam masa mengejar pembangunan untuk kepentingan para peinaju kerana mengorbankan nasib rakyat berpendapatan rendah seperti yang berlaku di kawasan-kawasan setinggan. Kerajaan boleh berbangga dengan Laporan Bank Dunia dan kemudiannya menjaja kepada hierarchy di dalam parti akan kejayaan Kerajaan tetapi Kerajaan tidak akan dapat menyembunyikan keresahan rakyat akibat penyelewengan dalam jentera pelaksanaan dasar Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada masa dua minit lagi untuk taengulung.

Tuan Liew Ah Kim: Satu minit cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: lerima kasih.

Tuan Liew Ah Kim: Golongan 'the haves-not' terus diexploitasi uianakala golongan 'the haves' sentiasa dilindungi oleh kuasa politik mereka yang berkuasa.

Dalam mencapai perpaduan nasional, DAP secara tegas memberi amaran kepada Kerajaan bahawa Rancangan Malaysia Keenam tidak akan lengkap sekiranya mengabaikan keadilan sosial. Apa yang perlu diberi perhatian serius ialah kuota yang ditetapkan di dalam peng-agihan ekonomi bukan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera tetapi antara orang berada dengan orang tidak berada. Kriteria masyarakat berbilang kaum bukan dibezakan melalui diskrirainasi tetapi berasas-kan Rukunegara, kebudayaan, pendidikan dan sosio ekonomi dalaia rumpun bangsa Malaysia. Kepentingan rakyat Malaysia mestilah menjadi asas utaraa Rancangan Malaysia Keenam dan bukan mempunyai batas-batas politik partisan dengan kuasa-kuasa berat sebelah. Itulah sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Teluk Keuiang.

4.55 ptg.

Dr. T. Marimuthu [Teluk Kemang]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia

Keenara di Dewan yang mulia ini pada 10 Julai 1991. RM6 merupakan Fasa Pertauia pelaksanaan RRJP2. Seperti yang dicatatkan dalam RM6, dasar pembangunan nasional yang terkandung dalam RRJP2 menentukan objektif strategi dan inatlauiat yang akan dijadikan panduan kepada pembangunan negara dalain dekad ini. RM6 menjelaskan strategi, program dan objektit yang akan dibentuk bagi mencapai objektif DPN. Di sini saya ingin membahaskan sedikit sebanyak mengenai beberapa isu yang terkandung di dalaia RM6.

Satu bidang yang diberi kepentingan untuk mencapai UPN adalah perabangunan tenaga manusia. Pendidikan adalah satu faktor yang utama dalam pembangunan tenaga manusia. Fokus dalam RM6 mengenai pendidikan ialah untuk meningkatkan mutu pendidikan dan latihan serta menghasilkan satu sistem penyarapaian yang lebih berkesan bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah dan mereka di kawasan-kawasan inundur mendapat lebih banyak peluang pendidikan dan latihan. Keutamaan dalam pendidikan ini adalah penting untuk mencapai satu masyarakat yang penyayang, adil dan saksama dan akan menyumbang kepada perkembangan ekonomi.

Fokus atas golongan yang tersekat sosio ekonomi akan memberi sutnbangan kepada perkembangan ekonomi dan mempertingkatkan kesejah-teraan masyarakat keseluruhannya. Kemajuan yang dicapai dalam bidang pendidikan secara keseluruhannya dalam tempoh RM5 adalah mengkagumkan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan untuk memberi perhatian yang serius kepada pendidikan pra sekolah. Pendidikan pra sekolah adalah satu tahap yang terpenting

dalam tempoh pendidikan seseorang individu. Pra sekolah menyediakan kanak-kanak untuk pendidikan formal. Bukan sahaja pra sekolah menolong perkembangan kemahiran cognitive dan intellectual tetapi juga ia menolong perkembangan afiective iaitu perkembangan kemahlran sosial, nilai-nilai moral, sikap yang positit dan perkembangan iitiej atau konsep diri yang tinggi.

Ciri-ciri perkembangan personaliti tinggi dalain tahap pra sekolah akan menentukan prestasi pencapaian dalam sistem per-sekolahan. Berdasarkan pendidikan-pendidikan, kanak-kanak yang mendapat pendidikan pra sekolah yang baik ada kemungkinan untuk ntendapat peticapaian yang lebih tinggi dibandingkan dengan golongan yang tidak mendapat pendidikan pra sekolah. Tetapi jika kualiti pendidikan pra sekolah rendah ini akan memberi kesan yang negatif seperti sikap yang dingin kepada pendidikan. . .

Walaupun cadangan untuk uiendirikan pra sekolah telah dibuat di dalaoi laporan kecciran pada tahun 1973, cadangan ini tidak dikuat-kuasakan oleh kerana kekurangan peruntukan. tada masa tempoh ini beberapa pertubuhan sosial, protesional dan politik serta sektor swasta telah mendirikan beberapa bilangan tadika untuk memberi pendidikan pra sekolah. Kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam tadika-tadika ini adalah berbeza. Kualiti tadika yang dikelolakan oleh sektor swasta adalah baik tetapi kualiti tadika-tadika yang ditaja oleh pertubuhan-pertubuhan sosial tidak begitu menggalakkan oleh kerana mereka tidak mempunyai sumber kewangan dan tenaga yang mencukupi. Organisasi sosial dan Kerajaan seperti KEMAS, Yayasan Pendidikan Kebajikan dan Penyelidikan dan Persatuan Tadika Malaysia

telah mengadakan beberapa program latihan guru pra-sekolah bagi mempetingkatkan mutu pendidikan pra-sekolah.

Usaha yang sukarela seperti ini yang dijalankan oleh pertubuhan. sosial harus diberi sokongan dan galakan oleh Kerajaan. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh KEMAS adalah amat berfaedah kepada tnasyarakat luar bandar. Saya ingin mencadangkan bahawa semua aktiviti-aktiviti KEMAS harus diperluaskan ke ladang-ladang dan kampung baru.

Satu cadangan lagi untuk mempertingkatkan mutu pra sekolah ialah Kerajaan menubuhkan satu badan mengkredit ataupun an accredition body, dengan izin, untuk mengawal, mengesan dan menilai seaiua tadika-tadika di negara ini. Tadika-tadika yang dijalankan oleh pertubuhan sosial dan sukarela khususnya di estet dan kampung, baru, harus diambilalih oleh Kerajaan. Guru-guru yang mengajar di tadika ini juga diserapkan dalam perkhidntatan Kerajaan dan diberi latihan profesional. Saya difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan akan mendirikan 2,000 tadika di kawasan luar bandar.

Saya harap pengagihan yang sewajarnya akan diberi kepada kawasan mundur seperti estet, kampung baru dan kawasan pedalaman.

Lagi satu cadangan pendidikan dalam Rancangan Malaysia Keenain yang menarik perhatian saya adalah tempoh pendidikan rendah, di mana pelajar terbaik boleh menamatkan pendidikan mereka dalam terapoh 5 tahun dan pelajar yang kurang baik dalam pencapaian pendidikannya akan mengambil tempoh masa 7 tahun untuk menyempurnakan pendidikan rendah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rasional ini adalah baik iaitu inemberi lebih masa dan peluang untuk pelajar yang lemah dalam pencapaiannya, saya berasa khuatir aatas kesan sociological dan psychological yang akan berlaku. Apabila cadangan ini dikuatkuasakan, saya yakin majoriti pelajar yang taenamatkan pendidikan rendah dalain tempoh 5 tahun mungkin adalah pelajar dari tarat sosio-ekonomi yang tinggi dibandingkan dengan pelajar dari taraf sosio-ekonomi yang rendah yang akan mengambil 7 tahun untuk menamatkan pendidikan rendah mereka. Keadaan seperti ini tidak sihat dari segi persamaan peluang pendidikan dan keadilan sosial. Jurang perbezaan dalam pencapaian pendidikan di antara golongan yang berada dan tidak berada akan diperluaskan lagi. Juga ini akan terjejas matlamat RRJP2.

Pelajar-pelajar yang lemah dalam pencapaiannya yang mengambil 7 tahun untuk menamatkan pelajarannya akan diberi gelaran atau label seperti 'lemah', mempunyai masalah disiplin, 'bodoh[1] dan

sebagainya. Gelaran negatif seperti ini akan membawa kesan. yang buruk mengenai kelakuan mereka. Kelakuan mereka akan mencerminkan jangkaan dan asspektasi daripada guru-guru dan rakan-rakan. mereka. Ini akan meninggikan lagi masalah disiplin dalam sekolah-sekolahkita.

Tuan Yang di-Pertua, trend dalara negara-negara lain mengenai tempoh pendidikan rendah adalah ke arah mengurangkan tempoh masa. Saya ingin mencadangkan bahawa tempoh 5 tahun sehingga 7 tahun disemak semula dan perigajaran pemulihan diintegrasikan dalam tempoh 5 tahun ini untuk pelajar yang lemah. Penjimatan wang yang didapati daripada mengurangkan tempoh masa boleh digunakan untuk pendidikan pemulihan.

Saya ingin mengingatkan bahawa pengajaran pemulihan harus berlaku dalaia semua kelas dan tiap-tiap guru adalah guru pendidikan pemulihan.

Saya juga. berasa bangga bahawa pelancongan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) akan terus memperkembangkan dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti pelancongan. Perhatian juga akan diberi kepada pelancongan di Malaysia.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kementerian-keinenterian lain yang berkenaan mengenai potensi Port Dickson di kawasan saya sebagai satu tempat pelancongan yang penting. Untuk mempertingkatkan lagi Port Dickson sebagai satu tempat pelancongan yang utama, beberapa tindakan harus diambil dengan segera. Jalan. raya dari Seremban ke Port Dickson harus dibina dengan segera oleh Kementerian Kerja Raya, pencemaran

dan penghakisan pantai harus dikawal, tempat tinggal yang sederhana harus dibina untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, RRJP2 telah mengakui bahawa golongan minoriti seperti kaum India, Orang Asli dan kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak tidak mendapat manfaat yang setanding dengan golongan lain dalaai perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan golongan-golongan ini akan diberi perhatian yang sewajarnya untuk membolehkan mereka mendapat manfaat yang saksama daripada perturabuhan ekonomi dan perlaksanaan rancangan-rancangan pembangunan. Malangnya dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6), melainkan sektor estet tidak ada strategi atau pendekatan yang khusus untuk inempertingkatkan taraf sosio-ekonorai golongan minoriti.

Saya harap perhatian yang serius dan wajar akan diberi kepada kaum India dan minoriti lain supaya mereka boleh mendapat faedah daripada Rancangan Malaysia Keenam, khususnya dalam sektor korporat, bidang pendidikan dan latihan, perkembangan keusahawanan, kesihatan dan pembangunan sosial keseluruhannya.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pengarang Rancangan Malaysia Keenam yang menghasilkan satu rancangan yang menyeluruh, berkualiti dan yang bertopikal.

Saya telah meneliti semua Rancangan Malaysia yang lalu dan. saya berpendapat bahawa skop dan coverage, dengan izin, dalam Rancangan Malaysia Keenam adalah mengkagumkan. Dalam Rancangan Malaysia Ke-Keenam ada beberapa Bab yang baru seperti 'Alam Sekitar", 'Wanita Dalam Pembangunan' dan 'Kualiti Pentadbiran Awam' yang

mengkagumkan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan ini adalah serius untuk nieinperkembangkan satu masyarakat yang bersatupadu, adil dan saksama.

Dengan itu saya menyokong Usul Rancangan Malaysia Keenam yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Alor Setar.

5.08 ptg.

Tuan Chor Chee Heung [Alor Setar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Keenam, yang akan berkuatkuasa daripada tahun 1991 hingga 1995.

Rancangan Malaysia Keenam ini telahpun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormt Perdana Menteri kita pada l0hb Julai, 1991. Oleh kerana kesuntukan masa dan untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhonnat lain untuk berucap saya akan mempercepatkan ucapan saya dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua maklum, Rancangan Malaysia Keenam adalah merupakan tasa pertama pelaksanaan RRJP2 yang mengandungi Dasar Pembangunan Nasional yang mana ianya bertujuan untuk mencapai pembangunan sosio-ekonorai dengan lebih pesat dan akhirnya membentuk sebuah negara makmur dan bersatupadu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rancangan Malaysia Keenam ini agak begitu luas dan meliputi, semua sektor daripada pembasraiaa ke-miskinan dan sektor awam ke sektor pendidikan dan penswastaan atau, dengan. izin, all encompasaing, saya cuma ingin menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini tentang beberapa perkara atau aspek

yang mana Kerajaan. kita harus meraberi pandangan beraC serta bertindak untuk mengatasinya.

Pertama sekali adalah berkenaan dengan pembasmian kemiskinan. Saya berasa bangga dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) sebanyak $600 juta telahpun diagih untuk mengadakan satu Development Prograrame tor the Foorest, dengan izin, dan juga strategi-strategi lain dalam usaha membasmikan kemiskinan.

Dalam perlaksanaan program dan strategi-strategi tersebut, kita harus mengingatkan bahawa masalah kemiskinan ini ialah antarabangsa di dalain dan di luar bandar juga terdapat ramai rakyat bukan buiniputera yang amat miskin, khasnya di negeri-negeri seperti Kedah Darul-Aman, Kelantan Darul-Naim dan Perlis Indra Kayangan.

Di Semenanjung Malaysia, sebagai satu contoh, pendapatan perkapita di negeri Kedah Darul Aman adalah masih jauh jika dibezakan dengan negeri lain, sebab ia adalah yang kedua terendah dalam negara kita.

Saya ingin menyarankan agar objektif Rancangan Malaysia Keenam (RM6) ini dapat dilaksanakan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, dapat menekankan aspek memperbaiki keadaan ekonomi rakyat luar bandar dan separuh bandar ataupun, sub-urban, dengan izin, yang mana masih ketinggalan dari segi pendapatan asas seperti tersebut.

Dalam negeri Kedah, masih terdapat hampir 25,000 keluarga yang berpendapatan di bawah $175 sebulan. Penekanan _ terhadap peluang-peluang ekonomi secara kecil-kecilan bagi menampung pendapatan keluarga ini adalah amat perlu diambil perhatian. Peruntukan bagi program-program pembangunan rakyat termiskin ataupun (PPRT) perlu dipertingkatkan. Kriteria peningkatan juralah peruntukan bagi program-program ini juga harus diambil kira akan bilangan isi rumah sesuatu keluarga yang mana walaupun sesuatu keluarga itu mempunyai pendapatan lebih dari $175 sebulan, tetapi dengan jumlah anggoca keluarga yang ramai akan juga membebankan keluarga dan akhirnya menjejaskan kedudukan ekonomi keluarga berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pendidikan dan kesihatan di bawah program sektor awam adalah salah satu perkhidmatan sosial yang terpenting dan harus diberi pengagihan yang wajar supaya mutu perkhidmatan di kedua-dua sektor ini dapat dipertingkatkan lagi. Menurut RM6, peruntukan untuk pendidikan dan latihan dan sektor kesihatan adalah berjumlah sebanyak $8 ribu juta dan $2.25 ribu juta masing-masing. Kalau dibandingkan dengan RM5, kita dapat melihat bahawa tambahan peruntukan kedua-dua sektor ini sangatlah dialu-alukan. Saya juga merasa bangga bahawa Kerajaan kita telah dengan murah hati memberi peruntukan tambahan iaitu $20 juta kepada Kolej Tunku Abdul Rahman. Dengan adanya peruntukan yang lebih ini barulah ianya membolehkan Kolej tersebut untuk mengadakan program-program yang mana untuk menubuhkan maktab cawangan serta mengambil lebih ramai pelajar dalam berbagai-berbagai bidang.

Saya yakin Kolej Tunku Abdul Rahman dan lain-lain institusi pengajian tinggi seperti Politeknik yang sedia ada, termasuk 5 buah juga yang akan dibina di bawah RM6 Institusi Latihan Vokasional akan lagi menambahkan bekalan tenaga manusia yang terlatih dalam bidang-bidang profesional dan teknikal. Dalam usaha Kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara kita, masalah pcngangguran juga mestilah menj adi kayu pengukur atau dengan izin, yard stick, sejauh manakah usaha-usaha Kerajaan kica boleh dianggap berjaya.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita sebab masalah pengangguran di negara kita telahpun dikurangkan secara menyeluruh daripada 8.3% dalam tahun 1986 kepada 6% dalam tahun 1990. Angka ini membuktikan bahawa usaha-usaha Kerajaan kita adalah tepat, tetapi walau bagaimanapun, peluang-peluang latihan kemahiran mestilah ditarnbah dan dianjurkan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab. Kita juga raesti berhasrat untuk mengurangkan lagi keadaan pengangguran melalui mempertingkatkan kualiti-kualiti latihan supaya rakyat kita yang masih menganggur lebih berkeyakinan dan mampu untuk mcnerokai bidang-bidang kemahiran yang wujud sekarang ini. Walaupun pada hari ini kita dapac melihat kilang-kilang besar merata-rata mencari pekerja uncuk menampung keperluannya, tetapi terdapat juga masalah pengangguran. Ini ialah sebab pada hakikatnya kita menghadapl kekurangan tenaga mahir dan separuh mahir dalam kalangan belia kica. Kita harap Kerajaan dapat mengkaji masalah ini dan pengangguran dapat lagi dikurangkan menjelang tahun 2020 sebagai usaha untuk menjadikan negara kita sebagai negara industri akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi masalah yang amat dikhuatiri ialah peruntukan kepada sekolah-sekolah rendah, khasnya SRJK(C) dan (T) di Semenanjung Malaysia. Saya difahamkan bahawa RM6 tnemperuntukkan sebanyak $1,020 juta akan diperuntukkan kepada sekolah-sekolah rendah. Dengan tambahan sebanyak $260 juta, saya harap keadaan di sekolah-sekolah SRJK akan bertambah baik, sebab buat masa ini terdapac banyak sekolah. yang menghadapi kekurangan bukan sahaja bilik darjah, tetapi juga meja dan kerusi, termasuk kclengkapan asas yang lain untuk mewujudkan satu suasana yang baik bagi murid-murid atau pelajar menerima pendidikan di sekolah. Saya ingin memberitahu bahawa di kawasan saya, iaitu di Alor Setar kerapkali ibu bapa serta pihak PIBG terpaksa mengadakan, dengan izin, donation drive, untuk memperolehi kelengkapan-kelengkapan tersebut.

Selain daripada ini terdapat juga beberapa sekolah rendah, khasnya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Keat Hua S, H dan K menghadapi masalah kesesakan pelajar. Bagi SRJK(C) Long Chuan dalam kawasan saya, bangunan tambahan untuk bilik darjah haruslah diberi percimbangan dalam RM6 memandangkan sekolah dengan bangunan yang sedia ada memang tidak mencukupi untuk menampung lagi tempat duduk murid-raurid. Keadaan di Sckolah Menengah Keat Hua II juga amat menyedihkan scbab bagi sekolah ini ia masih menumpang di Sekolah Mcnengah Keat Hua I. Walaupun saya difahamkan tapak bagi Sckolah-sekolah Menengah Sekolah Menengah Keat Hua II telahpun disiap diambil oleh Kerajaan, tetapi masih tidak mendapat kelulusan untuk membina bangunan sekolah supaya ianya dipindahkan ke tempat baru. Saya Karap Kementerian berkenaan dapat memberi penjelasan sama ada bangunan Sekolah-sekolah Menengah Keat Hua II akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek kesihatan dengan pertambahan peruntukan sebanyak 140% menjadi jumlah $2.25 ribu juta, saya ingin menyarankan supaya Kerajaan kita bukanlah sahaja membina lebih banyak hospital, tetapi perlu juga peranan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh hospital kita. Sebagai priority, saya harap Kementerian Kesihatan akan mengambil langkah untuk melengkapkan hospital-hospital besar dcngan lebih banyak mesin-mesin yang agak canggih seperti haemodialysis machine dan CD Scan yang mana cuma hospital besar dalam beberapa negeri ada. Buat masa ini, ramai penyakit-penyakit pinggang di kawasan saya terpaksa pergi ke hospital swasta di Pulau Pinang untuk mendapat perkhidmatan dialysis machine tersebut. Di Hospital Besar Alor Setar, perkhidmatan mcncuci pinggang untuk pesakic-pesakit buah pinggang tidak dapat diberikan kepada mereka sebab mereka tidak dianggap sebagai kes acdte renal failure atau and stage renal failure, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sektor pendidikan dan kesihatan merupakan perkhidmatan sosial yang penting, kemudahan awam lain juga diberi keutamaan jika taraf dan kualiti hidup rakyat hendak ditingkatkan. Saya difahamkan bahawa sebanyak $3 ribu juta akan dibelanjakan untuk bekalan air dan pembetungan di bandar-bandar. Dari jumlah ini, sebanyak $254 juta tclahpun disediakan untuk membolehkan Pihak berkuasa Tempatan menyediakan kemudahan senitasi, perparitan dan lain yang lebih baik dan berkesan di bandar-bandar. Saya sangatlah berharap pihak Kerajaan, Pusat dapat membuat pengagihan saksama mengikut keperluan setiap bandar dalam kawalan Pihak berkuasa Tempatan.

Sebagai satu peringatan, jika negara kita hendak mencapai tahap sebagai sebuah ncgara perindustrian dan maju dalam tahun 2020, saya percaya kita terlebih dahulu mesti mempunyai sistem senitasi dan pembetungan najis yang baik dan berkesan. . Ini adalah orang panggil, dengan izin, a prerequisite.

Tuan Yang di-Pertua, selaku Wakil Rakyat kawasan Bandar Alor Setar, saya juga amat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Terapatan baru-baru ini yang mengatakan bahawa masalah kerana kekurangan peruntukan dari Majlis-majlis Kerajaan Tempatan dan cadangan agar setiap Majlis Kerajaan Tempatan melaksanakan projek pembentungan najis adalah sesuatu yang amat dialu-alukan. lanya selaras dengan hasrac Kerajaan yang mahukan bandar dan pekan-pekan kita bersih dan indah. Kerajaan Pusat haruslah memperuntukkan grant atau pinjaman untuk membiayai projek pembentungan najis ini memandangkan ia adalah projek bagi kepcntingan sosial dan kemudahan awam dan tidak bertujuan untuk mendapat keuntungan.

Adalah amat menyulitkan apabila setiap tahun projek-projek perumahan dan pembangunah kilang bertambah seterusnya dengan pertambahan penduduk setiap tahun, masalah pembentungan najis ini adalah amat perlu dan penting. Adalah juga tidak bertepatan untuk meletakkan masalah pembentungan najis ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan sahaja memandangkan kemampuan dari segi kewangan dan kepakaran di dalam bidang-bidang cersebut adalah tcrhad di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan di mana negeri sekali pun Kerajaan Pusat mestilah mengambil perhatian dan membantu ke arah usaha ini.

Dalam perhubungan ini, kawasan saya sedang mcnghadapi masalah perparitan dan pembentungan najis yang boleh dikatakan sangac ketara. Seperti kita semua sedia maklum, Negeri Kedah ialah sebuah negeri yang amat rata dan rendah.Pada tiap-tiap musim hujan mestilah berlaku banjir.

Menurut kajian Kerajaan Negeri Kedah, Bandar Alor " Setar sangatlah menterlukan satu sistem perparitan untuk mengatasi masalah ini. Untuk raenyediakan sistera ini terpaksa belanja sebanyak saya percaya, $60 juta dan saya ditahamkan Kerajaan Pusat dengan prinsipnya telahpun mcluluskan sebanyak $15 juta dalam bentuk pinjaman kepada Majlis Perbandaran Kota Setar.

Saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri Kedah tidak dapat menerima pinjaman ini sebab memang tidak munasabah bagi pihak Majlis Perbandaran Kota Setar berkemampuan untuk membayar balik pinjaman ini. Sebenarnya, Kerajaan Pusat dapat menyalurkan jumlah tersebut melalui Kementerian Kesihatan kepada Kerajaan Negeri secara grant, dengan izin, supaya projek ini dapat dilaksanakan.Jika masalah ini cidak dapat diselesaikan dalam masa jangka pendek, saya khuatir masalah lain yang berkaitan dengan masalah perparitan akan timbul, Perlaksanaan cara ini haruslah dilihat dari sudut kesejahteraan rakyat dan pembangunan sosial penduduk kawasan bandar.

Sebagai Ahli Parlimcn kawasan Alor Setar ini, saya berharap agar pemberian bentuk grant dapat dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Pusat. Bersama-sama dengan ini juga kita harus menyiapkan sedikit peruntukan untuk projek tempatan banjir yang mana adalah merupakan kacang dan kulit bagi setengah kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, soal penswastaan dalam negara kita telahpun dilaksanakan dengan gigih oleh Kerajaan kita dan di bawah RM6 saya ditahamkan Kerajaan akan terus mengurangkan beban dan peranan awam dalam ekonomi melalui penswastaan projek supaya mutu perkhidmatan bagi projek yang diswastakan dapat di pertingkatkan. Dalam perlaksanaan ini kita harus mengingarkan bahawa keutamaan mestilah diberi kepada syarikat dan badan korporat tempatan atau

dalam negara- kita, khasnya sekurang-kurang 30% daripada projek-projek ini diberikan kepada pihak bukan bumiputera. Melalui cara ini barulah kita dapat mencerminkan masyarakat majmuk yang bersatu padu. Saya percaya pada masa ini syarikat dan badan korporat kita telah mahir dan layak untuk menjalankan segala projek penswastaan tanpa kita selalu pandang kepada syarikat di negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, izinkan juga saya mencadangkan agar iraplementasi dan arah haluan RM6 ini dapat menekankan soal-soal memperluaskan keperluan asas perindustrian seperti mewujudkan lebih banyak kawasan perindustrian kecil dan bcsar di negeri Kedah, terutama di daerah utara Kedah. Memandangkan hasrat dan visi Kerajaan di dalam Wasasan 2020 ingin menjadikan negara kita sebagai sebuah negara industri, maka adalah diharapkan agar konsentrasi perlaksanaannya nanti dapat menampung keperluan-keperluan industri separuh berat dan berkepentingan pengeksportan ke luar negeri. Dan ianya diharapkan agar dapat menjadikan negeri Kedah sebagai sebuah negeri yang dapat sama-sama menyumbang dalam pembangunan sektor perindustrian untuk mencapai" hasrat Wawasan 2020 itu nanti.

Dengan itu, saya juga menyokong pcmbentangan RM6 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ramai Ahli yang bangun. Kita beri kepada wanita dahululah, Santubong.

5.25 ptg.

Puan Rohani binti Abd Karim [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut membahas Rancangan Malaysia Yang Keenam di dewan yang mulia ini. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat tidak keberatan membiarkan saya bercakap sebab ada tukar-tukar sedikit suara, Jadi, tahniah di atas suatu rancangan yang begitu padat, tepat dan selaras. dengan Wawasan ke arah tahun 2020. Pada keseluruhannya, saya rasa Rancangan Malaysia Keenam ini tslah dirancangkan dan dibincangkan dengan begitu teliti sehingga dapat menghasilkan satu rancangan pembangunan sehingga tahun 1995 yang begitu menyeluruh dan merangkumi semua aspek-aspek pencing supaya dapat mencapai pembangunan ekonomi yang lebih seimbang selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Nasional. Rancangan ini akan membolehkan semua rakyat Malaysia menyertai aktiviti utama ekonomi dan dapat menyumbang ke arah merapatkan jurang perbezaan sosio-ekonomi di antara kaum dan mcmperkukuhkan lagi perpaduan negara.

Tuan Yang dt-Pertua, saya ingin hendak memberi penekanan kepada pembangunan perindustrian. Teras pembangunan sektor ini ialah untuk menggalak sumber pertumbuhan yang baru bagi memperkukuh dan mempel-bagaikan asas perindustrian di samping terus mengekalkan sumber-sumbcr pertumbuhan tradisional yang penting seperti bidang elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dikagumi iaitu mengikut Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan akan meneruskan usahanya bagi mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang kukuh dan berdaya raaju. Usaha-usaha untuk mengagihkan industri ke pusat-pusat pertumbuhan desa yang baru dan ke kawasan yang secara relatifnya kurang maju di luar bandar akan mewujudkan kesan positif

kepada penduduk luar bandar. Industri ini tertumpu kepada krattangan, kejuruteraan ringan, ceramic, tekstil, barangan berasaskan kayu dan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi keadaan perinduscrian di Sarawak pula, selaras dengan Pelan Induk Perindustrian dan dengan kesedaran bahawa" terdapat banyak sumber-sumber untuk memajukan pembangunan perindustrian di Sarawak akan menitikberatkan aktiviti pemprosesan hiliran ke atas sumber tempatan. Keutamaan adalah untuk aktiviti' berikut, iaitu untuk meningkatkan lagi pemprosesan hiliran ke atas sumber kayu, pembangunan dalam aktiviti pemprosesan hiliran sumber petroleum dan gas, penggalakan ke atas peraprosesan hasil pertanian, pemproseaan sumber galian bukan logam seperti tanah liat dan pasir silika dan Pembuatan barang pengguna yang bercorak gantian import.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Sarawak telah menggunakan pendekatan bcrikut untuk pembangunan perindustriannya iaitu kelonggaran dalam dasar perindustrian, penyelarasan dan mempercepatkan penilaian pelbagai permohonan penyertaan yang lebih dari pihak swasta, kerjasama yang lebih dan rundingan yang kerap di antara agensi, negeri dan pusat scperti MARDI, SIRIM, MIDA dan PETRONAS, penurunan harga dan kadar prasarana industri seperti tanah dan kuasa elektrik, menyediakan zon pemprosesan kayu-kayan, menyediakan tapak perkilangan yang murah bagi kegunaan usahawan kecil, meluasbandarkan beberapa industri tertentu terutama yang berasaskan hasil tani dan laut, menarabah modal domestik untuk pelaburan swasta dan tempatan, dan meningkatkan usaha galakan pelaburan asing supaya faedah-faedah berikut dapat diperolehi seperti teknologi dan kepakaran kewangan pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan Negeri Sarawak adalah dalam mempertingkatkan program pembangunan perindustriannya, saya mohon kepada Kerajaan Persekutuan dari segi pertama, insentif pelaburan yang ditawarkan. Sarawak mempunyai masalah yang tcrsendiri disebabkan oleh faktor-faktor geografi dan struktur ekonorai yang agak berlainan dengan Semenanjung Malaysia. Maka perlu ada insentif pelaburan yang lebih menarik dirangka untuk negeri ini. Saya mohon di sini supaya pihak MIDA dapat merangka insentif pelaburan di Sarawak selaras dcngan strategi yang terkandung di dala Rancangan Malaysia Keenam.

Kedua, memohon dasar Kerajaan Persekutuan yang lebih liberal mcngenai industri yang digalakkan di Sarawak yakni di dalam memproses dan memberi kelulusan kepada lesen pengilang kepada permohonan untuk menubuhkan seaebuah projek perindustrian yang akan ditempatkan di Sarawak.

Ketiga, mewujudkan insentif tambahan yang lebih menarik bagi menarik pelabur—pelabur ke kawasan zon perindustrian bebas. Jadi, sedikit sebanyak Tuan Yang di-Pertua, saya ini mengiklankan tempat iaitu Tanah Perindustrian Sejingkat seluas 1,200 ekar iaitu dalam kawasan saya dan berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching seluas 1,000 ekar.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan supaya insentif tambahan yang lebih menarik bagi menarik pelabur-pelabur ke kawasan zon perindustrian bebas kerana faktor berikut:-

Sarawak masih ketinggalan dari segi pembangunan sektor perindustrian berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Untuk membantu pertumbuhan industri muda iaitu intant industry khususnya

industri elektronik dan elektrik dan tanpa insentif yang lebih menarik, sukar bagi Sarawak bersaing dengan negeri-negeri lain disebabkan oleh faktor strategik dan prasarana yang lebih lengkap dari Semenanjung Malaysia. Harapan kita adalah supaya kilang elektronik dan elektrik, sebagai contoh, di Lembah Kelang dan di Bayan Baru tertarik untuk menempatkan kilang mereka ke Zon Perindustrian Bebas di Sarawak. Kilang yang menghadapi masalah mendapat pckerjadalam pemprosesan bahan elektrik yang tidak memerlukan kemahiran pun mungkin berminat.

Kekurangan dalam kadar harga pengangkutan kargo ndara antara Kuching dan Kuala Lumpur yang sangat diharap-harapkan akan diberi perhatian di mana pihak pelabur tidak merasa beban kos berlebihan sekiranya mereka melabur di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pendidikan pula, dari segi kemudahan pendidikan, saya memohon supaya beberapa perancangan untuk mcmbina beberapa sekolah rendah baru di kawasan saya iaitu bagi Sekolah Rendah Kebangsaan Sejingkat dan Sekolah Rendah Kebangsaan Gobel yang telah wujud berpuluh-puluh tahun dan pada masa ini dalam keadaan merbahaya olch sebab sekolah-sekolah itu hendak roboh tidak lama lagi oleh kerana hakisan tanah yang berlaku dengan pesatnya sebab sekolah-sekolah ini adalah terletak di tepi laut.

Saya juga mengalu-alukan program pendidikan pra-sekolah yang disyorkan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam tetapi harus dipertingkatkan pula keadaan sakolah-sekolah tersebut sebab pada masa ini pun bilangan bilik kelas tidak mencukupi. Dari segi program pendidikan dan pembangunan, perancangan untuk mengenalpasti institusi pendidikan, latihan dan penyelidikan yang sedia ada untuk dipertingkatkan sebagai pusat kecemerlangan yang akan menerajui

usaha negara dalam penyelidikan dan pembangunan bagi memenuhi keperluan perindustrian sangat dialu-alukan.

Tuan Yang dl-Pertua, dari segi pelancongan pula saya mohon agar tempat-tempat peranginan di kawasan Pantai Damai iaitu di dalam kawasan saya juga dimuatkan dalam brochure seperti Santin Resort, Bunta Village, Taman Negara Bako, Kampung Budaya, Kem Permai, padang golf bertarat antarabangsa 18- lubang di Pantai Damai dan supaya pihak Kerajaan mempertingkatkan pelancongan dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mcngakhiri ucapan ini saya ingin menyokong pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menekankan bahawa- kadar pertumbuhan penduduk sekarang ialah 2.4% setahun yang menyebabkan jumlah penduduk seramai 70 juta akan dicapai pada tahun 2050 iaitu 50 tahun lebih awal. Oleh yang demikian, saya sangat-sangat menyokong bahawa seperti apa yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak usahlah hendak kahwin ramai-ramai iaitu lebih dari satu atau empat orang untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut. Seorang pun sudah cukup, jaga baik-baik memandangkan kita hendak dan sedang memupuk a caring, sharing, tambah satu, loving society, dengan izin, dan saya mengucapkan terima kasih bagi plhak wanita.....

Tuan Taimin bin Lumaing: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bln Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Santubong, ada -yang minta penjelasan. Hendak beri jalan sebab dia tidak setuju ini. **[Ketawa]**

Puan Rohani binti Abdul Karim: Saya beri jalan.

Tuan Taimin bin Lumaing [Pensiangan]: Kenapa Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak payah berkahwin ramai? Adakah Yang Berhormat juga takut suami Yang Berhormat nanti kahwin ramai? **[Ketawa]**

Puan Rohani binti Abdul Karim: Saya rasa kalau saya tidak jawab pun mesti tahulah. Siapa yang tidak cemburu, siapa yang hendak berkongsi-kongsi. Kalau dapat, saya tidak mahu. Jadi, memupuk a caring, sharing and loving society.kena tambah satu, loving society, dengan izin. Saya mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak wanica kerana telah dimuatkan juga di dalam Rancangan Malaysia Keenam iaitu diperuntukkan sejumlah $20 juta bagi program wanita dan pembangunan. Walaupun kita rasa jumlah Ini harus diperlebihkan tetapi, alhamdulillah, $20 juta pun mencukupi buat masa ini.

Saya mohon menyokong Usul ini. Sekian, teritna kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sabar-sabar Yang Berhormat, saya ingat masa akan dilanjutkan sampai jauh malam. Jadi, kita beri peluang Blok C.

5.37 ptg.

Tuan G. Palanivel [Hulu Selangor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberi kcpada saya untuk berucap dalam perbahasan Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Salah satu perkara yang disebutkan dalam rancangan itu ialah mengenai pcmbangunan sumber manusia. Langkah Kerajaan memberi perhatian yang begitu berat dalam perkara ini adalah satu langkah yang betul kerana kita memerlukan ramai orang yang berkualiti bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Sebagai scorang Wakil Rakyat dari kawasan Hulu Selangor, saya ingin melihat agar rancangan tersebut memberi manfaat kepada masyarakat di Hulu Selangor terutamanya bagi generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 40% penduduk-penduduk Hulu

Selangor adalah di bawah umur 18 tahun. Orang-orang muda ini adalah bakal tenaga pekerja yang berpotensi tetapi malangnya kemudahan-kemudahan latihan untuk mereka adalah tidak mencukupi. Mereka terpaksa pergi ke kawasan-kawasan lain malahan kadangkala terpaksa ke lain-lain negeri untuk mendapatkan latihan. Sekali mereka keluar dari Hulu Selangor untuk mendapatkan peluang-peluang yang lebih baik, mereka jarang kembali. Amalan seperti ini telah menjejaskan kehadiran tcnaga kerja yang terlatih di kawasan Hulu Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu rancangan utama untuk memajukan beberapa jenis industri di Hulu Selangor tetapi tanpa eenaga kerja yang terlatih, rancangan perindustrian tersebut tidak dapat dijayakan. Bagi menjayakan rancangan prindustian tersebut, satu usaha secara besar-besaran harus dilaksanakan untuk melatih pemuda-pemuda tempatan dalam berbagai-bagai bidang kemahiran.

Dalam tempoh rancangan tersebut, 5 buah politeknik baru akan dibina dan saya meminta pihak Kcrajaan supaya menempatkan sebuah politeknik di Hulu Selangor. Masyarakat di Hulu Selangor telah menunggu lama bagi mendapatkan sebuah politeknik dan mereka tidak sepatutnya diminta supaya menunggu hingga ke Rancangan Malaysia Yang Ketujuh atau Kelapan bagi mendapatkan sebuah politeknik. Menurut Rancangan Pelan Kemajuan Industri Utama, elektronik dan industri separuh berat adalah dij angka dibangunkan di Hulu Selangor. Jika faktor kemanusiaan tidak diambil kira, maka tidak akan terdapat orang yang boleh bekerja dalam industri-industri tersebut.

Pihak Kerajaan harus memikirkan dengan serius di mana keliuia-liiua politeknik tersebut harus dibangunkan. Perhatian yang adil harus diberi kepada kawasan-kawasan seperti Hulu Selangor yang sangat memerlukan sebuah politeknik. Kawasan Hulu Selangor juga adalah sesuai untuk inenernpatkan kampus-kainpus cawangan bagi Universiti-.Pertanian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan haruslah menggalakkan pembukaan cawangan Bank Pertanian di Kuala Kubu Bahru bagi menyenangkan penyaluran pinjaman dan lain-lain nasihat serta bantuan kepada pekebun-pekebun kecil, penternak-penternak kainbing dan lembu supaya mereka tidak berhutang kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan merampas tanah-tanah mereka kerana tidak dapat membayar faedah hutang yang tinggi.

Rancangan Malaysia Keenam yang dicadangkan itu juga memberi perhatxan kepada industri pelancongan. Saya berpendapat perhatian patut ditumpukan kepada perkembangan industri pelancongan tempatan yang mana pemandangan-pemandangan indah termasuk bukit-bukau, air terjun, sungai-sungai dan persekitaran semula jadi terdapat di Hulu Selangor. Hulu Selangor mempunyai potensi untuk maju sebagai sebuah kawasan tarikan pelancongan. lanya adalah pintu masuk ke Bukic Fraser dan tidak lama lagi kepada Genting Highlands. Rancangan sedang dirangka untuk membina jalan dari Batang Kali ke Genting Highlands tetapi usaha patut juga dibuat untuk membina jalan raya yang lebih baik ke Bukit Fraser. Jalan seperti itu boleh dibina dari Bandar Kerling kerana ianya dapat membantu dalam perabangunan Bandar Kerling. Walau bagaimanapun, pengawasan haruslah dibuat -bagi

menentukan supaya persekitaran alam dilindungi sebelum sesuaCu aktiviti pembangunan dilaksanakan di kawasan bukit-bukau. Saya rasa perhatian yang lebih harus diberi bagi memajukan pelancongan teuipatan dan ianya dapat dilaksanakan dengan membina rumah-rumah tumpangan yang dapat digunakan oleh mereka yang berpendapatan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenara pihak Kerajaan haruslah berusaha secara ikhlas dalam memperbaiki kualiti hidup pekerja-pekerja ladang. Kecuali mereka mendapat bekalan elektrik dan air, perumahan dan kemudahan pendidikan, kemudahan pengangkutan, termasuk jalan raya yang baik dan lain-lain kemudahan hiburan, pekerja-pekerja ladang tidak akan dapat menikmati kualiti hidup yang baik jika dibandingkan dengan lain-lain masya-rakat Malaysia. Kerajaan harus juga mengambilalih pentadbiran semua hospital di sektor perladangan yang sedia ada yang inana ianya patut dijalankan dengan kakitangan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, hanya satu cara di rnana anak-anak pekerja-pekerja ladang dapat maju dalam kehidupan mereka iaitu melalui pendidikan. Selain. daripada mengambil langkah-langkah untuk memper-baiki sekolah-sekolah yang ada di ladang-ladang, pihak Kerajaan patut menubuhkan tabung khas ataupun skiia pinjaman atau biasiswa bagi membantu anak-anak pekerja ladang untuk melanjutkan pengajaran mereka. Jika perlu, Kerajaan boleh memperkenalkan cukai khas kepada ladang swasta bagi mencapai matlamat ini. Kerajaan Pusat harus mengambil perhatian bahawa ia mempunyai tanggungjawab untuk mendidik anak-anak pekerja ladang supaya mereka juga boleh dapat hidup walau di mana sekalipun. Ladang-ladang menjadi punca pendapatan yang besar

kepada negara, tetapi pekerja-pekerja dan anak-anak mereka tidak dapat hasil yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, harus diingatkan bahawa Rancangan Malaysia Keenaia telah mengambil perhatian terhadap masalah-masalah yang wujud dalam sektor pekerjaan sejajar dengan usaha untuk menyusun semula masyarakat. Seperti yang dicadangkan, penyusunan semula gunatenaga akan juga mengambilkira keperluan untuk meningkatkan penyertaan bukan bumiputera dalam sektor-sektor di mana penyertaan mereka masih rendah.

Laporan Rancangan Malaysia Keenam itu juga menyatakan peningkatan penyertaan bukan bumiputera dalam jawatan sektor awam seperti di peringkat pertengahan dan tinggi dalam perkhidmatan awam akan dapat memperbaiki lagi susunan corak gunatenaga dalam sektor tersebut, Selain dari itu, Jabatan Perkhidmatan Awam harus mengambil tindakan serta-merta untuk mengesahkan kakitangan awam yang telah memangku dalam jawatan-jawatan mereka dalam kes-kes tertentu sehingga 10 tahun.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah berusaha keras untuk membuat Laporan ini. Saya menyokong Laporan Rancangan Malaysia Keenam ini dan berharap ia akan membawa negara ini ke tahap yang lebih maju dalam tahun-tahun yang akan datang. Teriina kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sandakan.

5.45 ptg.

Tuan Lai Lun Tzee [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pembentarigan mengenai Rancangan Malaysia Keenam oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah dalam beberapa cara menghilangkan ketakutan di antara rakyat Sabah bahawa mereka telah ditinggalkan oleh Kerajaan Pusat. Perhatian khas yang diberikan kepada negeri-negeri seperti Sabah dan peruntukan yang banyak untuk Sabah di bawah Rancangan. Malaysia Keenam menunjukkan dengan terang komitmen Kerajaan Pusat untuk tnemajukan Sabah selaras dengan pandangan nasional Wawasan 2020. Kesemua objektif, cadangan dan sokongan sepertimana yang tersebut dalam -Rancangan Malaysia Keenam adalah sangat positif dan rnenggalakkan. Walau bagaimanapun, kami tidak dapat menafikan bahawa ramai rakyat .Malaysia masih metnpunyai ber-bagai jenis masalah yang menjejaskan keadaan kehidupan dan taraf kehidupan mereka. Sebahagian besar dasar keperluan kita seperti makanan, kesihatan, sanitasi makanan dan bekalan air masih tidak memuaskan. Di kawasan luar bandar rakyat masih menghadapi masalah jalan raya dan kekarangan rumah kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Parlimen Sandakan, di sini saya menyerukan beberapa isu-isu tempatan seperti keadaan dan kemudahan-kemudahan asas Hospital Sandakan, Perkhidmatan TV3 dan masalah keselamatan keamanan yang dihadapi oleh nelayan-nelayan yang meragutkan nyawa mereka setiap hari. Untuk sebahagian besar rakyat

yang menyokong pembangunan ekonorai yang dijanjikan di bawah Rancangan Malaysia Keenara, di sini saya harap Kerajaan Pusat dapat oieaipertimbangkan masalah-masalah seperti kemudahan hospital, TV3 dan keselamatan teinpatan seraasa melaksanakan pembangunan ekonotni demi kepentingan dasar keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menurut—-nelayan-nelayan di kawasart Sandakan, keselamatan laut di Pantai Timur Sabah ittasih menjadi masalah utama. Dalam beberapa bulan yang lalu, kejadian rainpasan kapal-kapal nelayan telah bertambah. Rampasan kapal-kapal nelayan ini telah ditahan di pulau-pulau kejiranan, manakala seorang nelayan akan dilepaskan untuk dia menyampaikan pesanan mengenai wang tuntutan. Menurut nelayan-nelayan ini, kejadian ini melibatkan orang-oraiig asing yang datang ke perairan Sabah dan raerampas kapal-kapal nelayan. Kejadian-kejadian bukan sahaja berlaku di.Sandakan tetapi ia juga berlaku di kawasan sekeliling Tawau. Kejadian seperti ini di mana kapal-kapal yang ditahan di perairan Sabah di-tarik keluar dari perairan Sabah serta wang tuntutan yang diminta dari orang asing telah menyebabkan kecemasan di kalangan bidang perikanan di sini dan kebanyakan nelayan enggan ke laut. Di sini saya menyeru tindakan positif" akan diainbil serta-merta dari pihak-pihak berkenaan untuk menyelesaikan masalah-masalah sedemikian.

Dalam hal ini, saya ingin menyentuh isu di mana telah menyebab-kan kebanyakan masalah sosio dan ekonomi rakyat Malaysia seperti pendatang haram ke Sabah. Masalah-masalah pendatang haram adalah masalah nasional yang memerlukan perhatian penuh seperti mengadakan satu cadangan yang sempurna untuk menyelesaikan masalah tersebut. Sekiranya isu pendatang harain tidak diselesaikan, maka nyawa dan hakmilik rakyat akan tergugat.

Pendatang haram sedang menjejaskan ekonomi Sabah. Mereka telah merampas pekerj aan daripada penduduk-penduduk tempatan menyebabkan kelebihan wang yang diperuntukan dalara bidang kesihatan dan perubatan serta terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah. Mengikuc statement dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa penanrbahan populasi pendatang haram berbanding dengan penduduk-penduduk di kawasan Pantai Timur Sabah adalah 2:1. Kejadian sedemikian sungguh membimbangkan. Oleh yang dcmikian, Kerajaan Pusat harus mengadakan cadangan yang sempurna untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, television merupakan alat yang penting di ^aman ini dalam menyampaikan berbagai berita scrta peristiwa yang berlaku di sekeliling kita dengan cepat dan tepat. la membolehkan rakyat kita menambahkan pengetahuan di samping bertungsi sebagai alat hiburan. Pada masa ini penduduk di Sandakan mendapat siaran TV1 dan TV2 sahaja. Walau bagaimanapun, TV3 yang telah wujud sekian lama hanya dapat diterima di Kota Kinabalu sahaja.

Dalam hal ini saya berpcndapat bahawa setiap saluran television patut dapat diterima di seluruh negeri Sabah untuk membolehkan rakyat jelata Sabah mendapat lebih banyak berita semasa. Pihak penyiaran Persekutuan pula jarang menyampaikan berita tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku di negeri Sabah. Saya berpendapat ia adalah tidak adil memandangkan Sabah adalah juga sebahagian daripada Malaysia. Semenjak negeri Sabah mencapai kemerdekaan menerusi Malaysia, rakyatnya telah menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada negara seperti juga penduduk-penduduk yang terdapat di Semenanjung. Namun demikian, masih ramai penduduk

di Semenanjung yang masih belum raengetahui akan keadaan sebenarnya di ncgeri Sabah. Oleh itu, saya berpendapat raasalah Ini akan dapat diatasi dengan menyiarkan lebih banyak berita tentang negeri Sabah serta menycdiakan siaran TV3 bagi memberikan gambaran sebenarnya di Sabah untuk raengelakkan kurangnya persetahaman dengan penduduk-penduduk di Semcnanjung. Saya yakin pihak-pihak yang berkenaan tidak akan menghadapi sebarang masalah untuk melaksanakannya meraandangkan ia adalah tanggungjawab kerajaan untuk memberi pengetahuan yang secukupnya kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Kementerian Kesihatan mengambil perhatian terhadap persekitaran di Hospital Besar Sandakan kerana bilangan pesakit-pesakit setiap hari seraakin bertambah dan kemasukan orang-orang pendatang telah memburukkan lagi keadaan. Kekurangan-kekurangan peralatan moden dan pakar-pakar perubatan telah menyebabkan pesakit-pesakit tidak raendapat rawatan serta ubat-ubatan yang scwajarnya. lanya telah mengakibatkan setengah-setengah pesakit terpaksa tnendapat rawatan di luar negeri atau klinik-klinik swasta dan ini mendatangkan berbagai masalah kewangan bagi mereka yang kurang berkemampuan. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memberi perkhidmatan perubatan yang baik kepada rakyat kerana kita tidak nafikan bahawa rakyat yang sihat akan dapat memberikan sumbangan kepada bangsa, agama dan negara.

Saya berharap pihak yang berkcnaan akan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mangatasi masalah-masalah yang saya scbutkan tadi dengan memberi lebih banyak kelengkapan modcn dan menghantar lebih ramai pakar-pakar perubatan ke Sandakan. Sekiranya perlu, pihak Kerajaan perlu menambahkan peruntukan untuk membeli

alatan-alatan moden dan memberi latihan yang secukupnya kepada kaki-tangan hospital.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mengambil kescmpatan sekali lagi untuk menyokong cadangan bagi menubuhkan sebuah badan yang menasihat projek-projek yang dicadangkan dan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Tanpa badan penasihat ini, rancangan-rancangan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam akan tidak berjaya. Badan penasihat hendaklah memastikan cadangan-cadangan Rancangan Malaysia Keenam ini akan mcmbawa taedah yang maksimum kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan), saya menyeru kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk mendapatkan .pandangan daripada rakyat sebelum Akta tersebut diteruskan, khusus untuk menghormati hak asasi rakyat yang mana sudah tentu akan terlibat dengan pindaan-pindaan dan akan raembela nasib berhubung dengan penarikan dan pampasan tanah mereka di Mahkamah. Sebagai tambahan Kerajaan harus memastikan agar pindaan tersebut tidak disalahgunakan oleh pegawai Karajaan, Mentcri atau pihak yang telah diberi kuasa di bawah Undang-undang. Pemilik tanah harus mempunyai hak untuk membela diri di Mahkamah sekiranya terdapat perbezaan. Ini adalah termaktub dalam Akta yang sedia ada yng membenarkan pemilik. uncuk merayu di Mahkamah bagi pampasan yang adil dan berpatutan. Hak asasi mereka terhadap hak harta benda milik mereka cidak dicabul. Jika perkara ini berlaku, maka ianya melanggar Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Rancangan Malaysia Keenam, walaupun saya menyokong penuh konsep tersebut ke arah intrastruktur yang lebih baik dan lebih banyak Maktab Perguruan

penambahan peruntukan pembangunan bagi Sabah dan kewangan yang lebih untuk kemudahan rumah sakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon agar kerajaan Pusat akan terus memberi perhacian terhadap isu-isu yang telah saya kemukakan di atas. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada menerima banyak permohonan untuk berucap, jadi diharap Ahli-ahli Yang B«rhormat bersabar menunggu ya. Kalau perlu kita boleh sambung sanipai jauh malam. Batu Berendam.

5.56 ptg.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar [Batu Berendam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia Keenam di Dewan yang mulia ini pada 10 Julai yang lepas.

Rancangan yang telah dibentangkan selama hampir satu jam setengah itu merupakan satu rancangan yang koraprehensif yang mencakupi segala aspek perkembangan dan kemajuan sosio-ekonotni negara ini bagi tempoh lima tahun akan datang.

Rancangan ini jelas mcncerminkan pendirian dan pandangan jauh Kerajaan Barisan Nasional dalam raenentukan dan mencorakkan pembangunan ekonomi rakyat dan negara. Kita telah melihat bagaimana kemajuan negara pada masa ini telah diasaskan kepada beberapa rancangan pembangunan bermula dari Rancangan Malaysia yang Pertama sehinggalah membawa kepada yang Keenam, yang baru sahaja dibentangkan minggu ini.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam atau RM6 ini yang merupakan fasa pertama perlaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua atau RRJP2 tahun 1991 hingga Cahun 2000 akan menjadi pendorong atau, dengan izin, catalyst, ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020 yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Keyakinan ini juga telah dilahirkan oleh berbagai lapisan masyarakat termasuk pemimpin-pemimpin korporat yang rata-rata menyambut baik Rancangan Malaysia Keenam ini.

Sokongan dan keyakinan yang dilahirkan oleh sektor korporat ini juga mencerminkan peranan sektor swasta dalam pertumbuhan ekonotni negara yang pesat. Tidak dapat dinafikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pcrtumbuhan ekonomi negara yang kukuh adalah disebabkan, terutamanya oleh peranan sektor swasta yang lebih besar dan aktif.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan mengalir-alukan pendirian positif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai perlunya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Sekuriti (Securicy Commission) bagi menyeleraskan pemerosesan urusan industry security di negara ini.

Dalam perbahasan Belanjawan 199l di Dewan Rakyat pada 2 Januari yang lalu, saya telahpun mencadangkan agar ditubuhkan satu jawatan-kuasa industries sccurity bagi menyelaras dan mengurangkan birokrasi yang kompleks dan, dengan izin, red tape yang terdapat dalam sistem pemerosesan dan kclulusan bagi pengapungan pembelian, pengambilan-alih serta lain-lain urusan korporat yang ada sekarang.

Pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam penubuh-an Suruhanjaya Industri Sekuriti yang dicadangkan ini tentunya menr-beri natas baru kepada pertumbuhan dan perkembangan sektor korporat di negara ini sejajar dengan perkerabangan di negara-negara maju yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Industri Sekuriti yang di-cadangkan- ini adalah amat perlu bagi mcngurang atau mcnghapuskan gejala-gejala yang bolch menghalang atau melembabkan percumbuhan induscri sekuriti di negara ini.

Sebagaimana yang diketahui, lazimnya apabila sescbuah syarikat itu ingin discnaraikan sebagai sebuah syarikat awam, ia awam, ia terpaksa melalui bcrbagai proses pengapungan di beberapa pihak yang sudah semestinya memakan masa yang lama. Prosesnya seringkali menimbulkan kesulitan dan perlu melalui badan-badan pengawalan seperti berikut:-

(1) Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC).

(2) Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC).

(3) Pancl Pengambilanalih dan Pencantuman (TOP).

(4) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

(5) Bank Negara Malaysia.

(6) Ketua Pcngarah Insuran.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kuasa yang meluas yang diberikan kepada beberapa badan penguasaan ini telah menimbulkan pengawalan yang berlebihan, ketidakcekapan dan birokrasi yang tidak perlu. Ini sudah semestinya menjejaskan pertumb-uhan dan pembangunan industri sekuriti di negara ini, sedangkan keperluan perkembangan industri itu sendiri telah menjadi semakin canggih dan memerlukan satu penyelarasan sistem sesuai dengan kehendak masa kini.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawasi pembangunan pasaran modal, tncnyelaras peraturan pasaran sekuriti dan meropercepackan proses permohonan dan kelulusan urusniaga adalah tepat pada masanya. Saya yakin pcnyelarasan fungsi-fungsi semua badan-badan pengawasan yang saya sebutkan tadi boleh dilakukan di bawah naungan Suruhanjaya Sekuriti yang dicadangkan ini. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya yang dicadangkan ini bukan sahaja boleh bertindak sebagai badan piengawalan yang berkesan bagi

perlaksanaan semua dasar Kerajaan bahkan juga sebagai sebuah pusat serenti atau, dengan izin, one stop agency bagi semua kegiatan yang berkaitan dengan pelaburan dan urusan-urusan korporat.

Saya mencadangkan agar Suruhanjaya ini diberi kuasa-kuasa yang perlu untuk menjamin pengawalan dan penguasaan yang berkesan dan hendaklah tertakluk dan melaporkan kepada Menteri Kewangan. la juga hendaklah dikendalikan secara profesional dan diketuai oleh seorang Pengerusi sepenuh masa yang merupakan seorang pegawai kanan Kerajaan atau seorang yang dihormati dan berwibawa dari sektor swasta. Saya penuh yakin bahawa dengan tertubuhnya Suruhanjaya Stkuriti ini ianya akan dapat menyelaras peraturan pasaran sekuriti dan mempercepatkan proses permohonan serta kelulusan urusniaga. Ini pasti akan memesatkan lagi pertumbuhan dan perkembangan pasaran raodal dan industrt sekuriti di negara ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menggesa Kerajaan untuk melaksanakan penubuhan Suruhanjaya ini secepat mungkin kerana kita telah kehilangan terlalu banyak masa.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Jabatan-jabatan atau Kementerian-kementerian yang terlibat janganlah menganggap langkah ini sebagai menghakis atau mengurangkan kuasa mereka tetapi sebaliknya adalah untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sebut di sini ialah mengenai pcruntukan khas saham-saham untuk bumiputera yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.Saya setuju dengan syarat menguntukan saham-saham tersebut kepada badan-badan amanah bumiputera seperti

PNB, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan lain-lain lagi. Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya sangsi terhadap langkah menguntukkan sahatn-saham tersebut kepada Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC-SEDC) jika badan-badan amanah yang disebut tadi tidak membelinya.

Saya ada bukti-bukti tertentu yang menunjukkan bahawa sebahagian daripada Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini telah menjual saham-saham tersebut mengikut harga pasaran. Ini dengan sendirinya menjejaskan matlamat peruntukkan saham bumiputera itu.

Saya ingin mencadangkan agar saham-saham ini dibuka tawarannya kepada individu-individu bumiputera dan PNB bolehlah memainkan peranan untuk membeli saham-saham tersebut jika dijual semula oleh individu-individu tersebut bagi menentukan saham-saham ini masih dipegang oleh kaum bumiputera. Pihak PNB perlulah merangka satu mekanisma untuk membeli saham-saham berkenaan sepertimana yang diamalkan untuk urusniaga saham-saham Amanah Saham Nasional. Dengan budaya saham cara ini akan dapat diperkukuhkan dan diluaskan lagi dikalangan bumiputera secara individu dan juga berkelompok.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah tentang jcnayah kolar putih (white collar crime) ataupun commercial crime., dengan izin. Dengan bcrtarabah pesatnya pertumbuhan ekonomi negara maka semestinyalah sektor korporat juga berkerabang pesat. Suasana pasaran yang pesat maju ini juga melahirkan orang-orang yang ingin cepat kaya menerusi jalan singkat atau short cut, dengan izin, tanpa memperhitungkan etika profesionalisme atan undang-undang yang ada. Maka timbullah kegiatan-kegiatan seperti

insider trading, dengan izin, pecah amanah dan lain-lain lagi. Kita raempunyai peruntukan undang-undang yang cukup untuk membanteras gejala-gejala seperti ini. Yang kurang ialah perlaksanaannya atau kebcrkesanan perlaksanaan undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa kita mempunyai dua pendekatan atau sistem pendakwaan terhadap jenayah kolar putih ini. Pertama ialah pihak Polis yang menjalankan siasatan setelah menerima aduan dan kedua setelah selesai siasatan oleh pihak Polis perkara ini diserahkan kepada pihak Peguam Negara untuk pendakwaan. Bagaimanapun, tardapat kepincangan dalam sistem ini. Saya menyatakan demikian kerana pada masa ini Bahagian Jenayah Perdagangan Polis mempunyai aeramai 200 orang pegawai penyiasat yang berkelayakan profesional sedangkan di Pejabat Peguam Negara hanya mempunyai lima orang pegawai pendakwa. Jika pegawi-pegawai penyiasat di Bukit Aman menyiasat satu fail seorang satu bulan, ini bermakna cerdapac 200 kes yang perlu disiasat dakwa oleh pihak Peguam Negara. Ini sudah pasti raenimbulkan satu bottleneck, dengan izin, di pihak Peguam Negara. Keadaan ini telah mengakibatkan kes-kes backlog, dengan izin, yang terlalu banyak dan ini menjejaskan keberkesanan perlaksanaan pendakwaan itu sendiri.

Untuk mengatasi masalah ini, saya mencadangkan agar ditambah pegawai-pegawai pendakwa di Pejabat Peguam Negara ataupun pihak Polis diberi kuasa untuk menyiasat dn juga diberi kuasa untuk mcndakwa. Sekiranya pihak Kerajaan tidak sanggup menambah peruntukan bagi mengambil lebih ramai pegawai-pegawai di Pejabat Peguam Negara, maka saya cadangkan agar pihak Polis juga diberi kuasa terus untuk mendakwa.

Perlu dimaklumkan bahawa sebahagian daripada pegawai-pegawai penyiasat di Bahagian Jenayah Perdagangan Polis parnah menjadi pegawai pendakwa dan majistret dan tidak ada sebab mengapa mereka cidak boleh mendakwa.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara yang ingin saya sarapaikan pada hari ini, dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak--banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang memberi izin kepada saya untuk berucap. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bukit Mertajam, sebentar ya.

USUL

WAKTU MESYUARAT OAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Henteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaatar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarac 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.30 malam.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Percua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di—Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.30 malam.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujukan.

Diputuskan,

> Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(l), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.30 malam.

USUL

RANCANGAN MAIAYSIA KEENAM 1991-1995

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Mertajam.

6.13 ptg.

Tuan Chian Heng Kai [Bukit Mertajam]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam adalah sebahagian daripada Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua CRRJP2). Oleh yang demikian, Rancangan Malaysia Keenam adalah dirangka untuk menujui matlamat RRJP2.

Selepas RRJP2 diumumkan golongan yang benar-benar mengambil berat centang masa depan Malaysia berasa hampa dan kesal kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak bercadang menghapuskan sistem kuota perkauman, dan terus menggunakan panggilan yang membeza-be zakan warganegara Malaysia kepada bumiputera dan bukan bumiputera.

Setengah orang berpendapat bermula dari sekarang peruntukan kuota pegangan ekuiti bumiputera tidak ada had jangka masa dan ini menunjukkan Kcrajaan sedang menuju ke arah dasar yang terbuka, tetapi saya berpendapat bahawa keadaan sebenar bukannya begitu. Pendapat saya ialah bahawa Kerajaan Barisan Nasional berniat menggunakan cara ini untuk melindungi ketidakmampuan Keraj aan. Cara ini mengelakkan Kerajaan daripada menjawab soalan kaum bumiputera tentang mengapakah Kerajaan tidak dapat mencapai matlamat yang ditetapkan olehnya dalam jangka masa yang ditetapkan. Sementara itu di hadapan kaum bukan bumiputera, Kerajaan Barisan Nasional (BN) mempunyai alasan untuk melanjutkan sistem kuota

perkauman tanpa had jangka masa. Sebenarnya sistem kuota tidak memanfaackan golongan Melayu yang miskin. Mereka yang benar-benar memperolehi manfaat hanyalah segelintir pemimpin-pemimpin UMNO Baru dan pengikut-pengikut meraka sahaja.

Satu soalan yang amat terus terang sehingga hari ini siapakah yang racmperolehi kekayaan yang diperuntukkan di bawah sistem kuota perkauman? Adakah mereka icu petani-petani dan nelayan-nelayan yang paling rendah kelasnya atau kakitangan-kakitangan Kerajaan, anggota Polis dan askar yang berpangkat rendah?

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana angka-angka Kerajaan diselubungi dengan misteri, gologan yang terpelajar- mempunyai sebab untuk meragui dakwaan Laporan Kerajaan yang menyatakan bahawa bumiputera masih bclum mencapai peruntukan kouta sebanyak 30% tcrsebut. Walau bagaimanapun jikalau adalah benar bahawa kouta 30% tersebut masih belum dicapai, ia juga tidak membelanjakan ini adalah kerana golongan bumiputera yang berkuasa dan yang memanupulasikan peruntukan kouta tarsebut boleh menjualkan ekuiti mereka kepada rakan-rakan bukan biimiputera mereka, apabila peruntukan kouta tersebut hampir tercapai. Ini menyebabkan matlamat 30% tersebut tidak dapac dicapai untuk selama-lamanya dengan cara begitu bumiputra dan bukan bukan bumiputera yang bersubahat akan terus mempunyai peluang untuk mengaut kekayaan.

Tuan Yang di-Pertua, biarpun satu hari nanti matlamat kouta 30% bumiputera dapat dicapai, siapa pula yang boleh menjamin pada masa itu semua orang Melayu terutama sekali mereka yang

berpendapatan rendah dapat menikmati kekayaan tersebut tidak sukar hendak membayangkan bahawa kebanyakan daripada peruntukan kouta tersebut akan terjatuh ke dalam cangan pemimpin-pemimpin-UMNO Baru. Orang Melayu yang miskin akan tetap miskin sebagaimana orang China dan orang India yang miskin. Walaupun Kerajaan mendakwa bahawa bukan bumiputera telah memperolehi lebih daripada 40% daripada peruntukan kouca, tetapi mereka ini tetap adalah golongan yang miskin.

Saya ingin menanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, raengapa orang Melayu yang mampu yang mempunyai hak keistimewaan selama 34 tahun dan menikmati kedudukan bumiputera selama 22 tahun pada umumnya mereka masih miskin dan ketinggalan?

Semenjak merdeka, siapakah yang terus-menerus menjadi Kerajaan Pusat? Bukankah Barisan Nasional yang bertulang-belakangkan UMNO Baru yang membentuk Karajaan Pusat? Bukankah ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak berupaya? Kalau saya menjawab soalan-soalan tersebut, jawapan saya ialah 'ya' orang Melayu pada umumnya masih miskin dan ketinggalan, kerana UMNO Baru- yang menjadi tunjang Kerajaan Barisan Nasional tidak berupaya.

Saya berani menyatakan bahawa jika Kerajaan Barisan Nasional tidak mengubah dasar perkauman, maka orang Melayu dan lain-lain kaum yang dikategorikan sebagai bumiputera selain daripada menghasilkan segelintir jutawan, akan menghadapi peningkatan taraf hidup yang amat perlahan. Impian Malaysia hendak meniadi naga Asia yang kelima akan semakin tahun semakin merosot dan impiannya tukar kepada menjadi naga keenam, ketujuh atau kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kica berhasrat meningkackan taraf hidup orang Melayu dan lain-lain kaum yang dikategorikan sebagai bumiputera dan inginkan Malaysia menjadi naga Asia yang keltraa dalam tempoh masa yang lebih singkat, kita tidak ada cara lain, melainkan menghapuskan politik perkauman....

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: [Bangun]

Timbalan Tang di-Pertua [Tuan Haji Jubar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Chian Heng Kai: ... meneruskan kekuatan Kerajaan....

Tlmbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bia Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat sebentar ya, hendak beri jalan kepada Yang Berhormat?

Tuan Chian Heng Kai: Tidak ada masa.

Dr Haji Jamaluddin bia Haji Jarjis: Sedikit sahaja.

Tuan Chian Heng Kai: Tidak ada masa, minta maaf.Yang Amat Bcrhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan segolongan pemimpin-pemimpin kanan UMNO Baru adalah golongan cerdik-pandai, mereka tidak mungkin tidak memahami hakikat ini. Soalnya ialah demi masa depan negara Malaysia keseluruhannya adakah mereka sanggup bekerjasama, berusaha mencapai matlamat menghapuskan politik fahaman perkauman atau oleh kerana ingin memperkukuhkan kedudukan dan masa hadapan sendiri. Mereka sanggup mengawasi satu sama lain dan menggunakan perasaan perkauman untuk menghalang rakan daripada melakaanakan dasar yang memanfaatkan negara dan tidak mempedulikan masa depan negara dan rakyat terutama sekali orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputera.

Kalau 40 tahun dahulu, cadangan Dato Onn untuk membuka keahlian UMNO kepada semua kaum dicerinia bagi merabolehkan setuua rakyat dari-pada berbagai kaum bersama-sama meraperjuangkan masa depan negara diteriina, Malaysia mungkin sudah merrjadi rantau Asia yang pertama atau kedua dan bukan setakat mempunyai impian Asia kelima. Hari ini selepas 40 tahun UMNO Baru tidak kekurangan pemimpin-pemimpin yang berkebolehan dan berpandangan jauh, tetapi tidak seorang pun yang mempunyai keberanian Dato Onn Jaafar.

Tuan Yang di-Pertua, cara yang berkesan untuk menghapuskan politik taham perkauman ialah melalui undang-undang raenghalang pendaitaran dan kewujudan parti-parti politik berrahaman perkauman. Selagi UMNO Baru masih hidup, MCA mesti terus hidup.Inilah cogan-kata perkauraan MCA yang berada dalara keadaan hidup segan, mati tidak tnahu. Alasan ini memang dikutuk oleh rakan -MCA dari Barisan Nasional, iaitu Parti GERAKAN yang mendakwa ini telah rnerosakkan matlamat GERAKAN untuk iaembina satu masyarakat Malaysia, tetapi yang aneh ialah tidak ada sesiapa pernah mendengar GERAKAN mengutuk kewujudan UMNO Baru toerosakkan matlamat tersebut. DAP adalah parti yang inengkutuk UMNO Baru dan raengkritik MCA serta parti-parti per-kauman yang lain yang merosakkan matlamat pembinaan negara Malaysia,

Tuan Vang di-Pertua, saya bersetuju dari segi lojik teori MCA tersebut mempunyai asasnya, tetapi soalnya ialah biar pun kaum Cina yang merupakan lebih daripada 40% penduduk Malaysia dan semuanya diwakili oleh MCA untuk memperjuangkan hak kaum raasing-masing dengan UMNO Baru yang mewakili Melayu iaitu Lebih daripada 50% penduduk negara ini, adakah MCA mempunyai peluang yang menang. Oleh kerana

semakin' ramai kaura Cina telah menyedari tektik MCA sudah tentu akan rnenghadapi- kegagalan,maka sokongan kaum Cina pada MCA menjadi semakin lemah. Dalara struktur organisasi Barisan Nasional, UMNO (Baru) dalam perjuangan kepentingan perkauman merupakan pemenang yang sudah tentu, tetapi negara ini dan kebanyakan orang Melayu masih tidak menikmaci sebarang perubahan. ,Saya menjangka biar pun pada satu hari bila seraua kekayaan negara ini dikuasai oleh orang Melayu pada nama, tetapi ia tetap hanya dikuasai oleh segelintir meretca yang meraerintah sahaja.....

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Vang di-Pertua, saya tidak mahu meraberi penjelasan, saya hendak minta penjelasan....

Tuan Chian Beng Kai: Tidak ada masa untuk penjelasan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: .....sepatutnya meng-ikuc Peraturan, kalau meminta penjelasan dia kena duduk dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan. Chian Heng Kai: Saya menjangka biarpun pada hari.....

Dr. Haji Jamaluddin bin Baji Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bia Haji Mahiruddin]: Yang Berhoriaat, sebentar ada yang ban-gun lagi belakang.

Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Point of order.

Tuan Chian Heng Kai: Apa point of order?

Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: 3b(b) Seseorang ahli tidak boleh ia mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain. Saya nampak bahawa Yang Berhormat inengutarakan sesuatu yang sangkaan jahat kepada UMNO, kepada orang Melayu. Nampaknya Yang Berhormat atau parti DAP cuba memperjuangkan hak orang-orang Melayu. Persoalan saya ialah berapa peratuskah ahli-ahli DAP ini juinlahnya ahli-ahli Melayu?

Tuan Chian Heng Kai: Jangan buang raasa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila atnbil perhatian.

Tuan Chian Heng Kai: ..... tetapi ia tetap hanya dikuasai oleh segelintir mereka yang memerintah sahaja.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Point of order.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: 36(i) dan satu lagi bab ucapan dia terkeluar daripada tajuk. Saya tidak nampak dalam kita membincangkan Rancangan Malaysia Keenam, kita membincangkan masalah antara MCA dan GERAKAN dan sebagainya. Dan Yang kedua, luan t'ang di-Pertua.....

Tuan Chian Heng Kai: Itu sudah lepas, Tuan Yang di-Pertua saya minta jangan buang masa saya.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya rasa rnengikut Peraturan Mesyuarat luan Yang di-Pertua bagi ruling suruh dia duduk dahulu -takkan dia tidak erti, dia sudah lain - saya dengar dia sudah senior sangat dalam Parlimen ini. tolonglah duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ambil perhatian.

Tuan Chian Heng Kai: Okay, terima kasih, luan Yang di-Pertua. Kebanyakan Melayu akan berada dalam keadaan yaag sama. Dan oleh kerana negara ini tidak dapat meraperolehi kerjasaraa dari kaum-kauui yang lain, ia akan jauh ketinggalan dari negara-negara sedang yang membangun. yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kepentingan Malaysia dan seluruh rakyat Malaysia, terutama sekali orang Melayu dan lain-lain bumi-putera, saya ingin sekali lagi mencadangkan kepada Kerajaan supaya berhenti, membeza-bezakan rakyat negara ini kepada bumiputera dan bukan bumiputera dan yang berpendapatan kurang daripada $500 sebulan tidak raengira kaum boleh raenikmati hak ekonomi buiniputera. Ini adalah kerana k'ini kita amat perlu meningkatkan pendapatan keluarga ini, Jika Kerajaan menerima cadangan ini, saya percaya orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputera yang miskin akan memperolehi lebih menfaat dan mempunyai tnasa depan yang lebih cerah.

Akhir sekali,Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperingatkan Kerajaan supaya untuk menjamin perasaan perkauman tidak tersinggung, Kerajaan mesti bertindak adil dalara melaksanakan dasarnya. Dalam konteks ini pihak Kementerian Penerangan baru-baru ini tnengurangkan penyiaran prograin—program bahasa Cina di IV telah sekali lagi tnenyinggung perasaan kaum Cina. Saya berasa kesal kerana walaupun masyarakat Cina telah menyuarakan ketidakpuasan tnereka, tetapi Kementerian. Penerangan langsung tidak meinpedulikannya. Ini nyata sekali merupakan suatu tindakan penindasan dan untuk memuaskan perasaan anasir-anasir pelampau perkauman UMNO Baru. Ini tidak akan

membawa sebarang kebaikan. Bolehkah Menteri Penerangan memberitahu kita semua apakah manfaat yang akan diperolehi oleh orang Melayu acau mana-mana kaum dengan tindakan Kementerian beliau ini? Jika tidak, apakah gunanya Kementerian Penerangan mengakibatkan kaum Cina berasa mereka tertindas dan diskriminasikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Muar.

6.29 ptg.

Tuan Abdul Malek Munip [Muar]: Terima kasih, Tuan Yang di-pertua. Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 10hb Julai yang lalu, yang melengkapi ucapan-ucapannya yang lebih awal adalah merupakan penekanan tentang prinsip-prinsip utama yang mendasari rancangan raksasa RMK6 yang seluruhnya dilaporkan kepada cita-cita membina masyarakat yang maju, adil, saintifik, bermoral dan bersatupadu.

Malangnya satu gagasan rancangan yang begini menyeluruh yang menyentuh kepelbagaian bidang penghidupan kita yang utama telah hanya dipesongkan oleh parti Pembangkang ialah akibat obsession untuk mengkricik semata-mtata. Memesongkannya menjadi seolah-olah pertelagahan mahkamah atau legal battle, dengan izin, menyentuh titik bengik yang kadang-kadang atnac membazirkan waktu. Al-makluinlah barangkali secengah daripadanya menyangka latihan undang-undang yang diperolehinya sudah rnemadai menjadikan mereka begitu mahir hingga ada kalanya cuba menentang hukum alam, tidak mahu menerima hakikat bahawa dalam satu-satu enterprise, ada kalaaya untung, dan ada kalanya rugi. Kalau untung dikatakan monopoli yang tidak adil, Kalau rugi dikatakan skandal. Barangkali ada baiknya mengikuc nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, bahawa kalau betul sungguh ada skandal, kalau betul sungguh ada bukti dan bukti amat penting, amat keramat: dalam sistem perundangan kita bawa sahajalah ke hadapan muka pengadilan. Kdlau tidak ianya bererti tuduhan. Dan mengikut pepatah Yahudi, 'Tuduhan adalah pemalsuan, permainan orang-orang yang pengecut. Kita tidak tahulah sama ada kesungguhan parti Pembangkang membuat tuduhan adalah manifestasi di bawah sedar, atau dengan izin, sub-conscious inanitestation, bahawa mereka tergolong dalam golongan orang yang pengecut.

Begicu juga ucapan Ketua Parti Pembangkang yang lebih awal, kita telah mendengar bagaimana beliau cuba menjadi juara kaum tertentu dan kali ini kaum yang dipilih ialah kaum India. Kali ini

dengan lantang masyarakat India dikatakan sedang mengalami proses yang diistilahkan sebagai 'marginalisasi', sesungguhnya dari segi ilmu kita kurang pasti apakah yang diinaksudkan dengan istilah. raarginalisasi itu, kerana istilah masyarakat yang marginal bererti inasyarakat yang secara relatif kecil bilangannya. . Barangkali sekadar 10% atau 15% bilangannya dalam sesebuah negara. 'Dan laziui-nya masyarakat inarginal seperti itu terpaksa sekadar menfc,ikut arus dalam main stream perkembangan sesebuah negara yang ditentukan oleh masyarakat-masyarakat yang besar.

[Tuan Yang di-pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tetapi di negara kita keadaannya berbesa sama sekali. Parti Barisan Nasional sebagai parti siasah yang bertanggungjawab tidak pernah menganggap masyarakat India sebagai masyarakat yang kecil atau masyarakat marginal. Masyarakat India dan kepimpinannya di-iktirar sebagai komponen terpenting masyarakat kebangsaan kita. Masyarakat India tidak sekadar dibiarkan mengikut arus , tetapi dibantu untuk turut serca menentukan arus dalam perkembangan negara. Dan contoh yang paling klasik ialah dalain bidang politik iaitu bidang yang akan menentukan. arus dalam bidang-bidang yang lain. Kepimpinan masyarakat India yang kecil dan marginal dari segi bilangannya itu dapat berdiri sama tegak dan duduk sama rendah dengan pemimpin-pemirapin masyarakat Melayu dan Cina sama-sama bekerjasama menentukan arah dalam perkembangan negara kita.

Dalain hubungan inilah nohmah dan tuduhan bahawa masyarakat India mengalami proses marginalisasi itu adalah satu kepalsuan, satu pembohongan. Tetapi lebih dahsyat ialah hakikat bahawa usaha untuk menjadi juara atau champion masyarakat India itu dalam konteks

sejarah politik kita boleh ditafsir sebagai perjuangan parti Pembangkang yang terus berteraskan perkauman. 20 tahun yang silam apabila strategi melaksanakan DEB digubal, masyarakat Melayu yang menjadi masyarakat teras atau masyarakat induk negara kita .....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: 36U).

Tuaa Abdul Malek Munip: Saya minta maaf-.

Tuan Yang di-Pertua: 3b(l), nanti sekejap.Tatatertib Mesyuarat Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: 361.1), saya tidak nampak apa ucapannya ada kena mengena dengan Rancangan Malaysia Keenam, langsung tidak, di dalam Rancangan Malaysia Keenam itu ada ekonomi, ada pengangkutan, ada pertanian dan pelbagai topik yang ada, tetapi dia tidak sebut-kan, cuma dia hendak jadi pakar orang-orang India. Saya tidak naiupak dia pakar di dalam bidang ini. Semalam ada Ahli Yang Berhormat dari Segamat .....

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhortnat dari Kepong cukuplah.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah apa yang dimulakan oleh pihak Peiobangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Muar, nanti sekejap. Saya hendak beri ruling dahulu. Kalau satu-satu point of order, selepas itu saya kena beri ruling, kalau tidak tidak payahlah keluarkan point or order. Rulingnya apabila bercakap berkenaan Rancangan Malaysia Yang Keenam ini , kesemua bercakap berkenaan

macaia-macam, bersangkut dengati policik, bersangkut dengan rasuah, bersangkut dengan perkara yang berlaku belakang itu tidak bersangkut pun dengan Rancangan Malaysia Yang Keenam yang tuasa hadapan. Jadi, inereka berkata semua ini jikalau sekiranya negeri tidak setabil nanti, Rancangan Malaysia Tiang Keenam tidak boleh, tidaklah mendapat keunCungan, akan menjadi tergugat, Oleh yang demikian, apa yang diucapkan oleh Ahli dari Muar tadi adalah bersangkut dengan Rancangan Malaysia Yang Keenam. [Tepuk]

Dr. Tan Seng Giaw: 36(l) lagi, Tuan Yang di-Pertua, keputusan itu tidak membayangkan keadaan sebenar.

Tuan Tang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, Peraturan Mesyuarat kata keputusan saya adalah muktamad, hendak buat macam caana. **[Tepuk]**

Tuan Abdul Malek Munip: Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua. 20 tahun yang silam apabila strategi melaksanakan DEB digubal ini, masyarakat Melayu celah mengizinkan istilah bumiputera digunakan sebagai rujukan iaitu satu istilah dari segi ilmu dan politik lebih luas, lebih merangkumi kepelbagaian jenis sukuan, dan menghindarkan dari bersifat perkauman atau racial yang sempit. letapi parti Perabangkang khasnya DAP dengan nyaring senyaring suara yang datangnya dapi politik negara jiran, telah tnenentang penggunaan istilah bumiputera, kononnya istilah ini akan hanya mengklas-klaskan masyarakat sekurang-kurangnya kepada dua kelas, bumiputera dan non-bumiputera. Satu rujukan yang akan menghalalkan ketidakadilan sosial daripada berlaku. Mereka -mendabik dada menuntut supaya premis atau asas dalaui menentu dan melaksanakan pembangunan tidak

boleh berpijak kepada prinsip perlcumpulan atau kelas-kelas masyarakat tertentu. Apatah lagi berasaskan perkauman, tetapi pada hari ini keadaannya sudah berubah sama sekali. Parti Pembangkang inulai berterus terang, ingin inenjadi juara (champion) bukan sekadar kepada inasyarakat non-bumiputera yang luas, tetapi khusus menjadi juara perkauman masyarakat Cina dan kemudiannya masyarakat India pula. Jadi, dari segi inti perjuangan dan di peringkat tindak tanduk yang dilakukan atau dengan izin, at che operational level, parti Pembangkang ini uienjadi juara perjuangan perkauman yang par-excellent, parti perkauman yang tidak ada colok bandingnya. Dan si£at perkauman ini dilengkapi pula dengan sitat' anti bumiputeranya yang konsisten dari dahulu hingga sekarang. Umpamanya selama berpuluh-puluh tahun .masyarakat.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuau Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: 3b(b).

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Dr. Tan Seng Giaw: Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa Ahli lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejaplah ini bukan dia kata kepada siapa-siapa orang lain. Kepada parti yang selalunya dibenarkan. Kalau tidak, kalau ruling icu dibuat macam itu, DAP tidak boleh berkata apa-apa kepada MCA. Sila teruskan.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua dia mengacau ini memang strategi ribuan tahun parti Pembangkang. Umpamanya selama

berpuluh-puluh tahun masyarakat bumiputera iaitu yang mewakili lebih daripada 50% daripada jumlah masyarakat kebangsaan kita pernah berada ditahap yang amal marginal di dalam kepelbagaian bidang kehidupan kita terutamanya ekonomi, namun parti Pembangkang tidak pernah merintihkan atau menyuarakan pembelaan nasib mereka. Pada hari ini pula apabila masyarakat bumiputera mulai bertapak di bidang ekonomi, parti Pembangkang telah meningkatkan sitat perkaumannya ketahap yang lebih sempit iaitu ketahap semangat kesukuan. Sedikit sebanyak kejayaan bumiputera itu mulai dipertikaikan berdasarkan pencapaian kesukuan seperti misalnya keadaan masyarakat Kadazan berbanding dengan suku-suku yang lain.

Kita cidak hairan bahawa pada satu masa nanti, Parci Pembangkang akan menyoalkan sama ada prestasi masyarakac Jawa setanding dengan maayarakat Bugis atau masyarakat Rawa atau Mandeling atau Kerinci atau apa sahaja atau barangkali raasyarakat Tamil cuba dibandingkan dengan roasyarakat Telegu atau masyarakat Hokkien berbanding dengan masyarakat Teochew. Sesungguhnya, niat jahat mengkritik untuk memburuk-burukkan yang dikritik akan hanya mendedahkan bukan sekadar panau dan kudis di dada tetapi bisul, nanah dan pekung pihak Pembangkang sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalara pada itu, ada pala dari golongan Pembangkang yang juga mengkritik Dasar Pembangunan berdasarkan agama, berdasarkan Islam. Saya ingin bertanya di sini, adakah matlamat memajukan masyarakat, mempertingkatkan nilai murni dan bermoral serca menerapkan prinsip kcadilan icu bercanggah dengan agama kita? Memanglah pada laziranya orang mengakui bahawa dari segi idealisme Islam, orang tidak mempertikaikan kedudukannya dan saraua masyarakat Islam mengakui. Namun bila kita tanyakan negeri Islam manakah atau masyarakat Islam manakah yang telah mencapai perkembangan supaya dapat dicontohi oleh orang lain, apaeah lagi dengan permasalahan-permasalahan yang berbeza, maka itu jawapannya amat rumit sekali.

Sehubungan dengan ini, rasanya ada baiknya kalau kita raengambil renungan dari satu kenyataan yang dimuatkan dalam Encyclopedia of Christianicy yang diterbitkan di Britain dalam tahun 80an di raana pendakwah-pendakwah Kristian itu mendakwa bahawa kononnya pada masa kini satu-satunya kawasan di mana Kristian berkembang paling pesat ialah di Kepulauan Melayu dan araat menarik mereka dikatakan telah berjaya kerana mengikut contoh daripada strategi perkembangan Islam

zaman dahulu iaitu strategi yang mengikut mereka amat bijaksana, amat berhikmah. Mengikut mereka, para pendakwah Islam pada masa itu amat peka dengan keadaan semasa, dapat menerokai dan melaksanakan strategi yang. amat halus disesuaikan dengan keadaan, nilai, komposisi masyarakat dan peringkat pemikiran masyarakat. Mereka tahu apa yang boleh dilakukan atau apa yang praktikal dan mempunyai kesabaran dan kebijaksanaan menerapkan nilai-nilai Islam berperingkat-peringkat hingga tidak disedari.

Pendakwah-pendakwah Islam itu dikatakan telah berjaya secara beransur-ansur menerobosi fikiran rakyat melalui cerita-cerita rakyac, wayang kulit, Kegiatan-kegiatan kreatif seni dan kesusasteraan, sistera adat, perundangan dan sistem politiknya hingga nama-nama alam geograti sekalipun diIslamkan dan semuanya ini telah berlaku tanpa menghilangkan kaparibadian tempatan atau tanpa msngarabkan alam Melayu. Mereka menekankan tentang apa yang perlu, apa yang dituntut, apa yang wajar dibuat dan bukan semata-mata menekankan tentang apa yang tidak boleh dibuac dan apa yang haram dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, masalah yang utama ialah bukan sekadar dapat menj erickan idealisme-idealisme Islam itu kerana ini akan raenepati kata-kata sakti "jerican cin kosong" tetapi yang lebih utama ialah melengkapinya dengan rancangan-rancangan yang konkrit, scrategi yang berkesan yang dapat dianuti supaya rancangan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan ini memerlukan kemahiran dalam semua bidang perancangan pembangunan untuk melahirkan apa yang diistilahkan oleh Yang Amat Berhormat, mekanisme pembanguan yang wajib difahami dan dimengerti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta- digulungkan ya.

Tuan Abdul Malek Munip: Jadi, saya ingin menggulungkannya sebagai berikut. Dalam hubungan inilah, saya ingin merakamkan sokongan dan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menceri kita yang telah memberikan satu gagasan yang amat menarik yang boleh kita istilahkan sebagai seruan ke arah pembangunan yang bijaksana atau menggunakan istilah popular masa kini, "Dakwah Pembangunan Yang Berhikmah".

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran.Yang Berhormat, sekejap ya. Ramai sangat yang hendak berucap. Bolehkah masing-masing jika bersetuju kurangkan sedikic ucapan masing-msing. Mintalah kalau boleh 15 minit. Kalau tidak, semua tidak bolsh berucap. Ada sedikit sahaja yang boleh berucap dan dengan demikian, janganlah kepada dipersalahkan sesiapa. 15 minit ya, boleh Tuaran?

6.45 ptg.

Datuk Monggob Orow [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sarapaikan ucapan saya seringkas-ringkasnya. Tuan Yang di-Pertua, cerima kasih kerana memberi peluang kepada saya uncuk membahaskan Rancangan Malaysia Keenam yang baru dibentangkan oleh Yang Amae Berhormae.....

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan sahaja, Yang Berhormat. Jangan ucapkan cerima kasih, tidak payahlah. [Ketawa]

Datuk Moaggoh Orow: Masa ini kita sudah membincangkan Rancangan Malaysia Keenam bagi tempoh 1991 hingga 1995 dan saya ingin membawa beberapa perkara yang seharusnya dimulakan dalam Rancangan Malaysia Keerapac tetapi belum lagi siap hingga hari ini.

Pertama, Hospital Daerah Tuaran yang sepatutnya telah dimulakan dalam Rancangan Malaysia Keempat tetapi malangnya hanya dimulakan pada awal tahun ini iaitu permulaan Rancangan Malaysia Keenam dengan

peruntukan berjumlah $1.87 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya daerah Tuaran ini adalah lebih besar daripada daerah Sipitang dan baru sebentar tadi, di dalam Dewan yang mulia ini Timbalan Menteri Kesihatan telah menyatakan sebuah Hospital Daerah jenis nukleas di Sipitang akan dibina dengan peruntukan sebanyak $50 juta. Mana logiknya kalau ini daerah Tuaran, satu daerah yang besar hanya diberi peruntukan $1.8 juta sahaja. Oleh yang demikian, saya merainca Keraenterian Kesihatan apabila Hospital Daerah Tuaran yang kecil ini sudah siap nanci, diperbesarkan lagi supaya seimbang dengan bilangan penduduk dan taraf daerah yang sudah diiktirafkan mengikut undang-undang negara ini.

Kadua, bangunan Bomba pekan Tuaran yang sepatutnya juga dimulakan dalam Rancangan Malaysia Keempat hingga hari ini belum lagi ada satu tiang. Tapaknya sudah ada tetapi kenapa belum disiapkan? Kita sudah melaung-laungkan bahawa Rancangan Malaysia Kelima sudah tercapai matlamat-matlamatnya tetapi kenapa ini tidak jadi? Pada 20hb Oktober tahun lalu, satu hari sebelum pembuangan undi sewaktu Pilihanraya Umum Parlimen, lima buah pintu kedai dan scorang telah terkorban kerana dijilat api. Tidak ada perkhidmatan Bomba di pekan itu. Inikah yang kica laung-laungkan bahawa rancangan-rancangan yang sudah lepas itu sudah cercapai matlamatnya?

Yang sebenarnya, kalau Rancangan Malaysia Kelima, Dasar Ekonomi Baru icu sud-ah mencapai matlamatnya, kenapa pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat masih kita sambungkan dalam Dasar Pembangunan Nasional yang baru ini? Ini bermakna bahawa maclamae itu tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam mempunyai matlamat untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang tinggi berterusan

dan pengagihan kekayaan yang saksama. Saya berharap projek-projek yang dirancangkan nanti itu akan terus dilaksanakan dan dengan peruntukan yang begitu banyak, $104 ribu juca iaitu 60% lebih daripada peruntukan yang telah diberikan kepada Rancangan Malaysia Kelima, ini adalah satu peruntukan yang begitu besar.

Kerajaan Persekutuan akan mengeluarkan tnengikut cadangan ini berjumlah $55 ribu juta, Kerajaan-kerajaan Negeri $14 juta dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan $5 ribu juta. Setahu saya banyak badan-badan bukan kewangan yang tidak pun mampu membayar hutang-hutangnya daripada Kerajaan Persekutuan. Bagaimana badan-badan ini akan dapat mengeluarkan peruntukan begitu banyak. Dari mana Kerajaan Persekutuan mendapat peruntukan untuk menampung cadangan peruntukan begitu banyak?

Sedangkan pada masa ini pada hujung tahun 1990 Bank Negara telah uiengeluarkan satu kenyataan bahawa kedudukan imbangan pembayaran negara ini tidak begitu sihat. Pengeluaran bagi perabayaran keuntungan dan dividen keluar negeri begitu banyak karana dasar Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur asing langsung begitu banyak dan akaun semasa sekarang kedudukannya tidak begitu baik. Kalau saya boleh sentuhkan di sini kedudukannya sekarang, akaun semasa pada tahun 1988, misalnya, mempunyai lebihan berjumlah $4.8 ribu juta; dalam tahun 1989 merosot dengan defisit berjumlah $400 juta dalam cahun. 1990 defisit meningkat ke $4.7 ribu juta.

Tuan Yang di-Pertua, akaun semasa ini secara sendirinya dalam imbangan pembayaran tidaklah begitu dianggapkan serius. Apa yang inembimbangkan ialah kelajuan- jumlah dan arah aliran pertumbuhan detisit tersebut. Adalah dijangkakan bahawa defisit ini akan mencapai nisbah - fa.5% daripada Keluaran Negeri Kasar, inanakala dalam tahun 1990 hanya - 4.3% sahaja. Ini adalah satu nisbah yang paling tinggi di dunia mengikut Bank Negara. Misalnya sebagai perbandingan, nisbah bagi Indonesia -1%, Negeri Thai -4%, Singapura - lebihan +8%, Korea Selatan - +2% dalam tahun 1989.

Jadi, saya ingin menarik perhatian Kerajaan di sini supaya berhati-hati -kerana mengikut gambaran yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat sewaktu beliau menyampaikan ucapan usul Rancangan Malaysia Keenam, gambaran yang diberikan itu seinuanya cantik-cantik belaka, kemudian bagus sama sekali, tetapi tidak ada menyentuh mengenai kelemahan-kelemahan. Yang saya tahu satu dari-pada kelemahan itu - saya beri dua contoh sahaja kerana banyak

kelemahan. yang dikeluarkan: Pertauia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, seorang pemimpin yang paling sibuk di negara kita ini, sedang mengambilalih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan DBKL. lni menunjukkan bahawa ada kelemahan pentadbiran dan pengurusan di DBKL sepertimana yang telah disentuhkan oleh Yang Berhormat Wakil dari Bukit Bintang baru-baru ini. Kedua, kepincangan» penyelewengan, penipuan, kehilangan wang, pencurian di sektor industri kewangan negara, misalnya BMF, Perwira Bank, Bank Buruh, Sabah Bank, Bank Pertanian, insurans, koperatif, RISDA, EPF, Sogoshosha, Bank Negara, KOBENA, Skim Cepat Kaya, segala kepincangan kelemahan itu melibatkan wang rakyat bernilai ribuan juta ringgit.- Adakah ini bukan keleraahan tetapi kita berdiam-diam sahaja, yang kita ambil gambar yang cantik-cantik? [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Kementerian Pendidikan untuk mempertimbangkan- projek-projek sosial yang perlu saya fikir bagi kawasan Tuaran, iaitu kawasan yang saya wakili untuk menyiasat dan kalau boleh melaksanakan dua buah sekolah menengah: satu di kauipung Lokos iaitu di Mukim Lembah kawasan N. 12 Kiulu di kawasan P.137 Tuaran dan kedua, Kampung Tepokon di N.10 Tamparuli di kawasan P. 137 Tuaran juga, kerana kedua-dua kawasan ini mempunyai murid-tourid yang bertambah yang layak memasuki sekolah-sekolah menengah. Oleh sebab tidak ada sekolah menengah di kawasan-kawasan ini, inaka mereka terpaksa berhijrah ke kawasan-kawasan lain dan akibatnya ada daripada mereka ini tidak mendapat tempat di sekolah-sekolah cnenengah.

Di samping itu, saya juga meminta Kementerian Pendidikan supaya mengkaji dan jika didapati sesuai membina sebuah sekolah politeknik

di luaran kerana banyak tnurid lepasan-lepasan sekolah icienengah di daerah ini yang tidak mendapat keputusan yang baik untuk melanjutkan pelajaran raereka ke pengajian tinggi dan juga tidak mendapat tempat di sekolah-sekolah vokasional dan akibatnya mereka ini sekarang menganggur. Ini adalah satu masalah sosial yang seharusnya menjadi satu tanggungjawab oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh-kan ialah mengenai beberapa dokumen rasmi Kerajaan, misalnya borang-borang permohonan kerja, permohonan lesen-lesen dan sebagainya di mana terdapat satu perkataan iaitu "bangsa". Perkataan ini adalah satu perkataan yang terang-terang menjelaskan untuk menentukan kaum-kaum di negara kita sedangkan kita ini inginkan satu bangsa rakyat Malaysia yang boleh bertikir bahawa dia itu adalah seorang anak Malaysia, kita boleh memupukkan semangat 'satu bangsa satu negara'. Tetapi kalau sekiranya perkataan ini yang secara automatis caeng-identitikasikan kaum-kaum di negara kita, maka secara automatis kita tidak dapac menghindarkan perasaan -yang satu-satu kaum itu dikena prejudis, dengan izin. Jadi, saya meminta Kerajaan supaya seiaua dokuraen-dokumen Kerajaan yang mengandungi perkataan "bangsa" ini, perkataan itu diinansuhkan sama sekali. [Tepuk] Sebab kita ini dalam Malaysia, kita seharusnya anggap kita sebagai rakyat Malaysia.

Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai Jabatan Pendaftaran Negara, iaitu berkaitan dengan pengeluaran kad pengenalan. Kalau kica inginkan keharmonian, perpaduan dan kerja-sama, Kerajaan harus memikirkaii agar semua rakyat di negara ini yang, telah lahir sebelura wujudnya Persekutuan Malaysia yang belum mempunyai kad biru diikciratkan sebagai warganegara Malaysia dengan memberikan raereka kad biru, Kerana setahu saya, ada sekumpulan

warganegara Malaysia yang tinggal di Sabah, yang kebanyakannya bumi-putera, yang tidak mempunyai pengetahuan fasal permohonan kad-kad pengenalan ini yang telah Lahir sebelum 16hb September 1963, laitu lahirnya Persekutuan Malaysia, masih lagi meinpunyai kad merah.Mereka tidak mempunyai hak-hak seperti rakyat Malaysia yang lain yang mempunyai kad biru sedangkan ada juga orang-orang asing yang baru tiba 3 hingga 4 bulan di negara kita ini sudah dapac kad biru, kad palsu mungkin, tetapi kad biru dan juga mempunyai hak-hak seperti hak rakyat Malaysia dan sudah diiktirafkan sebagai warganegara Malaysia.

Kalau kita ingin mewujudkan satu masyarakat penyayang, saya merainta Kerajaan Persekutuan untuk benar-benar membuktikan supaya kumpulan yang saya sentuhkan itu diberikan hak-hak mutlak yang sebenarnya diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormac, minta gulung ya.

Datuk Monggoh Orow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali, saya ingin meminta Kementerian Penerangan di sini supaya liputan-liputan television mengenai kegiatan-kegiatan pembangunan di seluruh negara disama-ratakan kerana apa yang saya lihat sekarang, walaupun Kerajaan Kelantan dan Kerajaan Negeri Sabah dalam 'pihak Pembangkang, tetapi Kerajaan itu telah dipilih oleh rakyat mengikut democratic principles. Saya tidak pcrnah nampak Menteri Besar Kelantan dan Kedua Menteri Sabah muka-muka mereka keluar di peti TV. Apakah ini satu keadilan yang dipraktikkan oleh Barisan Nasional? Saya ingat beberapa hari yang lalu Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan mengatakan bahawa RTM ini yang sebenarnya mempunyai dasar bahawa semua kegiacan sosial dan apa sahaja bagi kaura-kaum di negara ini tidak memilih kasih. Tetapi apa yang saya lihat sebagai kenyacaan, Pesta Kamacan di Sabah, iaitu satu pesta yang diiktirafkan oleh Kerajaan Negeri sebagai satu Kerajaan yang dipilih oleh rakyat tidak satu saat pun yang keluar dalam rancangan RTM, sedangkan Pesta Gawai di Sarawak mempunyai masa 30 minit.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa sahaja rancangan Kerajaan Barisan Nasional yang baik untuk semua rakyat di negara ini kita hendak laksanakan sebaik-baiknya. Dengan itu, saya berharap

Rancangan Malaysia Keenara ini akan dapat berjaya termasuk Rancangan-rancangan yang telah lalu di mana apa sahaja projek yang telah gagal akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Teriraa kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Machang.

7.05 mlm.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan [Machang]: Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Kepong] On point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, ini ada tercib mesyuarat. Sekejap.

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 11(2) yang berbunyi:-

"Dengan tertakluk kepada syarat-syarat Perenggan (l), Ketua atau Timbalan Kedua Majlis hendaklah menetapkan sekurang-kurangnya 28 hari sebelum permulaan tiap-tiap Penggal, tarikh-tarikh Majlis akan bermesyuarat dalam penggal itu: Tetapi disyaratkan iaitu Ketua atau Timbalan Ketua Majlis boleh mengubah tarikh-tarikh yang ditetapkan itu dari semasa ke semasa."

Saya berpendapat bahawa kerana kita pun ada lanjutkan tiga hari lagi untuk persidangan ini, maka wajarlah diberi peluang untuk semua Ahli yang hendak berucap mengenai usul yang begitu penting iaitu usul mengenai Rancangan Malaysia Keenam. Semua Ahli di sini berpendapac mempunyai fikiran yang bernas mengenai topik-topik yang relevan dan patut kita lanjutkan satu hari lagi untuk perbahasan supaya nemberi semua Ahli peluang, sekurang-kurangnya 30 minit bagi tiap-tiap seorang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Ahli Yang Berhormat timbulkan 11(2) itu tidak kena-mengena . Itu tak bersangkut-paut dengan tatatertib

Yang Berhormat katakan cadi - tak bersangkut-paut langsung. Ya, Machang, sila.

Tuan Ahmad Shukri biu Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terlalu ghairah untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, maka Rancangan Malaysia adalah industrialisasi. Sebahagian besar daripada rancangan adalah tertumpu kepada usaha untuk mempcrcepatkan proses industrialisasi. Selaras dengan Pelan Induk Perusahaan, segala tumpuan untuk memodenkan intrastruktur dan kotnunikasi telah ditumpukan kepada kawasan Pantai Barat sahaja, khususnya kawasan Lembah Kelang dan Pulau Pinang iaitu kawasan yang dikenalpsti sebagai industrial main corridor, manakala kawasan-kawasan lain khususnya Pandai Timur Semenanjung yang dikenal sebagai mini corridor telah diabaikan.

Di dalam hal ini, Kerajaan begitu yakin dengan teori, dengan izin, economics of location, iaicu accepcance of economic location and abandonment of regional disbursal units, yakni menumpukan pembangunan di suatu kawasan dan mengabaikan kawasan atau wilayah yang lain. Sebahagian besar daripada peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keenam ditumpukan kepada kawasan yang telah maju. Kawasan yang telah maju dan rendah kadar kemiskinannya telah mendapat peruntukan yang bertambah manakala negeri-negeri yang kurang maju dan cinggi kadar kemiskinannya mendapat peruntukan yang berkurangan.

Ini jelas ditunjukkan di dalam Jadual 2-4: Negeri-negeri yang termaju mendapat peruntukan yang paling banyak, misalnya Wilayah Pcrsekutuan mendapat peruntukan sebanyak $4.6 billion, iaitu meningkat daripada 6% di dalam Rancangan Malaysia Kelima kepada 3% di dalam Rancangan Malaysia Kecnam. Selangor mendapat: $4.29 billion, naik daripada 5.2% dalam Rancangan Malaysia Kelima kepada 7.8% di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Manakala empat buah negeri yang paling cinggi kadar kemiskinannya telah memperolehi peruntukan yang berkurangan sebagaimana berikut;

Kedah mendapat $2.8 billion, turun daripada 6.4% kepada 5.1%. Kelantan mcndapat $2 billion, turun daripada 5.1% dalam Rancangan Malaysia Kelima kepada 3.8% di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Terengganu mendapat 32.72 billion, daripada 5.7% dalam Rancangan Malaysia Kelima turun kepada 5% dalam Rancangan Malaysia Keenam. -Sabah mendapat $2.3 billion dalam Rancangan Malaysia Keenam, turun daripada 5.9% dalam Rancangan Malaysia Kelima kepada 4.2% di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Figurcs di atas jelas menunjukkan bahawa negeri-negeri yang kaya di mana sebahagian besar penduduknya adalah bukan bumiputera raendapat peruntukan yang bertambah, manakala negeri-negeri miskin yang majoritinya penduduk bumiputera mendapat peruntukan yang berkurangan. Sebelum daripada ini Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah mengingatkan kita tentang bahayanya kita meniru bulat-bulat: model dan dasar pembangunan ekonomi daripada Barat. Pembangunan ala Racangan Malaysia Keenam dan RRJP2 ini akan melebarkan lagi jurang yang sedia ada. .Di dalara kegagalan kita untuk mengatasi racial disparity, dengan lein, kita ke arah mewujudkan satu lagi desparity iaitu regional disparity. Saya mencadangkan supaya Kerajaan memberi tumpuan yang lebih merata dan saksama dengan tidak mendiskriminasikan Tnana-mana wilayah di dalam usaha pembangunan, khususnya perabangunan perindustrian.

Dasar Perindustrian Negara berhubung dengan corridor perindustrian perlu diubah. Semua kawasan perindustrian di negara perlu dianggapkan sebagai main corridor, bukannya dibahagikan kepada main corridor dan mini corridor. Kemudahan-kemudahan di semua kawasan perusahan perlu diseimbangkan. Dengan ini saya cadangkan sebuah lapangan terbang bertarat antarabangsa dibina di Pantai Timur dan sebuah pelabuhan perlu dibina sama ada di Terengganu atau di Kelantan untuk menjadi catalyst kepada pembangunan perindustrian di kedua-dua buah negeri itu.

Jika Kerajaan terus mengamalkan dasar diskriminasi terhadap negeri miskin maka apa yang mungkin wujud pada tahun 2020 nanti ialah dualisme dalaiu ekonoini. Terdapat wilayah yang amat raaju di sauiping itu terdapat wilayah yang mundur.Kewujudan dualisme ini araat merbahaya kepada- integrasi nasional.Kita dapati keadaan seperti inilah yang mencetuskan social unrest, dengan izin, di setengah-setengah negara. Kita berharap keadaan seperti ini tidak akan wujud di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan dan terkebelakangan orang-orang Melayu dan bumiputera selalu menjadi topik utama dalam setiap rancangan dan dasar yang digubal oleh Kerajaan. Topik ini juga menjadi topik perbahasan dan perbicaraan yang menarik. Semua golongan termasuk ahli politik, ahli akademik dan para cendikiawan memberi perhatian yang berat kepada soal kemiskinan ini. Yang anehnya soal kemiskinan ini dekat dengan sanubari kita. Banyak telah diperbincangkan, banyak telah diperkatakan tetapi amat sedikit usaha dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah ini.

Di dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru kadar kemiskinan kononnya telah dapat dikurangkan daripada 49.3% kepada 17.2%. Jika benar, ini adalah satu prestasi yang baik.

Di dalam tahun 1990 masih terdapat 619,400 keluarga miskin dan 143,100 keluarga termiskin anau hardcore poor. Saya menyambut baik usaha Kerajaan untuk membasmi golongan termiskin dengan memberi bantuan khusus dan secara langsung kepada golongan termiskin. Saya mengesyorkan supaya, dengan izin, basic needs approach digunakan bagi tujuan tersebut, bagi tujuan mengatasi masalah penduduk termiskin. Pendekatan ini bermaksud memenuhi keperluan asas kepada

golongan ini. Keperluan. yang dimaksudkan ialah makanan, pakaian, tempat tinggal, pekerjaan, pendidikan dan kesihatan. Mereka juga perlu dibekalkan dengan lain-lain kemudahan seperti air bersih, elektrik dan lain-lain peralatan moden.

Kita berharap Kerajaan tidak memilih bulu dalam mengagihkan sebarang bantuan dan subsidi. Pengalaman yang lepas telah membuktikan Kerajaan telah melaksanakan projek bantuan kepada golongan termiskin secara diskriminasi. Penyokong-penyokong parti Pembangkang ataupun mereka yang berkecuali walaupun miskin tidak diberi bantuan sedangkan penyokong-penyokong parti pemerintah diberi barituan tersebut walaupun mereka bukan dari golongan miskin dan tidak berhak kepada bantuan tersebut.Contoh terakhir ialah pembekuan subsidi baja kepada petani-petani miskin di Kelantan kerana menyokong Angkatan Perpaduan Ummah.

Di dalam tahun l980 an satu projek dinamakan Rancangan Pemulihan Kampung telah dilaksanakan. Projek tersebut walaupun pada dasarnya baik tetapi kemudian gagal mencapai matlamatnya kerana terlalu dipolitikkan. Penyokong-penyokong parti pemerintah walaupun tidak layak mendapat bantuan perumahan telah diberi subsidi tersebut. Manakala penyokong-penyokong parti Pembangkang walaupun miskin tidak diberi subsidi perumahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada kesulitan yang dihadapi oleh golongan miskin ialah kesukaran untuk mendapatkan kredit.Kita harus meuiberi kepujian kepada Amanah Ikhtiar Malaysia dalam usahanya untuk memberi kemudahan kredit kepada golongan miskin. Adalah amat aneh usaha untuk membantu golongan kaya

dipertanggungjawabkan sepenuhnya oleh Kerajaan manakala peranan untuk membantu golongan tniskin diambil oleh pertubuhan sukarela. Saya mencadangkan supaya sebuah bank ditubuhkan dengan tujuan khususnya untuk membantu golongan raiskin sahaja. Operasi bank tersebut bolehlah mengambil contoh sebuah bank dari Bangladesh iaitu Bank Gramin...

Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun. Hendak apa Yang Berhormat.

Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan. Hendak beri jalan?

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Boleh.

Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Saya menyanjung cinggi hasrat Yang Berhormat untuk membela orang miskin ataupun yang termiskin. Adakah ini bermakna beliau tidak bersetuju dengan pandangan PAS yang tidak mahu membela orang miskin?

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, PAS bukan tidak membela orang miskin. Pendapat Yang Amat Berhorrnat Menteri Besar Kelantan bahawa kemiskinan relatif tidak dapat dihapuskan walaupun kemiskinan absolute dapat dihapuskan.Itu sahaja. Bukan tidak membela orang miskin. Saya ingat Yang Berhormat dari Rompin telah salah taham.

Tuan. Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Saya mencadangkan supaya sebuah bank ditubuhkan dengan tujuan khusus untuk membantu golongan miskin sahaja.Operasi bank ini boleh mengambil contoh kepada Bank Grahmin di Bangladesh dengan mengubahsuai segala kelemahannya.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sumber daya manusia, dengan izin, human resources development adalah raktor yang penting dalam usaha untuk mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional. Oleh itu pendidikan dan latihan adalah amat penting.

Saya tidak menafikan bahawa kita telah mencapai kerajaan yang baik-dalam bidang pendidikan rendah dan menengah tetapi kita jauh ketinggalan dalam pengajian tinggi, dengan izin, tertiary education.' Kica paling terkebelakang dalaia bidang ini jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lainnya. Hanya 6% sahaja daripada pelajar kita yang berpeluang dapat memasuki pusat-pusat pengajian tinggi. Buat taasa ini kita hanya mempunyai 7 buah universiti sahaja. Adalah hampir mustahil untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 dengan hanya 7 buah universiti. Negara Taiwan misalnya, yang mempunyai penduduk yang hampir saina dengan Malaysia, mempunyai 20 buah universiti. Dan di dalatn rancangan perabangunan negaranya pada enam"tahun yang akan datang Taiwan akan membina 25 buah lagi universiti.

Oleh itu saya mencadangkan supaya universiti dibina di ciap-tiap buah negeri di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam ataupun setidak-tidaknya di dalam RRJP2. Mana-mana negeri yang telahpun ada universiti tidak perlu lagi dibina universiti baru. Jadi, saya berharap supaya misalnya Universiti Islam Antarabangsa tidak dibinakan lagi di Selangor kerana Selangor telahpun ada mempunyai dua buah universiti. Oleh itu kita perlu mengagihkan pembangunan kita dari semua segi.

TuanYang di-Pertua, satu lagi masalah yang dihadapi ialah tentang peruinahan. Buat masa ini pihak Kerajaan telah mengadakan -rumah-rumah kos rendah tetapi perlaksanaannya telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ataupun oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri. Buat tnasa ini kadar faedah sebanyak 4% telah dikenakan untuk mernbina rumah-rumah tersebut kepada agensi-agensi pelaksana. Saya mencadangkan supaya kadar faedah 4% ini ditarik balik, dihapuskan supaya agensi-agensi pelaksana tersebut tidak mengenakan kadar raedah itu kepada pembeli-pembeli rumah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Terima kasihlah.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Kedah.

7.09 mlm.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk membahaskan usul Rancangan Malaysia Keenaui yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini, saya menyanjung tinggi di atas usaha dan rancangan Kerajaan yang rapi dalam rangka satu pelan pembangunan lima tahun iaitu Rancangan Malaysia Keenam yang inerupa-kan fasa pertaraa kepada perlaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

Rancangan Malaysia Keenam ini yang berteras untuk mengekalkan pertumbuhan pesat ekonomi negara dan mencari jalan supaya matlamat pembangunan. yang seimbang seperti yang termaktub di dalam Dasar Pembangunan Nasional dapat dicapai. Cadangan dari Kerajaan ini dijangka akan memenuhi hasrat seluruh rakyat yang ingin melihat Rancangan Malaysia Keenam ini mencapai kejayaannya dan akan menjadi tapak permulaan kepada tercapainya matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, cidak dapat kica nafikan bahawa sektor pertanian masih lagi raemainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Aktiviti sektor pertanian merupakan satu kegiatan ekonomi ucama negara, terutamanya dalam sektor luar bandar, di samping ia dapat menyediakan sumber-sumber bagi menyokong sekcor-sektor lain dalam ekonomi negara.

Peningkacan dalam jumlah peruntukan dari $7.5 ribu juta dalam Rancangan Malaysia Kelima kepada sebanyak $9 ribu juta dalam Rancangan Malaysia Keenam bagi sektor pertanian merupakan langkah bijak Kerajaan dalam usaha memajukan pertumbuhan sektor ini. WaLaupun pertumbuhan sektor pertanian di dalam Rancangan Malaysia Keenam dijangkakan lebih rendah berbanding dengan sektor-sektor ekonomi yang lain, tetapi penumpuan Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian yang sedia ada serta menukarkannya kepada yang lebih bersifat komersial harus diberi sokongan yang padu.

Seperti yang kica semua maklum, sektor luar bandar merupakan sektor utama yang terlibat dalam kegiatan pertanian. Sektor ini kebanyakannya terdiri daripada petani-pctani, pekebun-pekebun kecil dan nelayan-nelayan yang menjalankan kegiatan mereka secara kecil-kecilan. Golongan ini juga merupakan golongan miskin yang mempunyai banyak halangan dalam usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka. Ancara halangan yang ketara tcrmasuklah pemilikan saiz canah yang tidak ekonomik serca kekurangan pengetahuan dalam

aspek-aspek teknikal dan pengurusan sesuatu projek yang diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, kini tibalah masanya dan saya mencadangkan kepada Kerajaan:

Yang pertama, untuk mencari jalan meningkatkan produktiviti sektor ini melalui penyatuan tanah-tanah pertanian;

Kedua, membentuk pengurusan yang lebih tersusun serta bercorak perladangan; dan

Ketiga, memberi tumpuan kepada tanaman-tanaman yang bernilai tinggi.

Kajian-kajian baru dan berterusan tentang sesuatu tanaman perlu dipergiackan dan penemuan-penemuan tersebut hendaklah disampaikan cerus kepada petani dengan meningkackan lagi aktiviti-aktiviti pengembangan. Di samping itu, sesuai dengan Wawasan 2020 yang dilaungkan, Kerajaan perlulah menyedarkan keseluruhan masyarakat dan mewujudkan satu imej bahawa sektor pertanian bukanlah merupakan kegiatan yang mundur, yang diusahakan oleh petani-petani, tetapi ianya lebih merupakan satu kegiatan perniagaan yang menguntungkan sepertimana imej sektor ini di negara-negara maju yang lain. Sektor pertanian juga mestilah didedahkan kepada penggunaan peralatan dan teknologi moden setanding dengan sektor-sektor lain. Tetapi dengan penggunaan peralatan dan teknologi moden ini akan berlaku pengurangan dalam penggunaan tenaga buruh atau tenaga buruh tidak digunakan sepenuhnya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan bahawa Karajaan perlulah mengalihkan industri-industri ke luar bandar bagi memastikan tenaga buruh tersebut dapat digunakan sepenuhnya. Sokongan kredit pertanian baik dari sektor awam atau swasta perlu diceruskan bagi mempercepatkan pembangunan dan pertumbuhan sektor

pertanian.

Melalui Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan juga perlu menumpukan perhatiannya di dalam menyediakan kemudahan infrastruktur di mana sokongan ini akan dapat membantu meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian ke tahap yang diharapkan.

Sektor pertanian dalam Rancangan Malaysia Keenam ini tidak seharusnya bergantung kepada kegiatan pengeluaran semata-mata. lanya harus dikembangkan kepada kegiatan hiliran dan "huluan-seperti aktiviti pemasaran, pemerosesan atau kegiatan-kegiatan komersial yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi ataupun mewujudkan satu industri yang berasaskan pertanian. Kerajaan perlu menyediakan insentif-insentif yang bersesuaian kepada para pengusaha terutamanya untuk membolehkan ia bersaing dengan keluaran barangan-barangan import sekiranya mereka tidak dapat bersaing dalam pasaran yang bebas dan terbuka. Dengan adanya insentif-insentif sedemikian tentunya akan dapat meningkatkan kegiatan perindustrian berasaskan pertanian.

Saya juga suka mencadangkan bahawa sektor perladangan di. bawah pengurusan sektor awam seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan sebagainya pcrlu diserahkan kepada sektor swasta melalui konsep penswastaan dengan memberi keutamaan kepada golongan bumiputera. Satu kajian dayamaju perlu dibuat cerlebih dahulu sebelum sesuatu sektor perladangan diserahkan kcpada pihak swasta. Melalui penyerahan ini akan dapat mengurangkan perbelanjaan sektor awam dalam menguruskan ladang-ladang tersebut di samping dapat memberi peluang kepada golongan petani, khususnya bumiputera, mengurus ladang-ladang secara lebih teratur dan komersial dan sekali gus dapat mengurangkan jurang

keseimbangan ekonomi ancara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk mewujudkan sebuah negara yang membangun dan maju, pembangunan sumber manusia tidak boleh diketepikan. Peningkatan cenaga mahir dan separa mahir dalam semua sektor yang amat perlu bagi mencapai hasrat Wawasan 2020. Di samping meningkatkan tenaga mahir di peringkat pengurusan, Kerajaan juga harus menumpukan pembangunan tenaga mahir di kalangan pekerja kolar biru kerana golongan ini merupakan sumber tenaga manusia yang utaraa dalam meningkatkan produktiviti semua sektor di negara ini.

Dalara usaha untuk membangunkan sumber tenaga manusia Kerajaan perlulah mempunyai satu rangka program pendidikan dan latihan teknikal yang bersesuaian dengan keperluan negara untuk mencapai ke arah sebuah negara maju. Penyelidikan dan pembangunan dalam pendidikan perlu ditingkatkan bagi menentukan kemahiran-kemahiran baru dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan kemahiran golongan pekerja kolar biru dan tenaga buruh luar bandar, saya mencadangkan supaya Kerajaan mestilah merangka satu rancangan latihan teknikal yang khusus dengan menubuhkan lebih banyak pusat-pusat latihan dan juga sekolah-sekolah teknikal dan vokasional. Adalah satu perkara yang kurang adil seandainya latihan kemahiran tenaga manusia hanya diletakkan di bawah tanggungjawab Kerajaan sahaja. Ini adalah kerana sektor swasta yang memperolehi lebih banyak faedah daripada kewijudan tenaga mahir dan separa mahir dalam mempertingkatkan pengeluaran mereka. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya sektor swasta juga perlu sama-sama memainkan peranannya dalam

mengiatkan pembangunan sumber manusia. Sektor swasta perlu bekerjasama dengan sektor awam dalam menyediakan program latihan teknikal yang diperlukan.

Satu aspek yang pencing dalam pembangunan sumber manusia yang perlu ditekankan adalah keseimbangan di antara pengetahuan ilmiah, keraahiran dan kerohanian di kalangan pekerja perlu diwujudkan. Nilai-nilai positit yang dimiliki bersama perlu ditanam khususnya di kalangan generasi muda. Di samping itu, satu etika kerja yang sesuai perlu dibentuk di kalangan pekerja seperti 'Semangat Kekitaan', 'Keseciaan', 'Disiplin', 'Dedikasi', 'Bekerjasama', 'Kreatit' dan scbagainya sejajar dengan matlamat meningkatkan produktivici. Melalui peningkatan tenaga mahir diharapkan akan dapac mewujudkan keseimbangan pendapatan di kalangan nenaga manusia dan kumpulan etnik. Pekerja-pekerja mahir dari sektor awam mestilah diberi pendapatan yang sejajar dengan sektor swasta di samping insentif-insentif yang menarik perlu disediakan bagi mempastikan peningkatan dalam produktiviti yang dapat memperkukuhkan ekonomi negara. Sementara itu gaji pekerja mahir dalam sektor swasta mestilah dikekalkan pada tahap yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, saya suka mencadangkan bahawa satu struktur gaji berasas kepada produktiviti perlu dibcntuk, pembayaran gaji bagi pekerja mahir dan separa mahir hendaklah mengikut tahap produktiviti mereka. Gaji yang tinggi hanya perlu diberikan kepada tcnaga pekcrja yang mcnunjukkan peningkatan dalam produktiviti, sementara bagi pekerja yang tidak dapat mcningkatkan produktiviti harus diberi gaji yang lebih rendah. Dengan cara begini akan

menggalakkan tenaga pekerja berusaha untuk meningkatkan kemahiran mereka dan seterusnya tahap prbduktiviti dapat ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pert.ua, dari segi perkembangan industri pula, Kerajaan harus memberikan penekanan kepada pembangunan industri-induscri kecil dan sederhana supaya ianya dapac berkembang dan dapac memainkan peranan yang lebih penting dalara ekonorai negara. Penlngkatan dalam keupayaan industri kecil dan sederhana amat penting kerana dapat menyokong perkembangan dasar pcrindustrian ncgara dengan membekalkan input-input kepada sektor perindustrian. Industri kecil dan sederhana akan bertindak sebagai asas kepada perkembangan sektor industri bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Kerajaan seharusnya menggalakkan pertijmbuhan induscri kecil dan sederhana di kawasan-kawasn luar bandar bagi memberi peluang kepada mereka mencebur diri dalam bidang perindustrian asas, tapak-tapak perindustrian dan kemudahan infrastruktur perlu diwujudkan di kawasan-kawasan luar bandar bagi menggalakkan industri ini bcrkembang.

Seperti yang saya nyatakan terdahulu dalam usaha untuk mcningkaCkan perturabuhan sektor pertanian luar bandar, penggunaan teknologi moden harus dicingkackan. Ini akan mengakibatkan penggunaan . tenaga buruh akan berkurangan atau tidak digunakan dengan sepenuhnya. Dengan wujudnya industri kecil dan sederhana di kawasan luar bandar, ianya akan dapat: membantu menyalurkan penggunaan tenaga buruh tersebut di dalam industri ini.

tnenyalurkan penggunaan tenaga buruh sebagai d-i daiam mauscri ini.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga hruslah menyediakan latihan teknikal yang bersesuaian untuk mewujudkan tenaga mahir dalam industri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam ini merupakan satu program ekonomi jangka pendek yang menjadi asas permulaan kepada program-program seterusnya untuk mencapai matlamat mejadikan Malaysia sebuah -negara maju menjelang tahun 2020. Untuk niencapai matlamac ini, satu masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatupadu yang mempunyai identitinya tersendiri perlu ditekankan. Keadaan kestabilan policik dan sosial yang berterusan harus diwujudkan raelalui pengagihan kekayaan yang adil dan saksama bagi menjamin perkembangan ekonomi negara. Program-program khusus perlu dirangka dan dilaksanakan untuk meningkatkan perpaduan dan keharmonian di antara kaum di Malaysia. Rakyat Malaysia perlu dibentuk agar menjadi satu masyarakat yang mempunyai etika dan nilai moral yang tinggi di sarnping sikap positif bagi mewujudkan masyarakat yang bertanggunjawab, berdaya tahan, progresit dan penyayang. Dengan cara begini, Malaysia akan menj adi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dengan nilai dan identitinya tersendiri yang lebih baik dari negara-negara maju yang ada sekarang,

luan Yang di-Pertua, dengan yang demikian, saya menyokong Usul Rancangan Malaysia Keenam.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Hajl Mahiruddin]: Batang Lupar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sebentar, ada Peraturan Mesyuarat. Point of order berapa?

Dr. Tau Seng Giaw: 12(1). Tadi saya bangkitkan ii(i). Tetapi setelah meneliti 100 Peraturan ini, saya nampaknya Yang di-Pertua tidak ada kuasa untuk melanjutkan. "satu hari lagi bagi perbahasan Rancangan Malaysia Keenam. Baru saya sedar bahawa Tuan Yang di-Pertua raeiaberi kuasa kepada kedua-dua Yang Amat Berhormat untuk menentukannya. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua mencari jalan untuk melanjutkan satu hari lagi bagi semua yang hendak mengambil bahagian di dalatn Perbahasan RM6 ini? Itulah rayuan saya. Setelah meneliti 100 Peraturan ini, saya dapati bahawa Tuan Yang di-Pertua tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian. Cuma melalui 11(l), itu pun terserah kepada kedua-dua Yang Amat Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Baji Mahiruddin]: Kita tidak ada lanjutan perbahasan, habis. pada hari ini. Besok Menteri-menteri akan menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw: .....kerana memandangkan banyak orang yang hendak mengambil bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kica tahu dan keputusan kita sudah dibuat bahawa hari ini adalah hari penghabisan perbahasan. Jadi, kita beri peluang kepada Menteri-menteri menjawab besok.

Dr. Tan Seng Giaw: Walaupun ada Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen tidak mengambil berat mengenai perkara iniii.....

Timbalan Yang di—Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhorrnat dari Kepong, kita telah pertimbangkan dengan teliti dan semua aspek telahpun diambil kira. Batang Lupar.

7.33 mlm.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untak membahas dasar-Rancangan Malaysia Keenaia yang akan diselenggarakan dari tahun i99i hingga tahun i995. Rancangan Malaysia Keenain ini juga celah disifatkan sebagai rasa pertama RRJP2 di dalain Rangka Wawasan 2020. Itu adalah wajar sekali -dasar Racangan Malaysia Keenam ini mempunyai intisari dan ciri-ciri yang boleh memenuhi aspirasi dan cita rasa rakyat keseluruhannya di dalam mencapai matlamat RRJP2, kerana Rancangan Malaysia Keenam inilah sebagai pembenteng jalan perintis hutan dan pengasas segala kemajuan yang dibayangkan di dalam Wawasan 2020 itu. Harapan kita ialah untuk membina negara Malaysia yang makraur serta maju dan berharmoni baik dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua sehubungan dengan perbahasan saya ini, inginlah. saya mengambil peluang untuk mengucap eerima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keseluruhannya dasar yang terkandung di dalam Usul beliau, itu terutama sekali penekanan kepada pembangunan kawasan-kawasan atau negeri-negeri yang kurang tneiabangun. Saya benar-benar menaruh harapan dasar atas pelaksanaan dasar Rancangan Malaysia Keenam ini. Walau bagaimana baik dan canggih sekalipun dasar, jika pelaksanaannya kurang cekap, kurang araanah dan tidak peka dengan kehendak rakyat sejajar dengan dasar itu, namun terbengkalai juga padahnya, kerana atas pelaksanaan ini-lah terletaknya pengasas dan pengukur saina ada kita akan berjaya atau tidak - gambaran nanti sama ada rakyat Malaysia di luar bandar, terutaina sekali di negeri-negeri yang kurang maju seperti di Sarawak, akan mengiringi kemajuan yang dicapai di luar bandar di seluruh Malaysia ini atau ketinggalan selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah bermakna negeri Sarawak tidak mengalami dan mendapat nikmat dan kemajuan dari dasar Rancangan Malaysia Pertama hingga Kelima, Bahkan Sarawak juga membangun dengan pesat terutama sekali di dekad yang baru berlalu. Umpamanya, Bandar Miri yang pernah digelar sebagai 'sleepy hollow' kini membangun dengan pesat dan mempunyai kemudahan serba ada dan mewah. Ini telah menjadi tarikan kepada pelancong daripada negara jiran dan membuatkan sebagai bandar pelancong utama di Sarawak. Bintulu dahulunya kampung nelayan kecil, sekarang telah menjadi bandar industri yang membangun pesat tidak bandingnya di negara ini. Bandar Kuching juga akan bertukar corak, bakal menjadi bandar yang terindah, terbersih di negara ini. Kota Samarahan, bandar baru atas ilham dan rangka rancangan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, juga sedang membangun dan terus membangun di dalam rangka rancangan dengan izin, urbanisation of rural areas. Sehubungan dengan ini, saya mengucap syabas dan tahniah kepada Kerajaan negeri Sarawak dan Barisan Nasional Tiga yang memerintah atas visi dan dayausaha mereka untuk memajukan negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, dari peringkat ini inginlah menyentuh sedikit tacian yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching sehubung dengan pembangunan kawasan Kota Samarahan, iaitu kejayaan projek IADP (Integrated Agriculture Developtment Area) yang sebesar lebih kurang 93,000 hektar. Projek ini telah dianggap sebagai berjaya sekali di dalam uiembangunkan sosio-ekonomi masyarakat setempat di Sarawak. Projek ini adalah dianggap sebagai pengukur segala kemajuan di Sarawak. Atas pelaksanaan- kejayaan projek inilah

maka tiap-tiap kawasan terutama sekali di. kawasan saya di Batang Lupar, masyarakat mendesak agar projek IADP yang sebegini dibuat di setiap-tiap kawasan yang berpotensi.

Dengan ini, saya meminta agar kawasan di luar bandar terutama sekali di Kampung Sembangan dan Kampung Sebuyau, di anCara Sebuyau dan Linga di kawasan Meludang dan Terisau, di Batang Lupar dikenal-pasti untuk melaksanakan projek IADP sebegini. Saya juga sedar per-soalan. kawasan nipah atau "apong" kata orang Sarawak, tak kena ban Jabatan Parit dan Tali air dalam melaksanakan IADP ini. Saya juga tahu segelintir yang kecil sekali orang dari Kampung Beliung, Tembirata dan Sungai Apong tidak berpuas hatii kerana ada kawasan apong yang terbinasa oleh ban Jabatan Parit dan Taliair, Golongan ini ainatlah kecil sekali. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah daa sedang mengambil tindakan yang wajar untuk memperbaiki keadaan hidup mereka dan mencadangkan alternative, dengan izin, usaha yang lain, kerana kawasan di luar ban masih boleh diambil 'air sedap'. Perkataan air sadap ini digunakan oleh orang Batang Lupar dengan pengertian madu daripada tangkai bunga nipah atau apong dan kawasan di dalam ban sudah menyubur walaupun mempunyai sulphur acidic content, dengan izin, tetapi boleh diguna untuk menanam tembikai atau 'semangka' kata orang Sarawak. Tetapi yang menyedihkan ada segolongan ahli policik menggunakan ini sebagai isu, dan isu ini biasanya berbangkit apabila pilihanraya hainpir tiba. Saya terdengar juga khabar-khabar angin mengatakan DAP hendak menubuhkan satu cawangan di situ. Jadi, tidak hairanlah isu remeh-temeh ini sampai ke Dewan yang mulia ini juga.

Dari itu saya sarankan agar Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching baiik ke Sarawak dan nasihatlah rakan-rakan Yang Berhormat di sana agar menerima sahaja pembangunan baik yang diberi oleh Kerajaan. Parit, taliair dan ban ciaak boleh digali di atas nwari atau digantung di pokok nipah. Ingat kaca pepatah, kalau tidak di-pecah ruyung, di mana akan dapat sagunya, Penilaian Yang Berhormat atas Hak Tanah Adat Native Customary Rights (NCR), dengan izin, ataupun seksyen 5 Land Code Sarawak adalah kurang jelas dan menge-lirukan. Ini juga saya cadangkan agar Yang Berhormat serahkan per-kara begini kepada yang benar-benar tahu dan mahir dalam soal ini.

Saya tidaklah ingin berkuliah di sini kerana ini akan membosankan Ahli-ahli Yang Berhormat, lagipun masa cidak mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik semula kepada tajuk asal perbahasan kita di sini. Pembangunan luar bandar Negeri Sarawak. . Kerajaan Negeri Sarawak memberi penekanan. kepada pembangunan luar bandar. Tetapi sebagaimana kita lebih tahu Sarawak hampir sama besar dan panjangnya dengan keseluruhan Semenanjung Malaysia. Kemajuan dan kekayaan negeri dari segi kewangan dan teknikal adalah terhad seterusnya bukan sahaja banyak pembangunan luar bandar yang di luar bidang tanggungjawab dan kemampuan Kerajaan Negeri, tetapi adalah menjadi tanggungjawab dan kemampuan Kerajaan Pusat untuk mengenalpasti, mengkaji, merancang dan melaksnakannya. Di situlah lecak harapan saya, harapan rakyat Malaysia di luar bandar Sarawak. Siapa yang ingin maju bersama saudara-saudara mereka di negeri-negeri yang lain.

Permintaan rakyat Sarawak adalah sejajar dengan dasar Rancangan Malaysia Yang Keenam supaya luar bandar diberi jalan raya untuk menghubung satu kampung kepada kampung utama yang lain. Tiap-tiap kampung dan rumah panjang di luar bandar diberikan janakuasa berasingan kerana adalah lebih mahal untuk menyambung high tension ataupun cable daripada hidro-hidro yang ada ke perkampungan dan rumah panjang yang terpencil di seluruh Sarawak.Klinik dibina ditempat-tempat yang sesuai di pendalaman dan persisiran.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian dan kejayaan RRJP2 akan diukur

dengan pembangunan gunatenaga manusia yang sistematik berteraskan intisari Rukunegara. Gunatenaga manusia yang berkesan inovatif, dinamik dan berketahanan tinggi, yang mempunyai kesanggupan untuk menerima cabaran Wawasan 2020 yang dirangkakan itu. Di dalam kontek ini adakah Kerajaan sudah bersedia, adakah lepasan sekolah 2,500 tiap-tiap tahun itu sudah bersedia untuk menyahut cabaran ini. Adakah Dasar Belia Negara yang ada sekarang mencukupi, adakah Kemencerian Sumber Tenaga Manusia pernah bertanya semasa lima tahun lalu sudah memberi satu gambaran yang boleh dilihat di sekicar pasaraya dan kompleks belibelah di seluruh negara sekarang.

Adakah gambaran yang sama wujud semula di lima tahun yang akan datang. Dan apakah kesannya kepada Dasar Negara dan RRJP2 dan Wawasan 2020 itu. Bagaimana pula dengan Kementerian Pendidikan dan Dasar Pendidikan Negara, sudahkah dipersiapkan dan diperkemaskinikan untuk mengisi kehendak pembangunan negara untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Adakah Kementerian-kementerian ini sudah duduk semeja berunding, membahas dan merangka dasar baru supaya mengeluarkan guna tenaga yang bukan sahaja berkesan inovatif, dinamik dan berketahanan tinggi tetapi juga patriotik, bermoral, bersifat mulia di dalam social engineering, dengan izin. Saya mempunyai kepercayaan iaitu jika hendak membentuk buluh biarlah dari rebungnya, dengan itu di sekolah-sekolah latihan untuk menerima cabaran Wawasan 2020 itu bermula bukan di peringkat sekolah menengah sahaja tetapi di peringkat pra sekolah hingga ke universiti dan diekori dengan latihan persesuaian, vokasional dan orientasi etika kerja yang matang, canggih dan berkemampuan. Anak-anak sekolah bukan sahaja

diajar menghaf:az dan menghatal Deklarasi Rukunegara dan menyanyi Lagu Kebangsaan Negara tetapi yang lebih penting dan lebih bermakna ialah penerangan, penjelasan, hakikat dan tujuan hikmah di sebalik Rukunegara dan Lagu Kebangsaan Negara ini agar dapat tnenj adi satu pedoman dan panduan di dalam mencanaikan sikap generasi yang akan datang, yang bakal mewarisi segala-galanya di negara yang tercinta ini. Harapan yang besar ialah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berkesan, inovatif, dinamik dan berketahanan tinggi di dalam mengejarkan kemajuan dunia 'tetapi bermoral, bersifat mulia, berasaskan agama untuk menunggu hari akhirat. Tidak kurang pentingnya untuk melahirkan rakyat Malaysia yang benar-benar, berbangga sebagai rakyat Malaysia, banggakan negara Malaysia dan banggakan apa sahaja digelarkan Malaysia dan rela untuk menjadi benteng untuk mempertahankan kedaulatan negara ini walau di forum mana atau di medan mana pun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hakikat ini saya ingin raemberi sokongan kepada cadangan Yang Berhormat dari Padang Terap. terutama sekali di bidang social engineering, dengan izin, guru-guru sebagai pencanai sikap, pengubah watak, jangan sekali-kali dijejas produktiviti mcreka walaupun dertgan alasan untuk memperbaiki kedudukan guru-guru keseluruhannya. Guru yang terjejas hendaklah diberi imbuhan sewajarnya, kedudukan seimbang agar tidak hilang ganjaran kewangan dan menjaga harga diri seteru-snya. Rangka rancangan tnungkin mewujudkan the rich in the industrial belt, di negara ini juga patut dielakkan kerana ini akan membesarkan lagi jurang perbezaan di antara segelintir kawasan dengan kawasan yang lain, daripada satu

tempat dengan tempat yang lain dalam lingkungan industri tersebut dan seterusnya akan menjejaskan Dasar Pembangunan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila gulung Yang Berhormat

Wan Juaaidi bin Tuanku. Jaafar: Dengan ketidakseimbangan ini sebagai batu penghalang ke atas segala cita-cita murni itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, inginlah saya menyentuh sedikit pcrkara - saya sudah kehilangan fikiran Tuan Yang di-Pertua - kerana masa tidak mengizinkan cidak dapatlah saya- hcndak membahaskan perhubungan dengan pengangkutan sungai di Sarawak, yang mana baru-baru ini semenjak bulan Januari sehingga sekarang telah membunuh 20 orang rakyat Sarawak kerana kemalangan di sungai dan saya menggesa pihak Kementerian yang berkenaan untuk menggubal satu-satu perundangan ataupun intisari untuk menentukan rekabentuk dan keselamatan di sungai-sungai sebagaimana pentingnya dengan keselamatan-keselamatan di jalan raya.

Dengan itu, saya menyokong usul Perdana Menteri, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tumpat.

7.46 mlm.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Untuk menj adikan Malaysia sebuah negara yang maju tahun 2020, demikianlahlah wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Inilah dasar dan falsafah pembangunan yang mahu dicapai dan mahu dilaksanakan di negara kita ini. Manakah negara yang menjadi modelnya, Amerika atau Jepun atau

seumpama dengannya. Apakah Kerajaan sedar bahawa negara-negara tersebut sudah mulai merasakan kesilapan yang amat besar walaupun raereka berjaya membangun di bidang fizikal atau material tetapi mereka gagal di bidang pembangunan spiritual atau pembangunan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pendapat saya, manusia adalah merupakan unsur yang tcrpenting untuk dibangunkan kerana manusialah yang terlibat secara langsung imtuk menikmati dan menguasai hasil daripada pembangunan yang diadakan. Luhur manusia masyarakat dan negara akan menjadi luhur, kita sangat memerlukan manusia yang luhur, berakhlak dan beradab. Jika manusia dapat kita bangunkan salaras dengan pembangunan yang dirancangkan maka di sana banyak persoalan yang dapat kita selesaikan. Jika tidak dirancangkan dangan teliti, tunggulah cahun 2020 masyarakat kita pada masa itu akan menjadi sebuah masyarakat yang semberono. Dari sudut tertentu cara hidupnya sepertilah haiwan, adat dan agama diabaikan, tidak bertanggungjawab terhadap ibu bapa, masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sudah 30 tahun lebih kita merdeka, laungan penerapan nilai-nilai Islam telah dikumandangkan, slogan bersih, cekap dan amanah diperkatakan, ditambah dengan slogan berkualiti, kapimpinan melalui tauladan dan terakhir sekali Wawasan 2020 dan kedengaran pula suara sumbang mengatakan Malaysia telah disenaraikan dalam kategori negara maju, bukan lagi negara yang sedang membangun. Semuanya itu sepertilah kata pepatah Melayu, "Indah khabar dari rupa.".

Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini adalah merupakan cita-cita yang dirancangkan sahaja, yang mungkin dicapai atau tidak semuanya itu akan ditanggungi oleh manusia.Kerana itulah saya telah mencadangkan bahawa pembangunan manusia ataupnn pembangunan spiritual hendaklah lebih diutamakan, tidak sebagaimana Wawasan 2020 dan Rancangan Malaysia Yang Keenam, soal-soal pembinaan spiritual, soal pembinaan kemanusiaan seolah-olah diketepikan sama sekali.

Sebelum kita melangkah ke Wawasan 2020 ke Rancangan Malaysia Kaenam yang merupakan tangga pertama dari pada Wawasan itu, marilah sekejap kita menoleh ke belakang selama Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri dengan barisan kepimpinannya yang bertambah lemah". Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima telah dijalankan di zamannya. Dasar Ekonomi Baru mengalami kegagalan. Apa yang dapat dilihat, target 30% kepada bumiputera dan penyusunan semula masyarakat masih belum tercapai. Di sana juga terlalu banyak penyelewengan-penyelewengan dan. penyalahgunaan kuasa telah berlaku. Tidak perlu saya jelas satu persatu kerana rakan-rakan saya telahpun menjelaskan dalarn beberapa hari ini.

Yang ketiga, ditambah lagi dengan kesihatan dan pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya, Perdana Mentari mungkin bertambah menurun kerana faktor-faktor nature, ditambah juga lagi dengan barisan pelapis yang saling cemburu-mencemburui. Lantaran itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak yakin matlaraat Wawasan 2020 dan Rancangan Malaysia Keenam dapat dilaksanakan dengan baik.

Kepada Keraenterian Pertahanan, saya mohonkan perhatian. Yang pertama, saya difahamkan bahawa bantuan. Amerika kepada Angkatan persenjataan negara kita telah bertambah dari masa ke semasa. Apakah jenis-jenis bautuan itu dan berapa banyakkah bantuan-bantuan yang telah diterima setakat ini. Saya mohon diperjelaskan.

Akibat daripada inilah, saya merasakan jika diperhatikan secara teliti, Malaysia di dalam banyak persoalan di bidang ketenteraan. telah dipengaruhi oleh Amerika dan kemungkinan dalam segala aktiviti ketenteraan di negara kita telah diprogramkan oleh CIA dan

kepentingan CIA. Saya minta perhatian daripada pihak yang berkenaan. Saya tidak mahu kerana budi kita mati.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya target yang mahu dicapaikan oleh ketenteraan negara kita semuanya berlegar di sekitar fizikal dan materialistik semata.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yatig Berhormat, sebentar. Ada Ahli Yang Berhormat bangun, beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Minta maaf. Masa tidak mengizinkan. Nanti kita boleh bercakap di luar.

Akibatnya secara psikologi menimbulkan rasa takut dan cemas apabila menghadapi suasana gawat. Mereka takut kepada mati, mereka cinta kepada dunia. Mereka telah ditanamkan dengan semangat bertanggungjawab kepada negara tetapi mereka cidak ditanamkan seraangat bertanggungjawab kepada agama. Sayang seribu kali sayang sepertilah si Luncai terjun dengan labu-labunya. Dengan kemampuan yang ada pada Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk merancangkan perkara ial, sudah tentu tidak ada kemampuan. Minta tolonglah kawan-kawan yang raerapunyai kemampuan untuk menyelesaikan perkara ini. Insya-Allah, akan berjaya. Mungkin Yang Berhormat Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor, Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan Dato' Haji Mohamed Asri, Tokoh Maal Hijrah dan Wan Mokhtar, kemungkinan yang lain-lain boleh membantu Yang Berhormat Menteri Pertahanan iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib. Saya mohon pertahanan dilakukan dalam kehidupan dan suasana ketenteraan di negara kita supaya budaya-budaya lama yang out-of-date, dengan izin, yang negatif digantikan dengan budaya-budaya baru yang lebih positif.

Apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, perubahan yang paling utama yang perlu dilakukan dalam ketenteraan negara kita ialah yang pertama, saya minta kepada pihak Kementerian Pertahanan yang sekian lama telah mengabaikan nilai-nilai kerohanian. Jika ada hanyalah sekadar kelas Fardu Ain, Doa, Musabaqah Al-Quran, nasyid, zikir dan tahlil, menjadi imam, tidak lebih daripada itu sedangkan benda-benda mungkar raasih berleluasa di dalam ketenteraan negara kita. Kenapakah hal ini terjadi?

Tuan Ruhanie bin Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Point of order. Tuan Yang di-Pertua, rnenurut Peraturan Mesyuarat 36(5), seseorang Ahli tidak boleh dibenarkan menyebut nama Ahli yang lain. Jadi, saya berharap Yang Berhormat yang sedang berucap mengambil perhatian mengeaai hal ini dan minta Tuaa Yang di-Pertua membuat ruling mengenai hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Terima kasih, ingatkan Peraturan ya.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih.Tuan Yang di-Pertua, misalnya majlis 'tahun baru ala Barat masih terus dilakukan. Yang kedua, majlia makan beradab, ini adalah peninggalan kolonialis dan tidak sesuai dengan budaya kita dan saya anggap benda ini adalah nonsense, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Yang ketiga, Malam Tamunita. Kadang-kadang Malam Tamunita ini bermula selepas Maghrib, tidak tahu sembahyang ke mana, selesai awal pagi, Subuh tidak tahu ke raana, bangun pukul 11.00 pagi.Inikah kerja tentera-tentara military, dengan izin, di negara kita, Tuan Yang di-Pertua?

Yang keempat, di dalam latihan waktu solat diabaikan. Tidak masuk dalam program khas, terserah kepada individu. Cara-cara sembahyang jauh sekali diajarkan semasa peperangan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu, ingin saya membawa sedikic tentang apa yang disentuh oleh kawan saya kelmarin iaitu apa yang telah terjadi di Pantai Remis berhampiran dengan Pengkalan TLDM di Lumut. Suratkhabar Cina telah heboh membicarakan persoalan ini. Telah diakui sendiri oleh Exco Perak, memang di sana ada terdapat toksik dan raungkin sisa-sisa radioaktif, kita tidak pasti benda itu tetapi bolehlah pihak yang berkenaan menyiasat. Kenapakah bahan-bahan beracun yang menjadi musuh kepada alam sekitar itu berada di sana? Kepada siapa hendak kita salahkan, Tuan Yang di-Pertua?

Dari sudut keselamatan, dengan adanya bahan-bahan toksik yang amat merbahaya itu di sana, apa lagi ia terletak berhampiran dengan Lumut, ia akan jadi lebih bahaya lagi jika peperangan akan berlaku. Dari mana bahan-bahan beracun itu datang? Apakah daripada 'negara tetangga atau . negara-negara lain yang menjadikan negara tetangga sebagai laluan atau destinasi sahaja? Jika itu datang daripada negara tetangga, apakah sebelura daripada ini persetujuan telah dilakukan, jika tidak kenapa hal itu berlaku? Kepada siapa yang seharusnya kita persalahkan? Kepada Kementeriankah kita akan persalahkan atau kepada negara tertentu kita mesti persalahkan?

Tuan Yang di-Pertua, mungkin di Pantai Remis itu, bahan-bahan radioakti£ dan menjadikan negara jiran. kita sebagai transit sebagai-mana yang telah saya nyatakan tadi. Toksik amat bahaya. Negara-negara maju, mereka membuang sisa toksik ke negara-negara ketiga atau di dasar lautan. Dengan peristiwa itu, timbullah pertanyaan,

apakah di Pantai Remis sahaja didapati tersimpan buangan toksik? Apakah di pantai-pantai lain juga ada tersimpan bahan-bahan itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat:, sila gulung.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini bermakna Kementerian Pertahanan telah cuai di dalara melaksanakan tugas. Kalau dahulu udara kita diceroboh, sekarang daratan kita pula diceroboh, nelayan diceroboh, hutan diceroboh, tidak salah kalau saya katakan bahawa Kementerian Pertahanan di dalam negeri kita tidak canggih.

Saya rasa itulah yang patut saya sampaikan walaupun banyak lagi yang ingin saya sampaikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan.

8.00 mlm.

Tuan Ong Tin Kim [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada minggu yang lalu merupakan fasa percama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan juga Dasar Pembangunan Nasional dan ini adalah.....

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat, kuorum tak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada apa itu? Saya tak dengar!

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Kuorum tak cukup.

Loceng dibunyikan.

[Ahli-ahli dikira, lebih 26 ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup kuorum. Sila teruskan

Tuan Ong Tin Kim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya anggap Rancangan Malaysia Keenam ini adalah satu landasan bagi DPN dan RRJP2.

Tuan Yang di-Pertua, teras utama Rancangan Malaysia Keenam adalah uncuk mengekalkan pertumbuhan dan mengendalikannya dengan jaya supaya dapat mencapai pembangunan ekonorai yang lebih seimbang. Ini adalah strategi yang bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun kebelakangan ini negara kita telah mencapai pertumbuhan yang sangat cemerlang, tetapi tidak

dapat dinatikan bahawa asas-atau landasan ekonomi negara kica, iaitu economy base, dengan izin, masih sempit, khasnya dalam sektor pembuatan. Kita terlalu bergantung nasib kita kepada Industri elektronik. Ini adalah satu kelemahan di sektor pembuatan kita, sacu kelemahan ekonomi negara kita. Kita harus memperluaskan asas sektor pembuatan kita supaya klta tidak terlalu bergantung nasib negara kita kapada elekcronik supaya ekonomi kita lebih kukuh. Dalam hal ini, industri kecil dan sederhana, iaitu SMI, dengan izin, akan meraainkan sacu peranan yang penting tetapi sekcor industri ini yang banyak menyumbang kepada perkembangan ekonomi kita masih lemah pada masa ini. Masalah-masalah yang dihadapi oleh industri kecil dan sederhana di dalatn negara kita ialah kekurangan modal dan juga kekurangan teknologi.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam ada cadangan dan projek-projek bantuan ceknik bagi RM1, iaitu industri kecil dan sederhana tetapi pada masa sekarang mereka yang hendak memperkembangkan industri mereka tidak dapat cara untuk mendapat bantuan modal dari mana-mana pihak. Mereka terpaksa pergi ke bank-bank untuk mendapat per-tolongan. In-i mereka menghadapi banyak masalah-masalah, bukan sahaja prosedur dan proses yang memakan masa tetapi syarat-syarat yang sangat. ketat dikenakan. Saya harap Kementerian Kewangan kita akan kaj i perkara ini dan arrdainya satu skim dapat diaturkan supaya Kerajaan dapac membantu sektor ini mengatasi masalah-masalah kekurangan modal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi ada 3 faktor yang saya anggap adalah kunci, iaitu key to economic development:

(i) pendidikan;

(ii) sumber manusia; dan

(iii) sains dan teknologi.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam $580 juta telah diperuntukkan untuk latihan perinduscrian dibandingkan dengan $330 juta di bawah RML. Ini adalah selaras dengan strategi RME (Rancangan Malaysia Keenam) bahawa industri akan menjadi punca utama pertumbuhan ekonomi negara kita di masa akan datang. Tetapi saya rasa kecewa sedikic kerana cuma $296 juta diperuntukkan untuk pendidikan politeknik di bawah Rancangan Malaysia Keenam dibandingkan dengan $234 juta di bawah RML, cuma $62 juta lebih sahaja dan tiada rancangan untuk raenubuh acau mendirikan universiti baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Saya merasa kecewa kerana pendidikan policeknik dan universiti adalah merupakan satu sumber yang penting untuk metnperkembangkan sumber manusia kita dan sumber manusia kita yang merupakan kunci kepada perkembangan ekonomi, that is key to economic development, dengan izin.

Saya juga merasa kecewa sedikit kerana pada masa ini kekurangan tcmpat-tempat di politeknik dan universiti tempatan, beribu-ribu anak Malaysia yang tidak berupaya tidak dapat melanjutkan pendidikan tnereka. Ini adalah satu kerugian yang besar bagi negara kita. Apa lagi sekarang kita memerlukan beribu-ribu sumber manusia dalam usaha kita memperkembangkan ekonomi kita supaya kita bersama-sama dapat maju ke arah Wawasan 2020. Ada juga beribu-ribu anak Malaysia yang berupaya pula terpaksa melanjutkan pendidikan mereka di luar negeri . Ini akan mendatangkan kerugian beribu-ribu foreign exchange, dengan izin.

Pada anggapan saya 3 langkah harus dilaksanakan supaya kita dapac memperkembangkan sumber manusia kita yang sangat-sangat mustahak dalam perjuangan kita untuk mencapai matlamat RRJP2 dan Wawasan 2020:

(i) membuka lebih kolej-kolej universiti-universiti, khasnya politeknik dan pusat institusi latihan teknologi;

(ii) mengadakan universiti terbuka (open university) supaya lebih pemuda-pemuda kita dapat melanjut-kan dan mengikuti pendidikan tinggi melalui konsep universiti terbuka, iaitu open university;

Ketiga, menggalakkan pihak swasta menceburi bidang peadicikan, cnendirikan lebih kolej-kolej dan institusi-institusi teknologi.

1'uan Yang di-Pertua, kica bukan sahaja mahu pertumbuhan perkembangan ekonomi, kita inahu juga mempertingkatkan kehidupan rakyat kita supaya rakyat kita dapat kehidupan yang lebih selesa, lebih segar" dan duduk dalam alam sekitar yang lebih cantik dan lebih segar. Dengan perkataan lain, bukan sahaja kita mahu quantitative, dengan izinnya, tetapi kita inahu juga quality of life dengan izin.

Walaupun Rancangan Malaysia Keenam menunjukkan kesedaran isu alam sekitar atau environmental issue, tetapi peruntukan yang diberi di bawah Rancangan Malaysia K.eenam hanya 340.35 juta untuk melaksanakan projek-projek kebaikan dan alam sekitar. Adakah amaun ini mencukupi? Selain daripada itu, saya hendak menarik perhatian Kerajaan berkenaan dengan industri-industri yang merbahaya dan industri-industri yang mengeluarkan atrluent, dengan izin, ataupun sisa toksik ataupun radioactive, dengan izin.

Peristiwa Bright Sparklers tidak boleh kita lupakan. Kilang seperti Bright Sparklers dan kilang yang mengeluarkan aftluent dan radioactive, dengan izin, seperti ARE, iaitu Asia Rare Earth di Ipoh, harus dikawal dengan rapi dan kilang seperti ini harus diteuipatkan jauh dari kediainan orang ramai. Sisa-sisa toksik hendaklah dikawal dan diteinpatkan di ternpat-tempat yang tidak akan membawa bahaya kepada manusia dan binatang-binatang liar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembangunan sosial, saya raengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan atas usaha-usahanya dan kejayaannya dalam pembangunan luar bandar kerana kita berjaya dalam rancangan pembangunan luar bandar, dapatlah penduduk-penduduk kita

d-i kampung-kampung di luar bandar cuenikmati hasil kejayaan, kemajuan dan perturabuhan ekonomi negara kita. Di bawah Rancangan Malaysia KeenaiEi, sebanyak $44i juta diperuntukkan untuk petnbangunan kampung-kampung dan masyarakat. Saya ingin tahu adakah kainpung-kampung yang dimaksudkan di RME, iaitu Rancangan Malaysia Keenam termasuk kampung-kampung baru dan ladang-ladang dan bagairnana pengagihan peruntukan ini? Saya harap sekiranya kampung kampung baru dan ladang-ladang termasuk dalam kategori kampung di bawah Rancangan Malaysia Keenaui ini, diinana pengagihan peruntukan ini, perhatian hendaklah diarnbil terhadap kampung-kampung baru dan ladang-ladang.

Pada masa sekarang, kampung-kampung baru dan ladang-ladang di negara kita menghadapi berbagai-bagai masalah seperti masalah kekurangan kemudahan-kemudahan awam dan intrastruktur-infrastruktur yang buruk dan tidak sesuai. Kita mahu bukan sahaja kemajuan dan perkembangan di kampung-kampung tradisi, kita juga tidak boleh ketinggalan hal keuiajuan dan kehidupan penduduk-penduduk di kampung-karapung baru dan ladang-ladang di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, usaha mengekalkan pertumbuhan tidak akan dicapai sekiranya tidak ada perkernbangah perdagangan yang selaras. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, kemudahan-kemudahan infrastruktur sokongan seperti rangkaian jalan raya dan pelabuhan akan diperkukuh dan diperbaiki, tatapi sikap etika perdagangan atau perniagaan juga perlu dipertingkatkan dan dikawal. Saya juga rnenerima aduan-aduan tentang pengedar kereta-kereta seperti kereta nasional kita, Proton Saga dan kereta jenis lain. Nampaknya pengedar kereta nasional dan juga kereta jenis lain telah menjalankan satu cara perniagaan yang kurang sihat dan tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Ong Tin Kim: Pembeli-pembeli dipaksa secara langsung atau tidak langsung meinbeli aksesori seperti car radio cassette dan lain-lainnya dan juga merabeli insurans-insurans dari syarikat insurans yang ditetapkan. Kalau mahu meminjam wang untuk rnembeli kereta, pinjaman raestilah didapati dari syarikat yang ditetapkan oleh peng-edar. Kalau tidak, tidak ada kereta. Saya harap Kementerian yang berkenaan dapat menyiasat perkara ini dan perkara ini harus diber-hentikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan atas kejayaan projek Tahun Melawat Malaysia. Kejayaan ini telah inemperkembangkan industri pelancongan negara kita, tetapi.....

Timbalan Yang di-Pertua Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat,minta gulung ya.

Tuan Ong Tin Kim: Baik, terima kasih. tetapi selepas industri ini berkembang "dan semasa rakyat kita berharap-harap supaya dapat menikmati kajayaan ini, segala caj hotel naik melambung, Jadi, sebelurn kita dapat menikmati kemanisan kejayaan yang kita sama-s'araa mengusahakan, kita telah merasa pahic susah kejayaan yang kita usahakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya yang ringkas. Saya ucapkan terima kasih dan saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya beri peluang kepada wanita.

8.16 ptg..

Puan Hajah Ilani binti Dato Hajl Isahak [Kota Bharu]: Teriraa kasih Tuan Yang di-PerEua, saya ingin itienyatakan pada permulaan perbahasan bahawa sentua pihak harus terlibat di dalam perbincangan Rancangan Malaysia Keenam, bukan terhad kepada Ahli-ahli Parlimen sahaja, sama ada Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Senate. Sayangnya akhbar, radio ataupun IV tidakpun menyiarkan perbincangan-perbincangan itu secara rneluas.. Apakah universiti-universiti terapatan dan institusi-institusi tinggi yang lain tidak berminat untuk membincang dan membuat teguran atau memberi pandangan dengan tujuan memperelokkan lagi RM6 ini?

Sebagai sebuah negara yang aiengamalkan demokrasi, suara rakyat mesti dihormati dan dihargai. Seharusnya seinua lapisan dan golongan rakyat diajak membincang Rancangan Malaysia Keenam. Mengapakah ini tidak berlaku? Kalaulah ia sedang berlaku, mengapakah hampir tiada suara mengenai perbincangan rakyat ini? Mungkinkah rakyat termasuk cerdik pandai di dalam universiti-universiti dan institusi pengajian tinggi yang lain ciada motivasi uncuk membincang Rancangan Malaysia Keenam. Mungkin mereka bersikap fatalistic, dengan izin, iaitu tnereka percaya pihak Kerajaan tidak akan menghargai atau menghormati pandangan dan teguran-teguran mereka. Oleh itu mungkin mereka menganggap membincang RM6 ini membuang kuasa sahaja.

Jika ini benar, maka Kerajaanlah yang bertanggungjawab. Sepatutnya Kerajaan sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan amalan demokrasi dengan cara memungut pandangan semua pihak. Galakan sepatutnya diberi kepada sekolah-sekolah menengah universiti-

universici, institusi-institusi, persatuan-persatuan belia, wanita, persatuan tindakan sosial, persatuan sekerja dan lain-lain pertubuhan. Ruang-ruang khas dalam akhbar patut diadakan, wawancara dan liputan oleh radio dan IV adalah antara galakan kepada rakyat. Disebabkan perbincangan oleh rakyat tidak begitu ketara, maka Wakil-wakil Rakyat terpaksa memikul amanah yang lebih berat. Nampaknya rakyac menaruh harapan kepada Wakil-wakil Rakyat untuk meuiberi pandangan dan ceguran bagi pihak mereka. Oleh itu setiap ucapan Wakil Rakyat hendaklah diberi perhatian dan dihargai. Janganlah ucapan-ucapan Wakil-wakil Rakyat ini tiada membawa kesan langsung kepada pihak Kerajaan.

Sehubungan ini,. peranan Pembangkang perlu dihargai. Sistem demokrasi sengaja mewujudkan Pembangkang derai untuk mengimbang dan menyekat unsur-unsur penyelewengan. Maka, amatlah wajar ucapan-ucapan dari pihak Pembangkang dititikberatkan kerana lazimnya Wakil-wakil Rakyat Pembangkang sentiasa bertanggungjawab menonjolkan penyelewengan-penyelewengan yang telah berlaku atau sedang berlaku. dengan tujuan mengingatkan pihak Kerajaan supaya lebih jujur dalam melaksanakan amanah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan saya semasa membahaskan usul RRJP2 saya telah mengalu-alukan penggunaan istilah pembangunan sebagai pengganti kepada istilah ekonomi kerana dasar terpenting bagi memandu negara selama tempoh 10 tahun tidak patut ditekankan kepada ekonomi seinata-mata tetapi patutlah ditekankan pembangunan dalam semua aspeknya. Penekanan ekonomi tidak patut melebihi penekanan terhadap pembangunan masyarakat.

Nauipaknya, walaupun istilah ditukar tetapi kandungan dasar tetap saraa iaitu penekanan kepada ekonomi dan kebendaan lebih di-utamakan daripada perabangunan insan atau masyarakat.

Di bawah penilaian prestasi pembangunan yang bermula pada muka-surat ataupun di bawah Bab 5 bertajuk Pendidikan dan Latihan muka-surat 173, ataupun sebelum daripada. itu di bawah perbincangan Pembangunan Sumber Manusia pada tnuka surat 57 buku Rancangan Malaysia Keenam, kita dapati bahawa penilaian dibuat dari segi ekonomi. Hampir 100% dari sudut ekonomi iaitu mengikut kayu pengukur ekonomi manusia dinilai dari segi produktivitinya untuk meneguhkan ekonomi. Maka tidak hairanlah dalam menyentuh prospek pembangunan bagi Rancangan Malaysia Keenam, kualiti sumber manusia dibincang. Manusia hanyalah sebagai objek, bukan sebagai subjek.

Saya sangat tidak bersetuju dengan Dasar Pembangunan Nasional yang akan dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenaui dan tnungkin Ketujuh jika ia terus memberi penekanan yang tidak seimbang kepada pembangunan manusia atau masyarakat. Mengapa tidak dimuatkan dalaia bukuRancanganMalaysiaK.eenatu,data-data,satatisti-statistik berkaitan dengan sejauh inana pembangunan manusia atau masyarakat berjaya meningkat kebahagian keluarga. Berapa banyakkah keluarga yang runtuh, yang dikesan bermasalah. Mengapa tidak dimuatkan staCistik atau data-data berkaitan dengan kadar jenayah termasuk jenayah kolar putih, keruntuhan akhlak, statistik berkaitan rasuah dan pecah amanah. Mengapa tidak memuatkan sejauh taana rakyat Malaysia menerima pendidikan agama dan moral secara sempurna.

Apakah Rukunegara yang mengutamakan kepercayaan kepada Tuhan tidak hendak dijadikan panduan utama Dasar Pembangunan Nasional atau Rancangan Malaysia Keenam? Mengapa buku Rancangan Malaysia Keenam tidak memuatkan cadangan-cadangan atau rancangan-rancangan berkaitan peningkatan kualiti manusia sebenarnya, bukan sekadar kualiti tenaga manusia. Penekanan kepada kemuliaan keperibadian manusia atau masyarakat patut dijadikan sebahagian Dasar Pembangunan Nasional khususnya Rancangan Malaysia Keenam.

Perbelanjaan pembangunan bagi Rancangan Malaysia Keenam dikata-kan akan menelan tidak kurang dari $104 bilion. Sepatutnya tidak kurang dari $50 bilion ataupun sekurang-kurangnya 1/3 diagih untuk pembangunan manusia dan masyarakat. Tetapi sebaliknya berlaku.

Di bawah tajuk Pembangunan Sosial, hanya $1.777 bilion. sahaja. 'Kalaupun dicampur peruntukan kesihatan iaitu sebanyak $2,253 bilion, pendidikan $7.724 bilion dan wanita dalam pembanguuan 320 juta maka kesemuanya hanya berjumlah $11,774 bilion sahaja, jauh daripada memadai.

Akhir sekali, ingin saya menasihatkan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Araat Berhormat Perdana Menteri sekarang supaya hencikanlah dari terus mengeluarkan slogan demi slogan yang lcosong. Bermula dengan 'masa beliau mengambilalih sebagai Perdana Menteri - "Bersih, Cekap dan Amanah", rasuah, skandal, ketidak-cekapan berleluasa. Slogan "Kepimpinan Melalui Teladan", ramai-ramai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tidak patut dijadikan teladan. Ramai yang menjadi penghuni penjara akibat pecah amanah. Kini Menteri Besar Kedah pula terlibat dengan skandal depoh tentera di Melaka.

Mengikut Undang-undang Pilihanraya adalah merupatcan rasuah bagi sesiapa yang menyogok pengundi dengan wang. Tetapi di Prai sekarang ini sogokan wang oleh Kerajaan Barisan Nasional melalui peruntukan Pembangunan sedang berlaku tanpa segan silu. Slogan terbaru Kerajaan Barisan Nasional ialah "Masyarakat Penyayang" dan "Negara Adil, Progresit dan Berdayatahan". Adilkah Kerajaan kepada rakyat apabila IV, pembiayaan wang rakyat hanya memberi liputan kepada pemimpin-pemirupin Barisan Nasional sahaja khususnya waktu kempen pilihanraya Prai? Adilkah Kerajaan Barisan Nasional mengenakan ISA terhadap musuh politiknya?Adakah kerajaan

Barisan Nasional terhadap rakyat di negeri Kelantan dan Sabah? Mengapa tidak menghormati perailihan rakyat kedua-dua negeri itu. Kenapa terus menzalimi rakyat kedua-dua negeri itu dengan pelbagai cara termasuk mengadakan Jabatan Pembangunan Persekutuan iaitu dengan tujoan menjejas peranan pembangunan Kerajaan Negeri pilihan rakyat dan juga memberi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam yang tidak setimpal dengan keadaan kemiskinan rakyat di kedua-dua negeri itu. Cukuplah dengan slogan-slogan. Apa yang dijanjikan di bawah Rancangan Malaysia Keenatn ini hendaklah dikota-kan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rashid bin Muhammad:[Baugun]

Timbalan Yang di—Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada empat minit. Hendak berucap? Teruskan.

8.26 mlm.

Datuk Haji Abdul Rashid bin Muhammad [Kuala Nerus]: Tuan Yang, di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam jangka waktu yang sebegitu singkat selepas melancarkan Dasar Pembangunan Nasional dan RRJP2 tempoh hari telah berjaya mengemukakan pula satu program Rancangan Malaysia Keenara yang pada hemat saya merupakan kesinambungan kepada Rancangan-rancangan Malaysia sebelum ini tetapi dengan matlamat dan visi yang lebih pragmatik, berani dan bercita-cita tinggi dan mendahulukan kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya.

T-uan Yang di-Pertua, saya rasa dukacita kerana terdapat ramai pihak Pembangkang pada seciap detik, amalan dan percakapan inereka cuba inemperkecil-kecilkan usaha dan pencapaian kejayaan pihak Kerajaan. Mereka cuba meng"highlight"kan beberapa kepincangan yang terdapat di sepanjang Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan-rancangan Malaysia yang lalu sambil tidak langsung metnberi kredit ke arah aspek-aspek kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan. Sedangkan institusi-institusi antarabangsa seperti Bank Dunia telah membuat pengiktirafan bahawa melalui -program ekonomi yang progresif selama 10 tahun kebelakangan ini telah berjaya mengelakkan Malaysia daripada kesan kemeleseCan ekonoroi dunia dan semoga berhasil mencapai status sebuah .negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sarankan dahulu semasa perbahasan tnengenai Dasar Pembangunan. Nasional dan RRJP2 yang lepas di Dewan yang mulia ini, kejayaan kita dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 yang digariskan ini bukanlah melalui perbincangan semula dasar atau menubuhkan satu-satu Suruhanjaya DiRaja bagi mengawal perlaksanaannya. Yang lebih penting ialah satu program revolusi mental yang lebih teratur yang mampu membina dan memupuk sikap positif rakyat yang boleh menolong ke arah kejayaan dan pembangunan masyarakat.

Penawar yang paling baik bagi tindakan kita adalah pada diri kita sendiri. Dalam konteks ini, saya menyambut baik keputusan. yang dibuat melalui Rancangan Malaysia Keenam yang, telah mengadakan peruntukan sebanyak $100 juta kepada Biro Tata Negara bagi tujuan mengadakan kemudahan kursus dan latihan-latihan serta memupukkan

nilai-nilai positif di kalangan generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 akan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam masa 30 tahun dari sekarang. Program-program yang dijalankan adalah berteraskan visi ini. Maka dari sekarang negara kita patutlah bersiap sedia raenghadapi masa.lah yang biasa dihadapi oleh sesebuah negara tnaju. Rakyat kita akan bertambah, industrilisasi memerlukan banyak tenaga kerja yang mahir dan separuh mahir. Dalam konteks, ini kita tidak boleh terlalu bergantung kepada sektor awam sahaja malah melalui Rancangan Malaysia Keenaia ini, saiz birokrasi akan dikecilkan lagi dan peranannya akan dikurangkan sedikit demi sedikit.

Jadi, dalam mengatasi masalah pengangguran dan mengawal penggunaan sutnber tenaga manusia yang teratur, kita mempunyai cita pilihan sahaja dalam jangka masa yang panjang iaitu satu menjadikan mereka petani...

Timbalan Yang di—Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Haji Abdul Rashid bin Muhammad: Terima kasih.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuau Muhamed Farid bin Ariffin]: luan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditang,guhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sedang berkempen di Pilihanraya Kecil Prai.

Timbalan Yang di-Pertua Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat dari Jelutong tidak hadir pada hari ini maka Ucapan Penangguhan dibatalkan. Dan masalahnya saya kemuka bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dewan ditangguhkan sehingga hari esok jadi 2.30 petang, Khamis 18.7.91.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.31 malam.